

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, Rabu 15 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Setiausaha

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha II

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan di sambung semula jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat kedua penggal kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke 12 di mulakan dengan bacaan doa.

Doa.

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan –pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya memulakan sesi soal jawab ini, sukacita saya mengambil kesempatan ini memberikan satu lagi peringatan. Di dalam Dewan ini kita sebagai wakil rakyat kita diberi perlindungan dari segi percakapan, dari segi perbahasan kita, kita memberi kebebasan dan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah untuk apa yang kita bahaskan dalam Dewan ini. Tetapi kebebasan itu ada hadnya. Hadnya adalah berbahasan itu tidak boleh menyentuh hak dan kebebasan Dewan. Iaitu bererti kita walaupun kita boleh buat kenyataan tetapi sekiranya kenyataan itu melampaui batas, maka kita boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Had Kebebasan. Itu adalah hadnya. Dan sebagai wakil rakyat kita diberi gelaran Yang Berhormat, itu ada erti di sebaliknya. Kita diharapkan menjadi seorang wakil rakyat yang berintegriti ada kredibiliti. Apa yang kita sebutkan apa yang kita cakap di luar atau dalam Dewan ini rakyat akan menganggap kata-kata itu adalah benar. Oleh itu kita mesti berhati-hati khususnya apabila kita merujuk kepada undang-undang. Kelmarin apabila saya memberi tafsiran tentang Dewan dan Perkarangan Dewan, ada pertikaian dan saya telah pun memperjelasannya dan apabila ada Yang Berhormat Sungai Panjang membangkitkan terdapat tafsiran Dewan dalam Peraturan Tetap, saya sudah minta beliau untuk memaklumkan Dewan. Peraturan Tetap yang mana beliau tidak dapat melakukannya. Dan sebenarnya tidak ada tafsiran yang dibuat. Dewan itu Dewan, dalam bahasa Inggeris hanya satu istilah digunakan. “*The Assembly*” sama ada dalam peraturan tetap kita ataupun dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Tidak ada dibezakan “*The House, The Assembly*” tidak ada. Itu adalah jelas tetapi beliau masih membuat kenyataan yang tidak benar. Dan pada hari semalam saya telah pun merujuk kepada *Askime*. Sayapun telah edarkan satu salinan kepada semua pihak, kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini dan juga kepada pihak media. Dan sekiranya saya bergantung kepada *Askime*, Tafsiran *Askime*, - amalan Komanwel dah buat keputusan, kalau tak puas hati mana-mana Ahli Yang Berhormat tidak puas hati boleh buat usul. Boleh buat usul di bawah Peraturan Tetap 87. Boleh buat usul. Janganlah keluar membuat kenyataan yang palsu lagi. Dan semalam berlaku lagi apabila Yang Berhormat Sg. Panjang memberitahu akhbar dan saya sendiri lihat di TV mengatakan bahawa tafsiran saya menyalahi tidak mematuhi Fasal 57 Perlembagaan. Fasal 57 dan telah pun dilaporkan di TV dan saya tengok di surat khabar semua keluar. Jadi semalam saya buat rujukan buat kajian dan saya telah pun mengarahkan supaya yang Fasal 57 Perlembagaan Persekutuan dan juga Fasal 57 Undang-undang Tubuh Negeri Selangor di edarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Fasal 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor ia adalah berkenaan dengan rayuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan dan saya bacakan di sini “ Apabila di bawah mana-mana undang-undang bertulis satu rayuan terhadap mana-mana orang boleh dibuat kepada DYMM atau DYMM dalam Majlis Mesyuarat maka apabila rayuan itu dibuat adalah menjadi sah di sisi undang-undang bagi DYMM melainkan terdapat maksud yang sebaliknya dalam undang-undang bertulis itu untuk melantik suatu Jawatankuasa 5 orang yang terdiri

daripada tidak lebih daripada 3 orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan tujuan untuk mendengar rayuan itu dan menasihati DYMM tentang keputusan yang patut dibuat berhubung dengan rayuan itu. Tidak ada kena mengena dengan tafsiran Dewan tetapi beliau sanggup membuat kenyataan itu. Dan disiarkan begitu di media. Ini menimbulkan kekeliruan kepada rakyat dan selepas itu saya rasa untuk *benefit* beliau untuk *I give him benefit adult*. Mungkin dirujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Saya rujuk kepada Perlembagaan Persekutuan Fasal 57 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada Pelantikan Speaker, Timbalan Speaker tidak ada kena mengena dan ini berkenaan dengan Speaker Di Dewan Rakyat. Tidak ada kena mengena dengan tafsiran Dewan atau tafsiran apa sekalipun. Jadi ini saya rasa ini adalah satu kelakuan yang amat tidak bermoral. Kita digelar Yang Berhormat tetapi kita tidak menunjukkan tauladan yang baik. Membuat kenyataan sedemikian. Merujuk kepada undang-undang yang tidak berkaitan untuk membela diri. Jangan kita tegakkan benang yang basah. Yang benar itu benar khususnya undang-undang tak boleh diputar belitkan sedemikian. Kalau tafsiran lain tak apa Tapi jangan membuat sesuatu yang tidak wujud. Saya rasa itu saya memberikan peringatan. Saya tidak mahu mengambil tindakan apa-apa walaupun sebenarnya beliau boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan kerana membuat kenyataan yang palsu. Membuat kenyataan yang tidak benar. Tapi saya cuma nak memberi peringatan saya tidak mahu dilihat menekan sesiapa. Tapi itulah saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kita hendaklah sentiasa ingat tanggungjawab kita kepada rakyat. Termasuk kelakuan kita ini. Baik terima kasih. Baik sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tanjong Sepat .

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Tuan Speaker soalan 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: SEKTOR SUKAN

54. Perkembangan Sukan Perahu Layar telah mendapat perhatian sejak kebelakangan ini dan Malaysia telah menjadi terkenal di dalam menghasilkan juara dunia. Kebanyakan juara-juara ini datangnya dari Batu Laut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf kemudahan sukan layar di kawasan DUN Batu Laut?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan membina Akademi Sukan Layar di Kawasan Pantai Batu Laut ini?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, pihak majlis telah membina dan membiayai kemudahan ram untuk bot-bot perahu layar pada tahun 2005 dengan kos pembinaan RM 150,000.00. Ini bagi memudahkan atlet-atlet menjalani latihan harian di Pantai Batu Laut. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama Persatuan Perahu Layar Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negara Malaysia telah memilih Pantai Batu Laut dijadikan sebagai Pusat Latihan Prestasi Tinggi Negeri Pelapis Negeri. Atlet-atlet yang menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang melalui sikit-sikit yang dianjurkan oleh Persatuan Perahu Layar Malaysia ataupun *Malaysian Yourth Assosiation* akan diserapkan di dalam Program Pembangunan Sukan Kebangsaan yang ditempatkan di Akademi Serantau di Langkawi. Memandangkan pihak MYA iaitu *Malaysian Yourth Assosiation* telah mewujudkan

akademi serantau di mana atlet yang benar-benar cemerlang maka keperluan untuk membina Akademi Perahu Layar Negeri Selangor pada masa terdekat ini tidak mendesak. Di samping itu juga pembiayaan untuk membina akademi tersebut agak tinggi. Namun yang demikian pihak majlis akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Majlis Sukan Negara agar dapat membantu Persatuan Perahu Layar Selangor meningkat keperluan dan kemudahan Pusat Latihan di Batu Laut dari masa ke semasa sehingga ia akan menjadi akademi pada suatu masa kelak bagi membolehkan ianya mencapai matlamat menghasilkan atlet bertaraf dunia.

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Sukan layar merupakan acara merupakan salah satu acara telah menghasilkan banyak pingat emas dalam kejohanan-kejohanan tempatan dan antarabangsa. Beberapa kejayaan umpamanya di dalam Sukan SUKMA 2008 Di Terengganu kita telah memenangi 4 daripada 7 pingat emas yang dipertandingkan dalam acara kelas optimis, kelas *laser rider*, kelas 420 itu juga dalam Kejohanan Asian *Champion Ship* tahun lepas 2008 kita juga telah memenangi pingat emas dan di dalam kejohanan Asian Optimis *Champion Ship* Di Thailand kita juga telah memenangi satu pingat emas dan tahun ini di Qatar kita juga telah memenangi satu pingat perak dan di Singapura baru-baru ini kita telah memenangi dua pingat emas. Kebanyakan pemenang-pemenang pingat emas ini adalah daripada peserta-peserta yang datang daripada sukan layar. Pesertanya datang dari kawasan Batu Laut. Soalan saya ialah kita mempunyai bangunan pejabat yang asalnya bertujuan untuk digunakan untuk persatuan layar di kawasan Batu Laut yang telah dibina oleh Kerajaan yang terdahulu. Soalan saya ialah ada tak perancangan daripada pihak kerajaan untuk memberikan kemudahan pejabat kepada Persatuan Sukan Layar ini. Kedua ada tidak rancangan untuk nak mengubahsuai pejabat-pejabat ini sekarang ini kepada mungkin asrama atau tempat tinggal peserta-peserta yang mana sekarang ini asramanya dalam keadaan yang terlalu daif saya ingat Tuan Speaker datang tengok pun kita tidak sangka bahawa asrama yang begitu daif telah menghasilkan peserta-peserta yang mencapai kejayaan di peringkat negeri dan negara. Kedua, kita telah diwar-warkan dengan rangsangan ekonomi RM50 bilion pembaikan semula Sg. Klang. Ada tidak rancangan daripada pihak kerajaan negeri untuk sebagai mungkin *complementary* membuat juga rangsangan ekonomi tetapi di dalam bentuk membaiki pantai-pantai di kawasan sepanjang pantai Negeri Selangor, membaik pulih dan menjadikan ia sebagai sumber rangsangan ekonomi yang mana pakej-pakej ini bolehlah dimulakan bermula dengan Pantai Batu Laut. Yang ketiga, untuk menjadikan kawasan Pantai Batu Laut ini menjadi satu tempat sukan layar yang paling baik atau paling terbaik di Negeri Selangor dan di Malaysia, ada tidak rancangan daripada kerajaan negeri untuk membina kemudahan *highway* daripada KLIA terus kepada Ulu Chuchoh yang boleh mendekatkan perjalanan daripada lapangan terbang kepada Pantai Batu Laut. Dan saya akhirnya ialah sekiranya Akademi Sukan Layar ini tadi dijawab oleh EXCO mengatakan bahawa kepentingan agak kurang tetapi saya fikir dengan sumbangan daripada Persatuan Sukan Layar yang

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat janganlah buat ucapan di sini tanyalah

YB TUAN DR. KARIM BIN MANSOR: Soalannya ialah dapat cakap sekali-kali Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER: Cakap semasa perbahasan lah.....

YB TUAN DR. KARIM BIN MANSOR: Soalannya ialah sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh Persatuan Sukan Layar dengan dana yang sedikit dan juga pejabat yang begitu daif, tidakkah mereka diberi peluang untuk menguruskan akademi yang bakal dibuat yang mana saya difahamkan tanah telah diberikan oleh pihak negeri kepada Majlis Daerah, apakah status pembinaannya. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tanjong Sepat. Beberapa soalan, nombor satu memang saya nampak pembinaan ini pada 2005 sampai sekarang situasinya itu bermakna tidak ada pihak mana-mana yang jaga hostel atau asrama yang ada. Memang kita akan bawa isu ini ke Pejabat Menteri Besar nanti. Tetapi *highway* itu saya ingat EXCO Infrastruktur kena tengok kita ada bajet atau tidak ada dari KLIA nak bina highway dari melalui pantai laut dari KLIA ke mana-mana tempat yang lain. Untuk pengetahuan Tanjong Sepat memang kita kena masukkan ke dalam bajet dulu sebelum kita boleh tentukan bahawa adakah tidak negeri mampu untuk bina *highway* itu. Yang ketiga, dengan tanah itu saya ingat saya kena beritahu dengan tulisan lah kepada Tanjong Sepat, keadaan tanah itu di sana dan apa yang kita akan lakukan. Tetapi ini semua yang diminta oleh Tanjong Sepat bergantung kepada bajet kita pada tahun depan dan tengok macam mana kalau perlu kita akan ada dana mesti akan kita lakukan dan buat demikian. Tetapi saya akan pun nak katakan di sini memang sukan yang kita telah memenangi beberapa peringkat di peringkat-peringkat dunia ataupun Asia Tenggara semua itu dengan kerjasama sukan negara Persekutuan. Yang kita telah *identify* bakal-bakal perahu ini dan telah bagi kemudahan-kemudahan dari bajet Persekutuan bukan dia dari negeri. Walaupun negeri telah capai sesuatu dengan perahu-perahu, so saya ingat lebih terang, lebih keras akan suruh Pejabat Menteri Besar, minta Pejabat Menteri Besar untuk tulis terus kepada Yang Berhormat Tanjong Sepat.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 54

TUAN SPEAKER: 54 dah jawab dah.

YB TUAN YAP EE WAH: *Sorry, sorry* soalan nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: SKIM MESRA USIA EMAS

55. Bertanya kepada Dato' Y.A.B Menteri Besar :

- a) Berapakah wang sumbangan dapat diperolehi oleh waris si mati melalui Skim Mesra Usia Emas?
- b) Benarkah hanya penduduk usia emas yang berdaftar dengan kerajaan negeri layak menikmati skim ini?
- c) Bagaimanakah dengan golongan usia emas yang gagal berdaftar dengan Kerajaan Negeri?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Sungai Pelek. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang ditimbulkan melalui skim mesra usia emas, sumbangan ataupun bantuan yang diperolehi oleh waris si mati adalah sebanyak RM2,500/- untuk fasa pertama inilah. Tetapi pemberian itu diberi dalam bentuk dua peringkat, pertama diberikan dua ribu ringgit semasa berlakunya kematian, sama ada dalam masa satu hari tersebut ataupun dalam masa yang terdekat dan yang keduanya bayaran peringkat kedua itu baki daripada dua ribu

lima ratus itu yang mana ianya berjumlah seribu lima ratus akan diserahkan melalui majlis yang diatitkan oleh daerah masing-masing melalui Pejabat Tanah dan Daerah yang akan diatitkan bersama oleh Rangkaian Mesra Sendirian Berhad. Jadi, pewaris si mati akan datang dan akan mengambil bayaran kali kedua. Untuk soalan nombor dua,

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Penjelasan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Belum, belum habis jawab

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Belum habis lagi jawab.

TUAN SPEAKER: Tunggu jawab dulu.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang pertama tadi.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya jawab tiga-tiga dulu. Setakat ini hanya warga emas yang telah disahkan pendaftaran sahaja yang akan layak mendapat manfaat tersebut di mana ia akan disalurkan kepada waris yang dinamakan dan disahkan seperti mana dalam borang pendaftaran. Dan juga kenapa ia perlu disahkan terlebih dahulu kerana ingin memastikan ia memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan kerana ia melibatkan sejumlah wang yang agak besar. Mungkin kalau kita tengok seorang mungkin kita rasa tak banyak dua ribu lima ratus, tetapi kalau kita tengok pemberiannya sehingga melibatkan seribu ataupun dua ribu orang, nilainya akan mencecahkan jutaan. Yang ketiganya bagi kes-kes pendaftaran yang belum dibuat ataupun yang dibuat selepas kematian kita sebenarnya RMSB telah pun membuat satu notis kepada semua ADUN-ADUN mulai 1 Julai 2009, prosedur pembayaran tidak lagi boleh dibuat secara automatik. Setiap pendaftaran perlulah didaftarkan terlebih dahulu, barulah boleh disahkan pendaftaran tersebut barulah pembayaran boleh dibuat. Maknanya golongan usia emas yang gagal mendaftar sebelum ini, pendaftaran masih dibuka. Ya, masih dibuka tetapi tidak ada komitmen daripada pihak RMSB ataupun ADUN-ADUN untuk membayar dengan kadar segera. Maknanya daftar dahulu, disahkan baru boleh kita buat pembayaran. Sebab kita tidak mahu macam saya cakap tadi bahawa pihak-pihak tertentu datang hanya untuk pendaftaran semasa kematian sahaja. Itu juga sebenarnya melibatkan fasa kedua pendaftaran kerana kita mahu ramai warga emas ini mendaftarkan diri memandangkan fasa kedua kita ingin memberikan skim kedua yang sedang dibuat oleh RMSB, jadi kita nak tahu berapakah bilangan sebenar. Ya, warga emas yang mendaftar yang ingin mendapatkan fasa kedua. Terima kasih. Sekian.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih jawapan yang dibagi itu waris yang sah baru boleh mendapat sumbangan skim mesra usia emas. Terlebih dahulu Tuan Speaker, izinkan saya membaca satu surat daripada Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Kapar, Yang Berhormat S Manikavasagam. Izin tak Tuan Speaker kerana

TUAN SPEAKER: Baca, baca.

YB TUAN YAP EE WAH: Kerana surat ini kena mengenai.....

TUAN SPEAKER: Sila, sila.....silakan....

YB TUAN YAP EE WAH : Yang ini. Surat ini dituju kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan salinan rasa saya sebelum ini saya bangkitkan dengan tak ada surat ini. Salinan itu kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan kepada saya dan Encik Mohd Ilham Sarafudin, Pegawai Operasi Rangkaian Skim Mesra Sendirian Berhad, Encik Saadon, Pusat Khidmat DUN Sementa, Tuan Pegawai Daerah Klang, Tuan Pegawai Daerah Sepang, Encik Chandran a/l Katamuthu. So dalam surat ini, dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, saya difahamkan bahawa pengadu adalah penama atau waris kepada emaknya yang bernama Wali a/p Kasrayam dalam skim mesra usia emas Selangor semasa pendaftaran di Dewan Dato' Ahmad Razali, Jalan Kapar baru-baru ini. Pada tarikh 18 Mei, ibu pengadu telah meninggal dunia di hospital Serdang dan pengadu tidak mengetahui berita kematian ibunya. Mayat ibunya telah dituntut oleh adik perempuan pengadu yang tinggal di Sepang. Sebab itulah surat ini sampai ke saya tanpa pengetahuan

TUAN SPEAKER: Saya rasa dah jelas dah, ok apa soalnya....

YB TUAN YAP EE WAH: Soalnya, waris yang daftar tidak dapat sumbangan seribu ringgit, kemudian adiknya yang dapat. Jadi, surat ini memang sudah hantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepada EXCO.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

YB TUAN YAP EE WAH: Jadi, apakah tujuan kerajaan negeri...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya suka nak ingatkan sekali lagi untuk kes-kes yang spesifik kena beri notis, takkan EXCO boleh jawab macam begini. Saya rasa, saya rasa ini dah banyak kali beri peringatan. Kalau ada perkara yang spesifik, yang khusus kena beri notis. Jangan bangun di sini dan tanya, jangan bangun di sini, nak tanya perkara yang spesifik.

YB TUAN YAP EE WAH: Sebelum saya....

TUAN SPEAKER: Ini bukan komputer, dan ini adalah peraturan...

YB TUAN YAP EE WAH: Itu sebab. Tuan Speaker tadi saya minta izin

TUAN SPEAKER: Ok saya dah dengar sebab itu saya adil, saya dengar dulu baru tahu ini perkara spesifik. Saya dengar dulu. Saya beri peluang.

YB TUAN YAP EE WAH : Ok

TUAN SPEAKER: Sebab itu saya beri peringatan lagi. Saya tidak mahu bergaduh dengan siapa-siapa di sini....

YB TUAN YAP EE WAH: Saya pun tak nak bergaduh Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, jadi dengarlah, dengarlah peraturan.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat orang baru, saya cuba nak beri peringatan, perkara yang spesifik jangan dibawa di sini minta jawapan. Itu tidak adil. Kalau ada ini kenapa tidak

mengadu dulu, berilah notis, tak beri notis pun tanya di sini macam mana. Saya tak benarkan soalan tambahan ini. Terima kasih, sila duduk.

YB TUAN YAP EE WAH: Soalan yang nak saya tanya pun tak boleh.

TUAN SPEAKER: Sila duduk. Saya kata ini perkara spesifik. Saya dah benarkan baca. Dah perkara spesifik tak dapat jawab.

YB TUAN YAP EE WAH: Bukan soalan yang nak saya.....

TUAN SPEAKER: Saya minta duduk. Saya minta duduk. Ya, Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bagi soalan tambahan kepada Yang Berhormat EXCO. Saya mengalu-alukan skim yang dibuat ini dan boleh membantu rakyat. Soalan saya nak bertanya apakah menjadi dasar pada kerajaan negeri sewaktu penyampaian bantuan ini, sebab saya ikuti tadi dalam penjelasan bahawa mungkin kes yang dah lepas berlaku bahawa dibagi dengan serta-merta. Dalam empat peristiwa di kawasan saya, empat peristiwa yang mana dalam keempat peristiwa ini Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Negeri (JKKN) menyampaikan sumbangan ini sewaktu majlis jenazah itu selepas disempurnakan dan dalam empat peristiwa ini Pengerusi JKK berdiri di hadapan jenazah, Kes yang kedua di hadapan keranda sewaktu jenazah nak mula digerakkan ke luar rumah dan membuat ucapan. Jadi ucapan itu sekadar minta maaf bagi pihak keluarga, saya terima tetapi ucapan itu berupa kempen ini ialah sumbangan daripada kerajaan negeri, kerajaan prihatin dan sebagainya. Dan saya nak tanya soalan itu, apakah memang menjadi dasar kerajaan negeri penyampaian itu mesti disampaikan di hadapan jenazah kerana perkara ini amat mengganggu orang yang datang ziarah termasuk peristiwa yang saya sendiri hadir, Pengerusi JKK selepas berucap ambil gambar, *posing* mungkin kerana nak *claim* sebab itu dia ambil gambar. Jadi ambil gambar, *posing*....

TUAN SPEAKER: Soalan ...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan saya adakah itu menjadi dasar... Semasa ucapan kalau tak ada saya mohon beri teguran kepada JKK yang berkenaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ini bukan soalan. Itulah

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tanya dasar, apakah itu dasar... apakah Pengerusi JKK sewaktu menyampaikan beri ucapan itu sahaja...

TUAN SPEAKER : Baik-baik, terima kasih. Ok lah saya nak mengambil kesempatan ini nak mengajar soalan seperti ini senang sahaja, terus tanya adakah itu dasar ataupun arahan daripada kerajaan bahawa semasa memberikan sumbangan tersebut boleh diadakan ucapan. Dalam satu minit tak sampai tiga puluh saat dah boleh habis dah. Tapi, nak cerita saya tengok ini, sekali...berapa kali ini...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab itu Tuan Speaker, saya mohon dalam penjelasan.

TUAN SPEAKER: Jangan sini buat cerita, sebab masa perbahasan tak hendak bercakap ambil kesempatan ini baru nak cakap panjang-panjang. Nak cerita ini bukan masa cerita,

direct question. Soalan terus kalau tak faham bahas Inggeris. Jangan main-main dalam masa, saya cukup sayang masa ini, sepuluh minit ini. Tanya soalan terus. Ini bukan Parlimen, di Parlimen saya faham. Parlimen siaran secara langsung TV satu jam saja, kadang-kadang tak sampai satu jam pun. Semua orang nak rebut naik atas RTM 1 tapi ini, di sini tak ada. Ini dewan negeri Selangor. Siaran secara langsung sepenuhnya. Satu hari ada lima jam, ada lima jam boleh naik TV. Janganlah ambil kesempatan ini, sepuluh minit yang penting, tanya soalan yang *direct*, bahasa yang ringkas. Tanyalah seberapa banyak yang boleh supaya jawapan yang seberapa banyak jawapan yang boleh kita dapat. Itu yang kita hendak, dapatkan fakta, *fact and figure* daripada EXCO, inilah sesi nya. Bukan di sini buat ucapan, nak tunjuk hero buat masa ini buat apa. Nak tunjuk hero buat semasa perbahasan. Dan saya tidak tujukan kepada siapa-siapa, saya tujukan kepada semua Ahli Berhormat. Kepada semua. Yang Berhormat tengah ini, saya tak pangling ini. Sila duduk. Baik sila Batu Tiga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya dasar kerajaan dalam masa pemberian adalah cuma menyatakan bahawa pemberian mestilah dibuat dalam masa tempoh dua puluh empat jam selepas waris kematian, si meninggal itu didapati sebenarnya telah pun mendaftar. Selepas satu julai yang baru ini kita telah kata kan bagi mana-mana yang meninggal yang tidak mendaftar kita bagi tempoh sepuluh hari bagi penyampaian tersebut di buat. Pada dasarnya isu di hadapan keranda dan sebagainya itu tidak berlaku, tidak berlaku. Tapi ingin saya nyatakan kenapa dua puluh empat jam, atau pun kenapa dalam tempoh yang paling dekat. *Because* kita perlu tahu bahawa pemberian warga emas ini adalah satu skim untuk membantu ataupun mulanya adalah untuk mengiktiraf, ya mengiktiraf warga emas ini adalah satu individu yang perlu di berikan penghormatan yang terbaik semasa proses jenazah itu ingin dikebumikan. Ada pihak-pihak yang sebenarnya tidak mampu untuk menanamkan jenazah tersebut. Atas dasar itu kita kata sebolehnya, sebaiknya dan dasarnya adalah dua puluh empat jam mesti diberikan sumbangan itu. Ada banyak kes yang sebenarnya jenazah tidak dapat langsung dituntut atau pun dikebumikan semata-mata pewaris tidak memenuhi ataupun tidak memiliki kewangan untuk melaksanakan pengebumian tersebut. Dengan adanya seribu ringgit yang kita sampaikan Insha-Allah mudah-mudahan keluarga itu akan lepas daripada bebanan tersebut dan membolehkan jenazah itu ditanam Ya, itu dasarnya sahaja. Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang dasar berucap itu. EXCO pun saya minta jawab persoalan itu adakah dasar, ada peraturan ada arahan untuk berucap.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker untuk berucap tidak ada mana-mana dasar. Itu adalah mungkin peribadi tersebut, tetapi tentang ambil gambar ini kemungkinan. Banyak kes juga sebenarnya pihak-pihak pewaris,. Contohnya yang diberi pada hari tersebut, waris lain yang datang tuntutan kemudian. Judi dengan adanya satu bukti pemberian itu telah diberi, jadi dengan ada gambar itu senang kita menjawab semula. Tentang pemberian itu dibuat telah dibuat kepada *public* dan gambar telah pun ada. Itu , sekian Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Bangi pohon penjelasan tentang mekanisme di belakang skim mesra usia emas ini. Iaitu dari mana kewangan didapati, berapa jumlahnya, peruntukan semuanya sebagai modal, bagaimana perjalanan pentadbiran, apakah sistem digunakan umpamanya Takaful ke atau tidak, bagaimana peruntukan ini berkembang dan bertahan.

TUAN SPEAKER: Saya dah penat beri peringatan soalan ini saya tak benarkan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker soalan nombor 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: MASALAH WABAK DENGGI DI SELANGOR

56. Wabak denggi di negeri Selangor semakin membimbangkan khususnya di Daerah Gombak. Terdapat beberapa lokaliti bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang yang tersenarai sebagai '*hot spot*'.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak ini.
- b) Bagaimanakah perancangan Majlis Perbandaran Selayang untuk mendidik komuniti bagi mempercepatkan proses kawalan dan pencegahan.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan negeri Selangor mampu bebas denggi.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker. Tindakan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak denggi ialah menjalankan pemeriksaan aedes secara meluas di kawasan rumah kediaman kes, tempat kerja kes, serta kawasan-kawasan yang berpotensi untuk pembiakan aedes. Menjalankan aktiviti semburan kabus dan ULV bagi setiap kes demam denggi yang dilapur. Menjalankan aktiviti semburan *back to back* dan *oiling* serta aktiviti *source reduction* bagi memusnahkan tempat pembiakan aedes. Menjalankan aktiviti gotong royong serta program *combi* untuk di kawasan yang berlaku wabak denggi. Pengedaran risalah berkaitan denggi untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap bahaya denggi dan langkah-langkah yang harus diambil. Menjalankan ACD iaitu aktif *case detection* bagi mengesan bentuk kes yang menunjukkan simptom denggi. Perancangan Majlis Perbandaran Selayang untuk mendidik komuniti bagi mempercepatkan proses kawalan dan pencegahan ialah program gotong royong yang khusus untuk membasmi nyamuk, anti nyamuk di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar peningkatan kes yang tinggi. Kes *combi* ataupun program komunikasi untuk perubahan tingkah laku yang bertujuan mendidik, mengajar dan mengubah tingkah laku masyarakat terhadap demam denggi. Kempen anti denggi secara sepuluh minit bertujuan mendidik masyarakat dalam mengesan dan memusnahkan sebarang tempat dan bekas pembiakan nyamuk aedes di dalam dan di luar rumah masing-masing selama sepuluh minit setiap minggu. Mengedarkan risalah, poster tentang bahaya demam denggi di seluruh kawasan bermasalah denggi. Menjalankan penguatkuasaan akta *memusnah* serangga pembawa penyakit 1975 pindaan 2000 secara agresif dengan melibatkan pengeluaran kompaun secara maksima pada kawasan terpilih. Menjalankan ACD iaitu aktif *case detection* pada kawasan wabak kawasan yang sedang berlaku atau pun telah berlaku. Langkah-langkah yang dilakukan untuk memerangi masalah penyakit denggi, langkah kawalan serta merta, pendidikan kesihatan kepada masyarakat tentang tanda-tanda awal penyakit denggi dan mendapat rawatan doktor dengan cepat. Pengesanan kes awal dengan latihan

teknikal berkala untuk pengamal perubatan di klinik-klinik dan hospital sama ada dipihak kerajaan atau pun swasta. Langkah kawalan nyamuk dengan pemeriksaan premis untuk pembiakan nyamuk aedes, semburan asap dan aktiviti larva siding untuk setiap kes notifikasi denggi. Aktiviti gotong royong untuk kawasan-kawasan yang dikesan mempunyai pembiakan nyamuk tinggi. Langkah kawalan panjang, Tuan Speaker, penubuhan persatuan penduduk seperti *combi, communication for behavior* impak untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pembersihan berterusan untuk mengurangkan pembiakan nyamuk aedes di kawasan kediaman mereka. Pengeluaran kompaun kepada premis-premis kediaman yang dikesan dan membiakkan nyamuk aedes. Menutup kilang tanpa pembinaan, tapak pembinaan, *stop work order* yang didapati adalah pembiakan nyamuk. Pewujudan program bebas denggi disekolah-sekolah dan juga skuad anti denggi di jabatan kerajaan dan pihak swasta untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes di premis mereka. Aktiviti pendidikan kesihatan masyarakat berterusan untuk mengawal pembiakan nyamuk aedes, contohnya dengan *message* aktiviti pembersihan kawasan rumah dan sekeliling atau tempat kerja daripada tempat pembiakan nyamuk aedes sekurang-kurangnya sepuluh minit seminggu. Itu jawapan saya.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Soalan tambahan. Penjelasan yang diberikan menampakkan bahawa aktiviti untuk mencegah denggi ini telah dibuat secara begitu bersungguh-sungguh dan kita tahu bahawa kalau kita ikut trend kes demam denggi ini nampaknya kes ini sentiasa ada endemik di setengah tempat dilokalisasi kerajaan tempatan kes ini semakin bertambah. Ada tak rancangan oleh kerana kes demam denggi ini boleh menjadi demam denggi berdarah dan menyebabkan kematian, ada tak rancangan dari pihak kerajaan negeri ataupun mungkin dengan kerjasama kerajaan persekutuan membekalkan semua klinik-klinik di kawasan terutama di kawasan yang mempunyai kes tinggi demam denggi ini dengan *test* ujian, ujian darah yang segera iaitu untuk mengesan denggi antigen kepada denggi virus ini, kerana denggi virus ini mempunyai beberapa *zerotaip*, pada bahasa Inggerisnya ada empat *zerotaip*, *zerotaip* satu, dua, tiga, dan empat. Adakah rancangan daripada kerajaan negeri untuk membekalkan ujian ini supaya dapat membuat *early detection* supaya tidak berlaku kematian kerana demam denggi ini boleh menyebabkan kematian. Tapi sekarang nampak rakyat kita nampak melihat demam denggi macam satu perkara biasa. Tapi sebenarnya dia boleh menyebabkan kematian. Ada tak rancangan untuk memberi ujian segera ini.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tanjung Sepat. Saya nak beritahu bahawa kes-kes yang notifikasi kepada Jabatan Kesihatan. Dari kes-kes ini dekat, dekat empat puluh peratus sahaja yang kita akan di *confirmkan* sebagai denggi dari kes-kes yang dinotifikasikan. Dari yang dinotifikasikan empat puluh peratus itu kita akan dapat dekat *one percent* yang akan kita jatuhkan kepada demam denggi dengan simptom-simptom yang terkini. Kes denggi ini selalunya dari sembilan puluh lapan atau pun peratus yang datang ke hospital dengan simptom kesakitan itu tidak akan jatuh di dalam apa dikatakan demam denggi berdarah atau pun dengan demam denggi yang *confirm* dengan jatuhkan *platelet count* mereka. Sebab itu Jabatan Kesihatan Negeri telah memberitahu kepada semua pegawai perubatan melalui risalah dan juga dengan di adakan beberapa kursus untuk doktor-doktor di dalam swasta dan juga di *public hospital* bahawa kes-kes ini kalau ada simptom terus menghantar kepada hospital. Di hospital mereka-mereka yang datang ini akan diambil darah, dan mereka ini akan di *check* dalam dua puluh empat jam, adakah tak ada *platelet count* dia jatuh dan adakah kes-kes ini. So kita nampak ramai pergi hospital tidak terus di wadkan di hospital, tapi darah mereka akan di ambil dan kajian akan dibuat dan mereka akan di suruh datang balik dalam dua puluh empat jam kalau simptom-simptom mereka teruskan dan tidak ada perubahan dengan simptom-simptom itu dan begitu dalam tempoh empat puluh lapan jam

dari dia masuk ke hospital dengan kajian darah dua kali yang dalam dua puluh empat jam kita akan pastikan bahawa kes ini akan *diconfirm* sebagai denggi atau pun tidak. Itulah caranya yang kita boleh kurangkan kematian dalam kes-kes denggi yang kita ada. Tetapi untuk adakan satu kajian yang tetap di mana mereka boleh di *diagnose* dan *diconfirm*kan yang mereka berdenggi belum ada lagi dan kita cuba untuk mengadakan kerja ini bersama dengan Jabatan Kesihatan Negeri, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan apakah dasar kerajaan terhadap syarikat-syarikat swasta yang diberi lesen oleh PBT-PBT dalam kerja penyemburan dan seterusnya terdapat juga Jawatankuasa Kampung dan institusi seperti sekolah-sekolah yang selain dari PBT dan juga Pejabat Kesihatan yang menjalankan penyemburan. Apakah pendirian pihak kerajaan. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Kajang. Memang beberapa PBT telah menswastakan penyemburan ini kepada beberapa syarikat-syarikat swasta. Tetapi syarikat-syarikat ini melakukan kerja yang dikatakan dengan kajian kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri atau pun Jabatan Kesihatan di dalam PBT-PBT di masing-masing. Mereka bukan sahaja memberikan kuasa untuk menyembur di mana-mana kawasan. Syarikat-syarikat ini akan di arahkan kepada kawasan mana mereka kena disemburkan. So, dia ada *control check and balance* dia untuk berbuat demikian. Saya terima kasih kepada Kajang kerana bawa soalan tambahan tadi dengan persatuan-persatuan penduduk, dan sekolah-sekolah baru-baru ini di mana beberapa persatuan telah diberikan mesin-mesin semburan ini kepada mereka, melalui beberapa pihak-pihak di luar dan saya pun telah membuat satu kenyataan bahawa ini tidak satu-satu situasi yang tidak baik untuk kerajaan kita dan saya haraplah mana-mana pihak nak memberi mesin-mesin semburan ini kepada persatuan-persatuan penduduk ataupun sekolah-sekolah serahkan mesin-mesin ini kepada pegawai kesihatan negeri di kawasan masing-masing ataupun kepada pihak PBT sebab mereka ialah yang pakar di dalam situasi ini dan kita tidak boleh mengelakkan penyemburan *chemical* di mana-mana tempat ataupun suka-suka siapa, bila-bila masa mereka suka. Ini ada satu situasi yang memang kita tidak boleh mengelakkan dengan izin Tuan Speaker '*This world bring about logical problem environmental problem*' dan kita kena atasi masalah ini, sebab ubat-ubat yang kita gunakan kita ada resure yang digunakan dan bila kita kena gunakan dan berapa banyak kita kena gunakan di satu-satu tempat yang kita akan buat demikian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan, memandangkan penyakit denggi ini masih meningkat dan dari segi kekebalan kebersihan tapi usaha-usaha yang dilakukan pernah dilakukan pada tahun-tahun dulu dan seterusnya soalnya adakah pendekatan baru untuk mengatasi masalah ini.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Kota Damansara. Memang kita ada beberapa seminar dan juga kita telah jemput pakar-pakar dari luar negara bersama dengan kita untuk kita *discus* isu ini dengan mendalam. Isu denggi ini kita kena faham bahawa *it this multi factual disice* yang kita ada di dalam kawasan bukan sahaja kita katakan kawasan kita bersih kita tidak dapatkan kes-kes denggi di dalam kawasan kita, tetapi kalau kita nampak umur seseorang yang positif dengan denggi umur dia selalu daripada 23 sampai 40 *the moving population* yang sedia ada dari satu kawasan ke satu kawasan. Pendirian atau soalan yang ditanya oleh Kota Damansara saya mengakui bahawa kita dalam

kajian untuk dapatkan program-program baru untuk kita dapat bawakan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan, tetapi untuk sekarang yang program kita ada menunjukkan bahawa kita boleh menurunkan kes-kes denggi sekarang di dalam negeri Selangor saya telah jawab ini dalam penggulungan saya tetapi saya hendak mengesahkan bahawa kes kita dari 870 kes seminggu, kita telah menurunkan kepada 307 kes seminggu dengan kerja-kerja yang kita telah lakukan iaitu dengan gotong-royong, *combi*, lawat *side* dan sebagainya dengan kerjasama daripada Jabatan Kesihatan negeri dan juga Jabatan Kesihatan PBT, persatuan penduduk, pihak sekolah, kilang dan sebagainya, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Telok Datuk

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Soalan 57. Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PENCEMARAN UDARA

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pencemaran udara?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, punca-punca pencemaran udara adalah seperti pembakaran terbuka, pelepasan asap daripada aktiviti perindustrian, dan pelepasan dari kenderaan bermotor, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan pencemaran udara adalah mempertingkatkan aktiviti pengurusan alam sekitar di bawah AKTA Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut:-

Mempertingkatkan dan memperkemas tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pihak industri memasang peralatan kawalan pencemaran udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengawal tahap pelepasan asap hitam dan pencemar-pencemar ke udara;

Menjalankan penguatkuasaan ke atas pelepasan dari *exos* kenderaan bermotor bagi memastikan pematuhan ke atas standard pelepasan yang ditetapkan;

Menjalankan penguatkuasaan bagi mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka;

Memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan dalam perancangan dan pembangunan sesuatu projek bagi memastikan aspek pemuliharaan alam sekitar diambil kira dan diberi perhatian semasa mempertimbangkan kelulusan projek tersebut;

Menjalankan pengawasan kualiti udara melalui stesen-stesen pengawasan kualiti udara automatik bagi memantau tahap kualiti udara ambian adalah memuaskan dan;

Mempergiatkan aktiviti kesedaran, perbincangan dan dialog dengan pihak awam dan pihak kilang bagi mencegah pencemaran dan memulihara alam sekitar.

YB TUAN SPEAKER: Ya, Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, memandangkan baru-baru ini ataupun hari ini juga kita baca dalam surat khabar tentang kebakaran sampah haram yang berlaku di Sungai Kertas, Batu Caves, walaupun Batu Caves bukan kawasan saya tetapi kawasan bersebelahan dengan saya dan juga dilaporkan dua buah sekolah telah terlibat di mana anak-anak sekolah itu mengadu sakit tekak, demam dan sebagainya, hasil daripada kebakaran haram ini, soalan saya apakah? langkah terdekat ataupun segera yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk pastikan bahawa kebakaran haram ini dapat dihentikan dengan semestinya kerana mengganggu gugat penduduk di kawasan tersebut, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih. Taman Templer, Ini merupakan satu isu yang amat serius, saya memang setuju di Kampung Kertas saya ingin maklumkan kepada semua di situ terdapat satu tapak pelupusan sampah yang haram dah lama di sana di mana sekarang ada pembakaran *under grown dan [mixe ting - tak jelas]* dilepaskan. Sejak beberapa hari yang dahulu banyak agensi termasuk Jabatan Alam Sekitar dan juga dari Majlis Perbandaran Selayang telah pergi ke sana memantau dan cuba untuk memadamkan api tersebut, tetapi api tersebut itu memerlukan dana yang amat besar kita diberi satu *courtision* hampir 2 juta untuk memadam api tersebut. Walau bagaimanapun kita masih berusaha sedang cari jalan untuk memadamkan api tersebut termasuk beberapa cadangan seperti memasukkan paip untuk melepaskan *mixe ting* dan sebagainya. Tapi saya ingin menasihatkan semua Yang Berhormat yang hadir di sini bahawa ada banyak tapak-tapak pelupusan sampah yang haram di PBT. Ia masih di sana ini merupakan satu tanggungjawab di bawah PBT-PBT masing-masing, kalau satu tapak dibiarkan menjadi satu tapak pelupusan sampah yang tidak sah lama-kelamaan kita memang ada masalah tersebut bukan sahaja pelepasan gas *mixe ting* tetapi juga pencemaran di sekitaran pembakaran api yang haram dan juga pencemaran pada sumber air. Jadi saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang hadir pada pagi ini terus lah memantau PBT-PBT dan mendesak mereka mengambil tindakan yang lebih tegas atas semua tapak-tapak tersebut. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Soalan 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: AUDIT KONTRAK PENGURUSAN SAMPAH

58. Baru-baru ini dilaporkan bahawa kerajaan sedang menjalankan proses audit kontrak pengurusan sampah.

Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terkini proses audit tersebut?
- b) Adakah hasil audit itu akan dibentangkan di dewan yang mulia ini?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, Batu Caves ingin nak tahu sejauh mana proses audit kontrak pengurusan sampah. Tuan Speaker, walaupun jawatankuasa audit ini masih belum ditubuhkan oleh kerajaan negeri namun EXCO telah menubuhkan satu jawatankuasa yang kecil untuk menjamin bahawa pemberian kontrak untuk pengurusan sampah akan dijalankan ataupun dilaksanakan dengan cara yang terbuka dan adil dan baru-baru ini senarai kontraktor yang telah berjaya mendapatkan kontrak menguruskan sampah ini akan diberikan kepada kerajaan negeri dari pihak Alam Flora Sdn Bhd, dan kerajaan negeri juga bercadang untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada *Transparency International* mengenai perkara ini, apabila laporan audit ini telah disiapkan ia akan dibentangkan ke Dewan Undangan Negeri Selangor ini untuk makluman semua ahli dewan, dan semua ahli dewan akan dapatkan senarai itu bukan sahaja itu, setiap PBT telah mendapat arahan daripada pejabat saya bahawa semua nama-nama syarikat, kontraktor dengan butir-butir yang berkenaan akan dipaparkan di atas papan tanda yang akan didirikan di seluruh kawasan untuk memantapkan pemantau. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Meru.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker, soalan yang ke 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: PERTANIAN SATU PERNIAGAAN

59. Usaha bagi meningkatkan hasil pertanian di dalam negeri adalah penting untuk menjamin kelangsungan kehidupan rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan minat rakyat khususnya belia untuk menceburi bidang pertanian moden?
- b) Apakah bentuk bantuan-bantuan khusus yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan bagaimanakah sambutan terhadapnya oleh rakyat?
- c) Bagaimanakah peranan dan keberkesanan 'GLC' yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu merangsang industri pertanian ini?

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, menjawab soalan daripada Meru, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri adalah bagi meningkatkan minat rakyat kepada bidang pertanian moden adalah seperti berikut:-

Membuka Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di seluruh negeri Selangor di mana tanah untuk pertanian disewa kepada pengusaha dengan kadar yang berpatutan, kawasan ini telah dibangunkan dengan kemudahan struktur asas yang lengkap dan kaedah pertanian yang moden diamalkan, seluas 1118 hektar tanah telah dibangunkan dan diusahakan di dalam 12 buah kawasan (TKPM). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor ada menyediakan bantuan amalan teknologi di mana pengusaha pertanian akan diberi insentif dan bantuan khidmat nasihat dan pakej untuk amalan pertanian baik.

Mengadakan kempen-kempen penggunaan teknologi pertanian terkini, dan juga amalan pertanian baik pada sepanjang masa;

Meningkatkan aktiviti pengembangan pertanian di mana teknologi-teknologi terkini sentiasa disampaikan kepada pengusaha melalui aktiviti pengembangan yang lebih cekap.

Soalan kedua, sambutan rakyat secara keseluruhan adalah baik dan ini dapat dilihat dengan semua lot-lot PKPM di seluruh telah disewa. Seramai 343 usahawan pertanian sedang mengusahakan lot-lot pertanian di PKPM. Dengan nilai pengeluaran bagi 12 PKPM ini adalah RM7,019,785.27 sen. Masih ramai lagi yang mohon untuk turut serta dapat mengusahakan bidang pertanian di PKPM.

Soalan ketiga, syarikat-syarikat GLC di bawah PKPS yang membantu di bawah industri pertanian di Selangor adalah Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd., SOPIC, Polands (M) Sdn. Bhd., PKPS Agro Industri Sdn. Bhd. Peranannya ialah bagi SOPIC membangunkan industri buah-buahan, membantu memasarkan buah-buahan ke luar negara. Poland memberi khidmat nasihat pembungkusan, memberi kemudahan pembungkusan yang memenuhi kriteria Kementerian Kesihatan Malaysia. Memasarkan produk-produk herba ke seluruh negeri di Negeri Selangor. Bagi PAISP, menyediakan ruang perniagaan di pasar borong Selangor kepada peniaga-peniaga. Terdapat 307 orang peniaga di pasar ini. Purata pendapatan peniaga ialah antara RM3,000.00 hingga RM5,000 sehari. Bagi Premium Sanitice Product Sdn. Bhd., membeli buah-buahan daripada petani-petani untuk diproses menjadi salad. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ia, Tanjung Sepat.

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Tuan Speaker, kita dimaklumkan tadi bahawa ramai peserta memohon untuk terlibat di dalam PKPM iaitu di Agrotech. Soalan saya ialah di kawasan Kampung Kundang terdapat ramai kalangan peserta yang memohon tetapi tanah yang ada yang diperuntukkan yang asal iaitu 200 ekar adalah tidak mencukupi. Ada tak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil alih ataupun memperluaskan lagi kawasan tanaman agrotek dekat sana di Kampung Kundang. Satu, yang kedua ialah di kawasan agro teknologi Kampung Ulu Chuchuh, yang telah diusahakan lama terdapat banyak lot-lot yang kosong yang bukan ditumbuhi oleh tanaman-tanaman kekal yang berupa makanan tetapi ditumbuhi oleh tanaman kekal lalang dan sebagainya. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan sama ada mengganti dengan usaha pengusaha yang baru ataupun tindakan yang lain? Sekian, terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Bagi kawasan-kawasan yang tidak diusahakan Tuan Speaker, saya telah mengarahkan Jabatan Pertanian untuk mengaudit keseluruhan kawasan PKPM di Negeri Selangor dan kawasan tidak dimajukan akan diambil alih dan diberi kepada pengusaha lain yang berminat. Setakat ini tiada rancangan untuk menambah kawasan PKPM tetapi Kerajaan Negeri akan *maximize* keseluruhan tanah PKPM yang ada.

TUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan jawapan yang diberi untuk c, bahagian c, Kajang ingin bertanya PKPS yang di bawah EXCO berkenaan telah menerokai hutan simpanan kekal di Negeri Selangor ini lebih daripada 5 ribu hektar. Sudah ditebang-tebas sehingga botak dan ditanam semula dengan ladang-ladang getah dan juga buah-buahan dan juga tanaman-tanaman yang lain. Dan kita mendapati ini telah agak

bercanggah dengan dasar kita untuk memelihara hutan simpanan kekal. Dan apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri untuk menyelamatkan hutan-hutan simpanan ini ataupun menanam semula spesis-spesis asal hutan simpanan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, apakah soalan ini berkaitan dengan soalan asal? Kalau berkaitan saya teruskan. Tuan Speaker, Kerajaan terdahulu pada tahun 2006 telah meluluskan kepada 2 syarikat untuk menanam semula kawasan hutan tersebut untuk ditanam dengan getah. Proses untuk memberi kepada 2 syarikat tersebut melalui PKPS dan perjanjian telah pun dibuat kepada 2 syarikat melalui PKPS dan program untuk menanam semula getah dan tanah tersebut telah dijadikan, dikeluarkan daripada hutan menjadi tanah PKPS dan perjanjian telah dibuat supaya penanam semula daripada hutan kepada getah. Iaitu sekarang ini ialah meneruskan program tersebut dan penanam semula getah sedang dibuat. Cadangan telah dibuat supaya PKPS mengambil semula tanah tersebut daripada 2 syarikat yang telah diberi.

YB TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker terima kasih. Soalan saya No. 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: KEPERLUAN TERHADAP PERUMAHAN

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah strategi-strategi konkrit dalam masa lima tahun yang ada pada Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat termasuk perumahan kos sederhana dan rendah di Selangor yang semakin berkembang dari segi jumlahnya khususnya di Bandar-bandar besar?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum,* selamat pagi. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Kampung Tunku tentang apakah strategi-strategi konkrit dalam masa lima tahun yang ada pada Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat termasuk perumahan kos rendah, sederhana di Selangor dan yang semakin berkembang dan dari segi jumlah khususnya di bandar-bandar besar. Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin menerangkan bahawa menurut kajian bilangan unit kediaman yang diperlukan bagi Negeri Selangor bagi tahun 2015 adalah 1,519,678 berbanding dengan 1,224,948 bagi tahun 2010. Bermakna ini adalah penambahan sebanyak 294,730 dalam tempoh lima tahun. Dan daerah yang terbanyak adalah Petaling dengan 434,948 dan kedua adalah Hulu Langat dengan 293,375, dan Klang adalah 263,839. Inilah jumlah rumah yang perlu ada di dalam Negeri Selangor. Dan menurut laporan yang terkini jangkaan rumah yang akan siap dalam tempoh 2009 hingga 2011 ke atas berdasarkan kelulusan bangunan adalah 97,903 unit. Bermakna bahawa lebih kurang separuh ataupun satu pertiga yang telah dapat dicapai mengikut unjuran yang akan siap dalam tempoh tiga, empat tahun yang akan datang. Secara tradisinya Kerajaan Negeri tidak secara langsung membina rumah untuk rakyat. Ianya dilakukan menerusi polisi ataupun secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung adalah melalui polisi dengan syarat-syarat yang ditetapkan ke atas pemaju-pemaju perumahan dan secara tidak langsung juga adalah menerusi anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Dari segi polisi syarat berikut adalah perlu dipatuhi di mana kita tahu bahawa setiap pembangunan yang

melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang setiap pemaju perlu membina rumah kos rendah 20% dengan harga maksima RM 42,000.00, rumah kos sederhana rendah 20% dengan harga RM 72,000.00 dan rumah kos sederhana 10% dengan harga RM100,000.00. Di luar kawasan Lembah Klang pula, jumlah ini dipinda kepada 20, 10, 10 bukan 20, 20, 10 di mana rumah kos rendah masih lagi 20% kos sederhana rendah turun kepada 10% dan kos sederhana 10%. Sementara bagi tanah-tanah yang kurang daripada 10 ekar pula dalam kawasan Lembah Klang 2 ekar hingga kurang 10 ekar 30% perlu dibina dengan rumah kos sederhana dan di luar kawasan Lembah Klang 5 ekar hingga 10 ekar atau 30% perlu dibina dengan rumah kos sederhana. Dari segi anak-anak syarikat PKNS, kita telah dalam pengambilan alih oleh Kerajaan baharu bahawa PKNS perlu kembali kepada polisi asalnya untuk menyediakan rumah untuk rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Tetapi ianya juga perlu membangunkan projek-projek IN untuk *cro-subsidice* perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Kerajaan Negeri seperti yang diberitahu juga telah menghasilkan, sedang menghasilkan rumah-rumah mampu milik sebagai alternatif kepada rumah kos rendah yang mempunyai konditansi yang tidak baik. PKNS bersama anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang lain terlibat dengan projek ini dan telah diberitahu dalam beberapa hari yang lepas bahawa kita bercadang ataupun cadangan kita bahawa untuk memulakan kerja di tapak pada 1 Mei 2010. Dan Kerajaan juga, Kerajaan Negeri juga sedang mencuba satu polisi yang baru di mana di dalam satu projek dengan TPPT Sdn. Bhd., di Rawang, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan mereka membina rumah mampu milik untuk menggantikan rumah kos rendah. Kita memikirkan kita hendak cuba satu polisi di mana kita hendak memperkenalkan rumah mampu milik ini. Kita memberi kelonggaran kepada TPPT untuk membina rumah mampu milik. *In lew off* dengan izin rumah kos rendah. Dan syarikat itu sedang menghasilkan satu jenis rumah yang baru dengan keluasan 700 kaki persegi dan mereka cuba untuk menurunkan ataupun 700 kaki persegi itu lebih besar daripada rumah kos rendah 600 kaki persegi dan mereka cuba dan syarat kita adalah supaya kosnya tidak melebihi RM65,000.00. Dan Kerajaan Negeri berharap bahawa ianya akan jadi bersama-sama dengan rumah yang akan dibangunkan oleh PKNS sebagai prototaip kepada rumah-rumah mampu milik yang akan datang.

Walau bagaimanapun Tuan Speaker, Yang Berhormat–Yang Berhormat sekalian, bahawa Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan golongan berpendapatan rendah iaitu memerlukan rumah kos rendah. Kerana hingga hari ini bahawa terdapat 28,724 keluarga yang sedang menunggu tawaran untuk rumah kos rendah. Mereka sekarang ini sama ada sedang menyewa, ataupun duduk di sebagai peneroka-peneroka bandar. Daerah yang paling tinggi adalah Daerah Petaling dengan 11,397 keluarga yang sedang menunggu untuk memohon untuk membeli rumah kos rendah. Diikuti dengan Hulu Langat 5,488 dan Gombak 3,658. Dan cara kita untuk memastikan keperluan ini dipenuhi adalah dengan Kerajaan Negeri memastikan pemaju mematuhi 20% rumah kos rendah. Sebab apabila kita bukan memaksa tetapi mensyaratkan bahawa mereka membina 20% rumah kos rendah, banyak pemaju-pemaju yang merungut mengatakan tidak ada *market* atau pasaran untuk rumah kos rendah. Tetapi menurut catatan atau menurut permohonan-permohonan rumah kos rendah di kawasan-kawasan yang kritikal seperti Petaling, Hulu Langat dan Gombak ini masih lagi banyak rumah kos rendah yang diperlukan. Selain daripada itu kita tahu bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat baru-baru ini ataupun tahun lepas kita membuat keputusan bahawa pembermilikan tanah secara sewenang-wenangnya tidak akan diberikan kepada syarikat-syarikat swasta dengan harga yang nominal. Tetapi tanah-tanah Kerajaan masih ada. Kalau dan perlu kita nilai semula dan kita kajilah supaya di kawasan-kawasan, daerah-daerah yang kritikal di mana ada *demand*, di mana ada permintaan, Kerajaan Negeri melalui anak-anak syarikat perlu sendiri membangunkan untuk perumahan untuk rakyat. Kajian terperinci perlu kita lakukan tentang keperluan rakyat terhadap jenis-jenis kos rumah, jenis-jenis rumah yang diperlukan. Dan kita tahu bahawa baru-baru ini di dalam sidang yang lepas kita diberitahu tentang pakej rangsangan ekonomi Kerajaan Negeri,

Negeri Selangor di mana di cadangkan dilakukan pembangunan semula di kawasan-kawasan seperti Klang dan Petaling Jaya dan pembangunan semula ini boleh dilakukan sebagai satu cara untuk kita memberikan lebih banyak rumah untuk rakyat. Terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat seperti apa yang dijelaskan tadi terdapat banyak lagi rumah kos rendah yang tidak didiami oleh penduduk. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan ataupun menggalakkan supaya penduduk boleh ambil tempat itu untuk didiami? Sebab apa yang saya perhatikan ramai tempat pembinaan rumah kos rendah ini adalah tidak strategik yakni jauh daripada pengangkutan awam dan juga pusat bandar yang mana kita tahu rumah kos rendah ini sebenarnya untuk golongan yang berpendapatan menengah rendah tapi disebabkan faktor-faktor seperti ini tidak ramai yang duduk. Jadi apakah langkah Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai orang yang duduk di tempat situ?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Dia ada dua masalah lah, masalah pertama apa yang kita nak buat dengan rumah kos rendah sekarang. Yang pertamanya dari segi promosi, saya ada berbincang dengan pegawai-pegawai saya bahawa apa yang kita buat kita akan buat satu promosi besar-besaran tentang rumah-rumah kos rendah yang ada di seluruh Negeri Selangor di mana dan kita akan tawarkan. Yang kedua, adalah dengan kita melihat sendiri satu demi satu untuk melihat apa kah perkara yang kurang dan bagaimana kita nak menjadikan tempat itu lebih *enticing* lah, yang boleh menarik lebih ramai minat. Saya rasa perkara masalah yang akan datang ataupun untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berulang bahawa dengan pihak perancangan negeri kita telah berbincang bahawa sebarang kebenaran merancang tidak, kita perlu melihat penduduk rumah kos rendah ini sebagai manusia lah sebab malang sekali bahawa banyak pemaju-pemaju bukan semua ada pemaju-pemaju yang meletakkan, mencampak dia di tepi dekat di tempat pencawang elektrik, jauh daripada sekolah, jauh daripada padang, jauh daripada tempat-tempat *emanates* dan sebagainya dengan izin, jadi di masa akan datang kita telah membuat keputusan bahawa kita akan lihat betul-betul bahawa kita mesti melihat bahawa mereka yang duduk di rumah-rumah kos rendah atau rumah mampu milik ini perlu dilihat sama seperti orang lain yang mempunyai keperluan-keperluan mereka. Terima kasih.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO yang berkenaan berhubung dengan tindakan sesetengah pemaju, di mana mereka walaupun disyaratkan membina 20% rumah kos rendah ini tetapi pada masa yang sama mereka seperti cuba untuk menggagalkan pembinaan tersebut jadi soalan saya apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi pemasalah ini kerana penglibatan syarikat-syarikat ini semakin besar daripada sehari ke sehari dan mereka seolah-olah tidak ada rasa langsung rasa gentar kepada tindakan daripada Kerajaan. Tolong jelaskan.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Bagi rumah-rumah, sebenarnya benda tu apabila dia buat dia punya di hantar untuk kebenaran merancang dan pelan bangunan dan sebagainya

dia kita tetapkanlah kalau 20%, 20% lah, apa yang dia perlu lakukan selalunya kalau betul tempat itu tidak ada *demand* ataupun keperluan rumah kos rendah maka dia terpaksa membayar, membayar akan nilai rumah kos rendah yang perlu dibina. Kalau RM42,000, kalau dia tak mahu bina 10, dia kena bayar RM420,000.00. Itu yang perlu dilakukan ataupun kalau dia tidak mahu bina di situ, dia kata dia dah ada projek lain, dia nak bina di tempat lain dia kena bagi bon ataupun dia kena bagi jaminan kewangan. Dia nak bina di suatu tempat lain, kata lah di tempat lain harga nak bina tu RM5 juta dia kena bagi nilai tersebut kepada Kerajaan untuk pegang dulu apabila dia nak membina di tempat lain baru kita bagi. Apa kah risiko yang tidak membina atau yang terus membina sewenang-wenangnya yang pertama kita boleh *black list*, no. 2 masalahnya bagi untuk pindah milik untuk mendapatkan hak milik bagi seluruh projek itu akan tergantung di Pejabat Tanah. Jadi proses ni sebenarnya akan menyusahkan pemaju dan saya rasa dalam kebanyakan kes mereka rela untuk bayar dia punya denda daripada membiarkan tidak dapat memindah milik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Tadi, YB EXCO, Yang Berhormat EXCO telah menyebutkan peranan PKNS untuk membina rumah. Masalah yang kami hadapi adalah kelambatan untuk menyerah kepada Majlis Bandaran hingga menyebabkan masalah sampah, masalah baik pulih dan seterusnya. Saya ingin, Kota Damansara ingin tahu apakah sebab kelambatan ini, menyerahkan perkara ini kepada Majlis Bandaran.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Ada banyak kes lah yang saya teliti kita lihat ada projek-projek PKNS yang 10 tahun baru dapat hak milik yang baru nak buat masih lagi Tanah Kerajaan. EXCO mendapat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mendapat banyak permohonan untuk memindah milik tanah daripada Tanah Kerajaan kepada PKNS dan sebelum tu dan selepas itu baru lah hendak dipecah-pecahkan menjadi strata *title* kepada pemilik-pemilik. Dalam banyak kes-kes sedemikian, rumah dah lama 10 tahun dah siap baru lah nak dibuat pindah milik. Ada banyak projek-projek yang berlaku di situ, jadi inilah di antara sebabnya kenapa di antara sebabnya kenapa lambat untuk diserahkan kepada Majlis Perbandaran ataupun Majlis Bandaran untuk menyelenggarakan kawasan tersebut. Sebab pindah milik itu pun, pindah milik daripada Tanah Kerajaan kepada Perbadanan pun tak dilakukan, itu yang dilakukan dahululah tapi untuk projek-projek yang akan datang kita akan cuba atasi supaya betul-betul menurut prosedur. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, ikut Peraturan Tetap 24(2), saya tanya soalan 61.

TUAN SPEAKER: Ya.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ikut Peraturan Tetap 24(2), soalan 61 mengambil soalan 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: PEMBERIAN BANTUAN PELAJARAN KEPADA PENUNTUT
YANG MEMASUKI IPTA/IPTS**

61. Kerajaan Negeri telah menjanjikan pemberian bantuan sebanyak RM1,000.00 seorang kepada penuntut anak Selangor yang berjaya memasuki IPTA/IPTS.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah penuntut yang telah memohon bantuan ini dan berapa ramaikah pula bilangan mereka yang telah berjaya memperolehnya.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih soalan daripada Paya Jaras. Program hadiah pengajian institusi pengajian tinggi sama ada IPTA ataupun IPTS telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada 1hb. Julai 2008 dan melalui program ini pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi hadiah sebanyak RM1,000.00. Setakat 31 Mei 2009, sebanyak 7,982 permohonan telah diterima daripada pelajar untuk mendapat intensif RM1,000.00 berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya 5,227 pemohon ataupun 65.5% sahaja yang didapati layak untuk dipertimbangkan bagi menerima insentif tersebut dan menelan belanja RM5.2 juta bagi pembiayaan program ini. 1,897 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat seperti mana yang telah ditetapkan iaitu pemohon mestilah warganegara Malaysia. Pemohon juga merupakan rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang memenuhi kriteria, pemohon lahir di Selangor atau ibu atau bapa pemohon lahir di Selangor atau pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum 1hb. Februari 1974 juga pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki tahun pertama, semesta pertama mulai Julai 2008 bagi sesi pengajian 2008/2009. Pemohon juga telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa, separuh masa kita tak beri. Hanya sepenuh masa di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma sahaja. Pemohon telah pun mendaftarkan diri di IPT bagi memulakan sesi pengajian dan Pemohon adalah daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1,500.00 ke bawah. Ada pun sejumlah 858 pemohon iaitu 10.7% daripada pemohon adalah permohonan masih diproses kerana permohonan itu tidak lengkap dan telah pun dikembalikan kepada pemohon untuk disempurnakan bagi urusan pembayaran. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada YB EXCO kenapa Kerajaan Negeri tidak bercadang memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Hanya diberikan kepada IPTA dan IPTS sahaja. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Sri Muda, memang dulu ada Kerajaan Negeri Barisan Nasional dulu pada 2003 kalau saya tak silap ada membiayai Kursus Ijazah Perubatan di Rusia dan selama dua tahun program itu ditaja kemudian oleh kerana kewangan negeri tidak membenarkan kita membiayai begitu ramai pelajar-pelajar lagi-lagi pelajar perubatan di mana kursus perubatan adalah yang paling tinggi seperti Yang Berhormat tahu kerana sebenarnya yang sepatutnya bertanggungjawab di atas pembiayaan pelajar-pelajar ke

luar negara adalah Kerajaan Persekutuan. Ada pun kita, kita bukan pendayung utama sebenarnya, kita menyokong apa yang perlu dilakukan dan patut dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi ini adalah satu hadiah, bukan satu biasiswa tapi adalah satu hadiah insentif bagi pelajar-pelajar supaya lebih berminat untuk mempelajari dan mempertingkatkan ilmu mereka dan kemahiran mereka apabila di institusi pengajian tinggi. Ini satu hadiah, satu hadiah daripada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk diberikan kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka ini merasa mereka dihargai dan dihormati untuk terus maju ke depan. Terima kasih.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tambahan Soalan, Tuan Speaker. Sedikit aje.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan saya tadi di IPTA dan di IPTS diberi RM1,000.00. Ini yang nak keluar negara yang sah dapat tempat di luar negara tetapi kenapa tidak diberikan. Itu yang soalan saya.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Yang RM1,000.00?

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Harga.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Diberi.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Diberi juga.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Diberi.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tetapi dalam pamflet yang dikeluarkan itu cuma disebutkan di IPTA dan di IPTS sahaja.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Ya, saya akan apa, saya akan lihat balik tu. Sepatutnya mereka layak.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan No. 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: PENCEMARAN ALAM SEKITAR

62. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Pihak Berkuasa Negeri terhadap kilang-kilang yang melepaskan asap berlebihan sehingga menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar, sebagai contoh di Semenyih, kilang pemprosesan sampah Recycle Energy Sdn. Bhd. dan pelbagai kilang di Kawasan Perindustrian Villaraya yang mana kilang-kilang tersebut terletak sangat berdekatan dengan kawasan kampung atau penempatan; dan

- b) Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengawal pencemaran bunyi dari kilang-kilang yang terletak berdekatan dengan kawasan Kampung atau penempatan yang mengeluarkan bunyi yang bising, terutama sekali ketika pada awal pagi dan lewat malam.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, kawalan pencemaran yang melibatkan premis industri dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar berpandukan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan melepaskan asap yang berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar akan diambil tindakan Undang-undang di bawah Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu dengan mengeluarkan notis arahan kompaun, tindakan Mahkamah dan mengenakan perintah larangan beroperasi. Sebagai langkah pencegahan, pemasangan alat pembakaran bahan api seperti *boiler*, *fens* dan *incinerator* serta sistem kawalannya seperti cerobong yang berpotensi melepaskan pencemar seperti asap hitam perlu mendapat kelulusan bertulis dari Jabatan Alam Sekitar seperti mana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1979 di bawah Akta yang sama. Mengikut rekod, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor kilang Recycle Energy Sdn. Bhd. tidak mempunyai masalah pencemaran, pelepasan asap. Walau bagaimanapun, kilang tersebut pernah diadu menyebabkan pencemaran bau busuk di mana masa ini masalah tersebut telah di atasi oleh pihak kilang. Mengenai kilang-kilang di kawasan perindustrian Villaraya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor mendapati ada 10 kilang berpotensi melepaskan pencemaran asap ke udara. Pada tahun ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan 3 pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang tersebut. Susulan dari lawatan tersebut, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengeluarkan 3 notis arahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mengarahkan pekilang-pekilang untuk meningkatkan keupayaan alat-alat kawalan pencemaran udara dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mematuhi *standard* pelepasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sebanyak 3 kompaun telah dikeluarkan dan 1 notis menghentikan operasi bagi peralatan yang menyebabkan pencemaran udara telah dikeluarkan. Tentang isu pengawalan pencemaran bunyi di kawasan perindustrian Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan operasi penguatkuasaan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan paras bunyi bising yang dihasilkan oleh kilang adalah terkawal dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran. Garis Panduan dengan izin *the planning guard lines for environmental noise and control* yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar merupakan garis panduan yang diguna pakai untuk mengawal masalah pencemaran bunyi bising dari aktiviti perindustrian di mana garis panduan tersebut menetapkan tahap bunyi bising di sempadan kilang dan kawasan perumahan yang sesuai dibenarkan dari aktiviti perindustrian iaitu tidak melebihi paras 60 desibel pada waktu siang dan 50 desibel pada waktu malam. Had bunyi bising yang dicadangkan perlu dijadikan sebagai syarat kepada kelulusan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pekilang.

TUAN SPEAKER: Semenyih

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah projek kilang memproses sampah D'Cycle Sdn. Bhd ini. Adakah ia tempoh percubaan di bawah MPKJ. Dan saya hendak tahu berapa lama tempoh percubaan syarikat ini diberi kerana banyak saya rasa perkara-perkara aduan daripada penduduk satu tadi yang dimaklumkan oleh Tuan EXCO tentang bau busuk, bau busuk ini masih tidak diatasi. Saya dapat aduan minggu lepas saya pun bersama dengan penduduk masih lagi berbau busuk waktu khususnya di waktu hujan. Jadi itulah soalan saya.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Semenyih. Setahu saya *period* (dengan izin) *testing period* itu memang dah lepaslah kita dalam proses pelaksanaan. Tetapi kalau mengikut aduan-aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar memang hanya satu saja jadi kalau YB dari Semenyih boleh hantar mungkin aduan-aduan yang diterima dari Pusat Khidmat Semenyih jadi kita akan meneliti dengan lebih terperinci.

TUAN SPEAKER: Tg. Sepat. Tg. Sepat, hari ini *ex-proactive*

YB DATO' DR. KARIM BIN MASOR: Banyak berkaitan tentang Tg. Sepat banyak

TUAN SPEAKER: Jarang bangun sampai lima enam kali hari ini.

YB DATO' DR. KARIM BIN MASOR: Hari ini semua berkaitan Tg. Sepat banyak

TUAN SPEAKER: Ya.. silakan-silakan

YB DATO' DR. KARIM BIN MASOR: Tadi kita mendengar jawapan mengenai tindakan yang akan diambil kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Bagaimana pula tindakan yang di ambil terhadap kawasan-kawasan di luar bandar, di luar kawasan Majlis Daerah yang mana terdapat kilang-kilang kelapa sawit contohnya di kawasan saya di Kampung Indah dan di Ladang Batu yang khususnya. Apakah prinsip atau tindakan Kerajaan Negeri terhadap pelepasan kumbahan daripada kilang-kilang ini di kawasan khususnya di kawasan saya ini dilepaskan ke kawasan sungai yang melalui di tengah-tengah kampung yang mengakibatkan pencemaran bau ini. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: terima kasih Tg. Sepat. Memang sisa-sisa dan juga pelepasan kumbahan dari kilang-kilang tersebut di mana-mana tidak kira di kawasan bandar di luar bandar di kawasan pertanian tidak boleh dilakukan atau ia mesti mengikut peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling. Jadi kumbahan yang memang dari YB Tg. Sepat telah nyatakan ada bau busuk dan sebagainya saya kira mungkin hitam sikit juga itu memang saya rasa memang pelepasan yang boleh dikatakan haram. Jadi kita akan terus menyasat dan kalau satu kesalahan didapati kita akan membawa tindakan selanjutnya.

TUAN SPEAKER: Sg. Burung

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker soalan tambahan. Tadi telah disebutkan kilang-kilang yang mengeluarkan asap akan diambil tindakan oleh penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan sepanjang daripada kawasan Bukit Raja hingga kawasan Bukit Kapar terdapat kilang-kilang yang mengeluarkan asap termasuklah kilang-kilang yang saya dapati daripada kilang-kilang papan. Dan aduan-aduan ini telah dibangkitkan tapi sehingga hari ini masih kilang-kilang tersebut mengeluarkan asap-asap yang tebal soalan saya. Sekiranya tindakan penguatkuasaan telah diambil sebagaimana disebutkan kita hendak tahu berapa bilangan *compound-compound* atau kilang-kilang tersebut yang telah diambil tindakan mahkamah sehingga kini. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sg. Burung. Isu di kawasan Kapar saya rasa yang baru-baru ini juga masuk dalam surat akhbar juga ya di kawasan Aman Perdana betul. Di kawasan tersebut isu pokoknya adalah penempatan atau pembinaan kawasan perumahan yang terlalu dekat kepada kawasan industri berat yang telah di zon industri berat. So itu menjadi satu boleh dikatakan perselisihan jadi kawasan itu memang ada banyak kilang-kilang papan dan kita semua pun tahu kilang-kilang papan mereka mengeluarkan

asap yang tebal yang memang mengganggu. Tetapi mereka mengeluarkan asap dalam lingkungan yang dibenarkan, dibenarkan di kawasan perindustrian tetapi memang tidak selesa atau tidak baik kalau berdekatan dengan kawasan perumahan. So isu ini kita telah bawa kepada Majlis Perbandaran Klang untuk menyelesaikannya dengan Wakil Rakyat iaitu Wakil Rakyat dari Parlimen Kapar dan juga Sementa kalau tidak silap saya. Dan kita telah ada beberapa cadangan termasuk kita ingin kerana mereka boleh dikatakan mengeluarkan atau melepaskan asap mengikut peraturan jadi kita tidak boleh mengambil tindakan kalau mengikut akta tersebut. Tetapi kita ingin memberi satu *insentif* kepada beberapa kilang yang memang mencemarkan untuk menetap semua di kawasan yang lebih sesuai yang jauh dari di kawasan perumahan tetapi *insentif-insentif* tersebut harus diberi bukan saja dari Majlis Perbandaran Klang ataupun oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi oleh pemaju-pemaju tersebut. Jadi satu rundingan antara semua pihak akan dijalankan secepat mungkin yang akan diaturkan oleh Majlis Perbandaran Klang. Terima kasih.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh saya minta penjelasan kepada soalan saya

TUAN SPEAKER: Ya...ya

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Soalnya perumahan telah wujud lebih lama di kawasan tersebut sebenarnya kampung-kampung tradisi telah lama wujud daripada kilang-kilang tersebut dan apabila kilang-kilang ini mengeluarkan asap walaupun dikatakan tadi terkawal tapi sebenarnya pemantauan saya tidak pasti sama ada di buat di kawasan tersebut. Ini menyebabkan masalah yang begitu ketara sekali di kalangan penduduk-penduduk di kawasan tersebut di mana aduan-aduan bukan saja telah dibangkitkan tapi telah di keluar dalam kenyataan-kenyataan akhbar dalam beberapa tahun setahun ini begitu lama sekali. Jadi soalan saya sekiranya pengeluaran asap tadi dikawal sejauh mana pemantauan ini dibuat bagi memastikan bahawa asap-asap yang dikeluarkan itu memenuhi had-had telah ditetapkan iaitu yang pertama. Yang keduanya tidakkah ada cara lain untuk mengawal tidak semestinya kilang pindah tapi mengawal supaya kilang-kilang tersebut menggunakan kaedah bagi pelepasan asap-asap yang mesra alam.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sg. Burung. Pertamanya saya ingin memohon maaf kerana apabila Sg. Burung mengatakan kawasan Kapar saya fikir satu kawasan di mana banyak aduan. Kelihatan itu bukan kawasan tersebut kerana kilang-kilang papan yang didirikan di sana lebih lama 20 tahun lebih lama daripada kawasan perumahan jadi mungkin kawasan, kampung-kampung tradisi yang disebut oleh

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Berpuluh-puluh kampung di kawasan daripada Bukit Raja di kawasan Pekan Kapar.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kampung-kampung yang disebut oleh YB Sg. Burung yang didirikan sebelum kilang-kilang tersebut memang kita akan masuk untuk memantau bagaimana kita memantau. Kita memantau satu melalui aduan-aduan yang diterima. Dua atau aduan-aduan yang ditetapkan satu bulan dua bulan dan sebagainya. Tetapi saya ingin juga maklumkan kepada semua Ahli-ahli Dewan bahawa cara pemantauan tersebut memang tidak sempurna. Dan pada masa ini kita sedang mengukir satu rancangan untuk

memantau dari sumber atau dari titik sumber pencemaran tersebut. Kita semua pun tahu cerita-cerita di mana apabila kita masuk kilang yang pertama untuk memeriksa dalam satu minit semua kilang-kilang di persekitaran sudah tahu dan mereka tidak akan melepaskan asap dan sebagainya. Semuanya ok. *All sistem go* (dengan izin). Jadi kita perlu satu sistem pemantauan automatik 24 jam 7 hari seminggu 200 *day* (dengan izin) dan di mana alat-alat dipasang di poin atau di punca-punca pelepasan asap dan juga pelepasan air kumbahan dan sebagainya. Data-data ini kita perlu kumpulkan dan kita boleh buat analisis kita tidak perlu untuk hantar pegawai-pegawai penguat kuasa untuk mencari atau mencari punca-punca pencemaran tersebut. Memang sekarang teknologi hijau atau (dengan izin) *green teknologi* diheboh-hebohkan bukan sahaja di Malaysia tapi di merata dunia. Jadi ada banyak bahan-bahan yang teknologi yang amat maju di mana kilang-kilang tersebut oleh digunakan. Jadi Jabatan Alam Sekitar juga diberi nasihat kepada pemilik kilang-kilang untuk memasang beberapa seperti mana saya sebutkan sistem kawalan atau sistem yang lebih bersih, pembakaran yang lebih bersih dan sebagainya. Jadi Jabatan Alam Sekitar bila-bila masa boleh menasihatkannya tetapi pemilik kilang-kilang mesti juga memainkan peranan atau mengambil tanggungjawabnya untuk menukar sistem tersebut.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli YB sekalian masa untuk pemerhatian sudah tamat. Oleh itu saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk utusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Sambungan usul No.6 Tahun 2009. Menerima penyata Jawatankuasa Hak Kebebasan Dewan Undangan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Silakan Kg. Tungku untuk menyambung

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Semalam saya bercakap tentang Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas saya ingin memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri ini sebenarnya merupakan cabang kepada Dewan Undangan Negeri untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan ke atas *eksekutif* mengikut fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh Dewan Negeri Selangor. Oleh itu, setiap keputusan atau mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak boleh dipandang rendah, tidak boleh dipandang remeh oleh mana-mana pihak termasuk Ahli Dewan Negeri atau Ahli Pembangkang ataupun Ahli Dewan Negeri dari pihak kerajaan. Malahan saya meminta Ahli-ahli YB supaya tidak membuat tohmahan-tohmahan yang tidak berasas dan bersifat *emosional* terhadap mana-mana Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas atau Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor. Contohnya dalam kalau tidak silap saya dalam Persidangan Dewan pada minggu lepas saya terdengar semasa persidangan berjalan terdapat Ahli Dewan yang mengeluarkan kenyataan bahawa SELCAT ini mengejek SELCAT ini sebagai *complaining* saya rasa ini satu kenyataan yang tidak wajar, tidak patut dilafazkan oleh mana-mana Ahli Dewan YB Tuan Speaker dan Ahli-ahli YB sekalian saya juga ingin menegaskan di sini bahawa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Had dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor juga berpandukan kepada peruntukan kedua puluh tiga pada Tahun 2004. Seperti diterangkan dalam muka surat 163 dan saya ingin membaca Tuan Speaker (dengan izin)(**bahasa Inggeris**) Tuan Speaker pada muka surat 164 juga dinyatakan bahawa penggantungan daripada perkhidmatan Dewan dan pemotongan semua elaun serta kemudahan bulanan merupakan sebahagian penggantungan ini. Yakni saya ingin membaca (**Bahasa Inggeris**) dan ini telah dinyatakan di dalam proton tetap Dewan *Housemaen Parlimen British*. Dengan itu saya berharap supaya hukuman-hukuman yang terdapat di penyata ini oleh fungsi sebagai satu peringatan, satu amaran kepada semua pihak

supaya menghormati Dewan yang mulia ini pada setiap masa. Oleh itu, Tuan Speaker saya mencadangkan supaya usul ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker saya menyokong

PUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

PUAN SPEAKER: Sg. Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Puan Speaker, terima kasih beri peluang kepada saya, sebelum saya pergi jauh usul ini, saya jelaskan yang saya katakan dalam surat khabar bukannya Artikel 57 iaitu Artikel 77 dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Jadual perenggan satu – Dewan bererti Dewan Undangan Negeri muka surat 54. Jadual ini melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain. Ahli – Ahli Dewan, Dewan ertinya Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa - satu Jawatankuasa Dewan, Jurnal erti minit dewan atau rekod-rekod rasmi prosiding-prosidingnya, Pegawai Dewan dan Pegawai ertinya Setiausaha Dewan dan mana-mana orang yang disiarkan oleh Speaker sebagai Pegawai Dewan. Peraturan Tetap ertinya Kaedah dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan yang sedang diberkuatkuasa. Saya minta Puan Speaker arahkan Setiausaha fotostat dan edarkan kepada semua yang terlibat.

Puan Speaker yang saya hormati sekalian, kita berada dalam Dewan yang mulia pagi ini untuk membahaskan usul penggantungan saya dan 4 lagi rakan dari Barisan Nasional hanya kerana pihak Pakatan tidak dapat mentadbir negeri dengan baik. Sungguhpun di atas nama mata umum, yang masih nampak manis namun kalau pentadbir, usahawan dan mereka yang memahami pentadbiran negeri, tahu bahawa kerajaan Pakatan merupakan sebuah kapal yang sedang tenggelam sedikit demi sedikit dengan izin *the sinking ship*. Selama 7 hingga 8 bulan lalu, masalah-masalah ini diutarakan oleh saya dianggap berniat jahat maka pada minggu lepas dalam Dewan mulia ini diutarakan oleh Ketua Penyokong Kerajaan di Dewan ini Yang Berhormat Hulu Kelang. Kita telah menyaksikan lebih setahun Dewan ini bersidang di bawah pemerintahan Pakatan PKR, DAP dan PAS yang hanya digunakan untuk memesongkan dengan izin *mislead* rakyat kononnya apa yang berlaku hari ini akibat pemerintahan yang lama, sama ada dari unjuran pendapatan yang tidak realistik sehinggalah kepada koordinasi dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan semuanya menunjukkan Kerajaan Negeri hari ini sedang berpaut dengan dahan yang rapuh untuk menyelamatkan diri mereka. Apakah dahan yang rapuh itu, Kerajaan Pakatan hari ini menggunakan sehabis-habisnya taktik mencari orang untuk dipersalahkan atau dengan izin *bogymen* atas kegagalan mereka untuk membangunkan negeri ini. Seperti calon terbaik ialah pemimpin kerajaan sebelum ini terutamanya saya sendiri selaku bekas Menteri Besar. Adalah mustahil untuk mengatakan dalam 8 tahun pentadbiran saya, tiada kelemahan namun saya fikir tidak pernah sepanjang 8 tahun tersebut atau tahun-tahun sebelumnya pentadbiran saya Selangor berada di tahap yang lebih buruk dari hari ini. Belum pernah Kerajaan Negeri kehilangan banyak pelaburan daripada sebanyak RM 8 *billion* kepada RM4 *billion* dan terpaksa mengemukakan cadangan menggunakan wang zakat untuk pentadbiran dan pembangunan negeri, kerana keghairahan untuk mencari salah pentadbiran lalu atau *bogymen* ini maka beberapa tindakan tergopoh gapah dilakukan terutamanya sesi pendengaran SELCAT. Sebab itu dalam perbahasan ini saya akan menyatakan betapa terdapat lompong-lompong besar yang boleh dipertikaikan terhadap usul yang dikemukakan oleh Kg. Tunku. Adalah penting saya menyentuh isu SELCAT

ini kerana ia adalah punca kita berada dalam Dewan yang mulia bagi membincangkan usul yang tidak masuk akal ini. Semalam kita telah mendengar perbincangan mengenai SELCAT anggota pentadbiran Kerajaan Negeri sendiri tidak memahami tujuan SELCAT, tujuan asal pendengaran SELCAT. Ketika saya dipanggil, menerima saman untuk sesi pendengaran mengenai akaun BALKIS, kerajaan pula mendakwa ia diadakan untuk melihat kepincangan perjalanan anak Syarikat Kerajaan Negeri. Malah pada latar belakang dengan izin *backdrop* sesi pendengaran tersebut juga jelas tertulis "Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan SELCAT - Perkara Pendengaran Terbuka Berhubung Badan Amal Dan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (BALKIS). Maka jelas usul semalam mengenai pertanggungjawaban sosial korporat dengan izin *cooperate social and sociability* (CSR) dan usaha mengemas kini pentadbiran anak syarikat Kerajaan Negeri berasaskan SELCAT yang lalu adalah tidak masuk akal. Lain yang disiasat lain pula yang diusul. Ini dikatakan lain bengkok, lain pula yang bernanah malahan sesi SELCAT sendiri mengelirukan sehingga tujuan untuk meneliti akaun BALKIS dan sumbangan anak syarikat Kerajaan Negeri meleret kepada isu-isu pengembangan perniagaan agensi negeri dan lawatan teknikal membabitkan perjalanan saya keluar negara. Perlu saya tegaskan bahawa dakwaan iaitu bayar tambang bagi anak-anak saya dan pembantu rumah adalah fitnah semata-mata demikian juga kononnya PNSB membiayai perjalanan peribadi saya ke *Melbourne*, kalau dia tak puas hati, sila buat kenyataan di luar dewan.

Pada hemat saya, Sekinchan banyak tabiat suka bercakap tidak benar, dalam dewan, luar dewan sama sahaja bagi beliau. Ini mengingatkan saya kepada satu pantun orang Melayu dan nyata berharap dan saya berharap Sekinchan tidak jadi seperti pantun ini siakap senohong, selama ikan duri selalu cakap bohong lama-lama mati sendiri. Janganlah mereka-reka cerita dan kemudiannya berselindung di sebalik imuniti SELCAT. Kita merasa aneh SELCAT bukan sahaja menjamin imuniti saksi malah tidak berminat memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Saya petik utusan, petikan Utusan Malaysia 18 Mac 2003 juga dilaporkan dalam beberapa akhbar lain dalam laman *web*. Sungai Pinang mengatakan bahawa media, menyatakan kepada media bahawa sebarang bukti yang diperolehi tidak boleh digunakan atau disalurkan oleh atau kepada pihak-pihak lain seperti polis ataupun SPRM. Mengapa dan kenapa, sudah terang lagi bersuluh. Saya merasakan bahawa ini suatu kejanggalan kepada SELCAT.

Puan Speaker,ada dua (2) isu dalam penggantungan ini. Pertamanya saya digantung kerana tidak menghadiri sesi pendengaran SELCAT. Saya telah tegaskan bahawa saya tidak hadir kerana surat saman menghadiri SELCAT adalah mengenai perjalanan BALKIS. Saya tidak ada kena mengena dengan perjalanan BALKIS dan saya bukan ahli BALKIS, maka sebab itu saya tidak hadir, malah Dewan ini juga tidak berat membincangkan dan BALKIS adalah di bawah Akta ROS. Keduanya saya bersama Dengkil, Sabak, Hulu Bernam dan Batang Kali hendaklah digantung kerana membuat kenyataan akhbar menegur cara SELCAT menjalankan kerja. Ini adalah bukti ketelusan dan keterbukaan ala Dato' Seri Anwar Ibrahim, pemimpin nombor 1 ataupun dengan izin *yumiro unno*, Pakatan PKR, DAP dan juga PAS. Semua orang tahu cara taktik Anwar mengawal media semasa beliau berkuasa, ketelusan, keterbukaan dan kebebasan akhbar hanya untuk menyebelahi beliau. Oleh kerana belum menguasai media, maka konco-konconya dalam Dewan yang mulia ini mahu pula menutup mulut wakil rakyat yang bukan bersamanya.

PUAN SPEAKER: Seperti kera mendapat bunga, seperti Si kudung mendapat cincin dan seperti kaduk naik junjung adalah warisan peribahasa Melayu yang tidak lekang dek zaman yang boleh menjadi panduan dan teladan untuk kita semua. Jika kita melantik mereka melanggar peraturan menjadi penguasa maka haru biru dan kucar kacirilah perjalanan undang-

undang kerana melantik seorang yang pernah mengganggu urusan penguat kuasa dan polis, membanteras pusat pelacuran menjadi penguasa PBT maka bertambahlah masalah rumah urut, kedai VCD cetak rompak, kedai mesin judi sepertimana yang dibangkitkan oleh Kota Damansara sebelum ini. Demikian juga apabila kita melantik orang yang pernah membakulsampahkan, membakulsampahkan peraturan dewan menjadi penguasanya, maka jadilah seperti sekarang bersultan di mata beraja di hati.

Saya nak jelaskan Tuan Speaker, memang kerajaan dulu menggantung Yang Berhormat Sungai Pinang. Dia melakukan kesalahan dalam Dewan ini, mengambil bakul sampah membuang buku dalam bakul sampah, dalam Dewan ini bererti dia melakukan dalam Dewan ini, selaras dengan takrifan dalam Fasal 77 perenggan 1 yang saya katakan tadi.

Puan Speaker, Puan Speaker yang terhormat sekalian, rentetan ataupun kronologi usul penggantungan ini menunjukkan ada pertembungan kepentingan atau dengan izin *conflict of interest* Sungai Pinang bukan sahaja menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri malah turut menjadi Pengerusi SELCAT dan kemudian juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Ini bermakna Sungai Pinang menjadi Pengerusi SELCAT menjadi pengadu ke atas saya dan rakan-rakan. Sungai Pinang juga menjadi pendakwa dan membuat keputusan terhadap kami melalui kedudukan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Oleh itu prosiding dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan adalah bercanggah dengan prinsip keadilan asasi. Maka keputusan Jawatankuasa Hak

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker., Puan Speaker minta penjelasan

PUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

YB DATO SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Dan Kebebasan Dewan adalah tercemar dan cacat atau dengan izin *tenser* saya tak benarkan, saya teruskan dulu.....

PUAN SPEAKER: Duduk

YB DATO SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Puan Speaker, mengikut Undang-undang Tubuh Negeri di bawah Peraturan 70 – Dewan atau dengan izin *assembly* bererti Dewan Negeri yang tidak merangkumi Jawatankuasa Dewan maka SELCAT sebagai Jawatankuasa Dewan tidak merangkumi dalam takrifan Dewan Negeri dan SELCAT hanyalah sebahagian daripada dengan izin *house*. Oleh itu pertuduhan yang dinyatakan atas kesalahan menghina Dewan yang sebenarnya adalah menghina SELCAT justeru jika ada penghinaan pun adalah di luar bidang kuasa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Isu SELCAT ini lebih *relevant* kepada Enakmen Penghinaan Dewan 2008 atau lebih tepat dengan izin *content of the house Enactment* 2008 sepatutnya dia dirujuk atas Akta itu. Namun Perkara 6 dalam Enakmen ini dengan jelas menyatakan hanya Peguam Negara boleh mendakwa mereka yang didapati melanggar Enakmen ini. Sekali lagi saya tegaskan tiada penghinaan telah berlaku dan jika adapun ia tidak berlaku dalam Dewan Negeri atau Persidangan Dewan Negeri yang boleh memberi kuasa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan untuk mengambil tindakan kerana perkara ini tidak berlaku dalam Dewan, berlaku dalam Persidangan maka ia perlulah dibezakan dengan yang berlaku kepada Sungai Pinang sebelum ini .

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan Puan Speaker....

PUAN SPEAKER: Sungai Panjang.....

YB DATO SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Silakan....

PUAN SPEAKER: silakan

YB TUAN LAU WENG SAN: Sungai Panjang, terima kasih. Saya hanya ingin bertanya satu soalan sahaja iaitu tadi Yang Berhormat Sungai Panjang menuduh bahawa Yang Berhormat Tuan Speaker sebagai Pengerusi SELCAT, YB Tuan Speaker sebagai pengerusi SELCAT, Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan merancang semua ini. Saya ingin bertanya sedarkah atau pernahkah Yang Berhormat baca laporan edisi ini bahawa semasa pengundian dibuat terhadap pertuduhan itu, YB Tuan Pengerusi iaitu YB Tuan Speaker tidak mengambil bahagian dalam pengundian ini. Adakah Yang Berhormat sedar ini tak? Kalau Yang Berhormat sedar, sudah pasti Yang Berhormat tidak akan membuat keputusan yang begitu melulu.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Terima kasih Kampung Tunku. Saya dipanggil dan saya bawa *lawyer* semua yang *the main actor* adalah Tuan Speaker. Tengok *verbaltim*, laporan *verbaltim*.

YB TUAN LAU WENG SAN: Keputusan, keputusan dia. Undi-undi.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya tahu keputusan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Undi tak ada. Malahan Kuala Kubu Baharu boleh memberi saksi, menjadi saksi di sini.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Baca *verbaltim*. *verbaltim*.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya tahu.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Ini bererti saya nak jelaskan sepatutnya Speaker tidak boleh mengambil bahagian langsung dalam ini. Sebab itu saya rujuk kepada apa yang berlaku di Parlimen. Bila mana YB Govind di gantung. Kita tengok *verbaltim* Parlimen, Tan Sri Pandikar Amin tidak mengambil satu perkataan pun dalam

YB TUAN LAU WENG SAN: Tapi Govind Singh tidak diberi langsung peluang untuk memberi penjelasan. Dia digantung terus sahaja. Itu cara di Parlimen. Kita sekarang memberi YB Sungai Panjang untuk hak memberi penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Dia dengar. Tidak. Kampung Tunku kena faham. Dia di bawah jawatankuasa. Jawatankuasa buat keputusan dan dalam rekod *verbatim* di parlimen kita tengok tidak ada satu perkataan pun yang dikeluarkan oleh Tan Sri Pandikar Amin ketika jawatankuasa memutuskan perkara tersebut.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tetapi kita perlu lihat YB Gobind Singh langsung tidak diberi peluang untuk menjelaskan diri. Isu berbeza.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Itu saya nak jelaskan, nak bagi tahu *verbaltim* jelas ada pertengkar di antara peguam dan Sungai Pinang. Jelas. Baca *verbaltim* ini.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Dia yang menjadi prosipikal dan mahkamah. Puan Speaker saya nak teruskan ucapan saya. Persoalan saman yang dikeluarkan oleh jawatankuasa juga mengelirukan dan cacat. Di dalam perenggan 5, jadual di bawah Akta 337 (Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri) perkataan saman dalam perenggan berkenaan bermaksud untuk menuntut kehadiran atau mengemukakan dokumen dan untuk mengambil keterangan dalam cara yang sama sesuatu sepina beroperasi dari segi undang-undang. Oleh itu, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah melampaui bidang kuasanya apabila menghantar saman dengan pertuduhan-pertuduhan. Dalam ini kata, jawatankuasa boleh panggil orang untuk beri keterangan, serahkan dokumen dan sebagainya tidak menghantar saman menyebut pertuduhan-pertuduhan. Ini bererti telah berlaku niat jahat di situ. Tuan Speaker, dengan ini adalah jelas bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan yang mempunyai (dengan izin) *legal authority* untuk menentukan soal-soal hak Yang Berhormat, tidak membuat keputusan mengikut undang-undang khususnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1969. Jawatankuasa Dewan juga ingin juga dengan jelas tidak mematuhi prinsip (dengan izin) *natural justice*. Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai apa yang dikatakan *natural justice*. Pembabitian Sungai Pinang yang bertindak sebagai pengadu mendakwa dalam hakim, ini adalah ini telah menyebabkan berlakunya berat sebelah malah ia menyebabkan (dengan izin) *justice in needed had been done or nor be seen to be done* dalam kes ini. Usaha bersungguh-sungguh Sungai Pinang untuk menggantung saya dan rakan-rakan jelas menampakkan niat jahat atau (dengan izin) *malafidi*. Berdasarkan kenyataan Kampung Tunku yang mengulas pergantungan Tuan Sungai Pinang selama 30 bulan semasa pemerintahan BN, saya ingat bukan 30 bulan, 18 bulan. Saya nak jelaskan balik nyata ada dendam yang tidak dilunaskan oleh beliau. Jika tidak merasakan beliau perlu bertindak sebagai pengadu, pendakwa dan hakim dalam usul ini. Saya tahu Isnin lalu dalam dewan yang mulia ini Sungai Pinang menyarankan saya berjumpa pakar psikiatri kerana selalu menegaskan bahawa semua tindakan untuk membawa usul ini adalah kerja balas dendam. Namun, saya ingin fikirkan mungkin Sungai Pinang yang sewajarnya berjumpa dengan pakar psikiatri terlebih dahulu kerana beliau belum ada dalam sejarah demokrasi seseorang itu menjadi pengadu, pendakwa dan hakim dalam satu-satu kes. Malah tindakan Sungai Pinang mendedahkan keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan sebelum membentangkan di dalam dewan yang mulia ini jelas melanggar perkara 75 (Peraturan Dewan Negeri Selangor) dengan jelas niat-niat buruk dan *malafidi* Sungai Pinang dalam kes ini. Saya nak baca Peraturan 75 'keterangan yang diambil di hadapan sesebuah jawatankuasa pilihan dan apa-apa dokumen yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh sesiapa ahli jawatankuasa itu atau oleh sesiapa juga sebelum jawatankuasa itu membawa penyata itu ke dalam dewan'. Dah dinyatakan menunjukkan bahawa Sungai Pinang ada niat jahat terhadap diri saya dan rakan-rakan. Tuan Speaker, kita tahu pembentangan usul ini hanyalah sekadar (dengan izin) *rubber stand* ke atas keputusan jawatankuasa. Jika pun ditolak usul ini ia bukanlah atas sebab keadilan sebaliknya kerana arahan pemimpin atasan pakatan untuk menunjukkan keterbukaan yang berpura-pura dan kepura-puraan mereka. Bagi saya usul ini jelas untuk mematikan kebebasan bersuara di dalam dewan yang mulia ini. Jika usul ini diluluskan, maka jelaslah ia menjadi satu batu nisan kepada kebebasan bersuara di Negeri Selangor. Demokrasi telah mati di Selangor. Kita cuma berharap pembangunan dan kemajuan juga tidak mati bersama demokrasi. Saya harap sangatlah Negeri Selangor tak *bankrupt* suatu hari nanti kerana sejarah kepimpinan pun menghadapi tuduhan *bankruptcy*. Tuan Speaker, Setelah berbincang panjang lebar barisan pembangkang berpendapat usul ini tidak layak untuk diundi. Sebarang pergantungan berdasarkan cadangan dan keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan adalah tidak sah kerana ia telah tercemar, berat sebelah dan berniat buruk. Justeru, pembangkang atau lebih tepat Barisan Nasional Selangor tidak mahu terbabit bersekongkol untuk membuat sesuatu keputusan terhadap sesuatu usul yang jelas (dengan izin) *tented bias dan malafidi*. Kita Barisan Nasional tidak mahu terlibat dengan satu proses dewan yang amat

menjijikkan lagi memualkan. Kita bercakap tentang demokrasi badan bersuara tapi apa yang kita bertindak lebih berat daripada itu. Dan saya amat berharap dewan ini akan dijaga kemuliaannya kerana saya sedar inilah yang dikatakan kemuliaan dewan yang

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker.

PUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya tak benarkan Tuan Speaker. Saya nak habiskan. Saya nak habiskan sekejap.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tidak, saya minta penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Dia lepas cakap Puan Speaker dia akan keluar. Ini cara dia.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM: Dia tak nak dengar perbahasan kita. Tak malu lah!

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Woi Sekinchan! Duduk!

PUAN SPEAKER: Batang Kali. Saya minta Yang Berhormat sekalian menghormati Dewan. Sungai Panjang, senyap dulu. Senyap dulu. Saya tak boleh dengar siapa yang bercakap kalau semua nak bercakap serentak. Kalau ikut peraturan tetap dewan ini, sesiapa yang ingin bercakap mesti mohon izin untuk bercakap. Ya, serupa. Semua sama. Jadi Sungai Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Terima kasih Tuan Speaker kerana adil pada pagi ini. Dengan ini kami di Barisan Nasional tidak mahu terlibat dalam penggulungan usul ini. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker.

YB PUAN GAN PEI NEI: Penakut! Penakut!

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Doktor gigi jadi Menteri Besar macam ni lah!

YB PUAN GAN PEI NEI: Inilah *surprise* Barisan Nasional.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ini namanya doktor gigi!

PUAN SPEAKER: Bertenang, bertenang. Bertenang Ahli Dewan Negeri. Maka kita semua telah melihat demokrasi telah dilaksanakan. Diberi ruang untuk membahaskan usul yang telah dibentangkan sebentar tadi. Jadi kita buka jika ada perbahasan yang seterusnya. Sila Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin turut serta lah dalam perbahasan ini walaupun saya sudah sangka, saya sudah tahu cara taktik Barisan Nasional yang diketuai oleh seorang yang *bachol!* Yang *bachol!* Kalau berani kerana jantan benar, tunggu saya akan balas! Tapi dia keluar. Saya dah tahu taktik dia akan keluar selepas dia cakap habis. Apa bentuk demokrasi ni? Kalau berani berhujah dengan fakta, berdepan. Tunggu pula barisan daripada Pakatan Rakyat berhujah. Lawan. Ini keluar terus. *Bachol!*

Memang pemimpin munafik yang tidak sepatutnya menjadi pemimpin, itu dia Sungai Panjang Puan Speaker. Patutlah Manek Urai pun tersungkur. Saya ni kalau dengan orang yang Sungai Panjang ni Puan Speaker, saya kesal. Kalau kita nak bahas, nak tuduh nak marah Pakatan Rakyat tak ada masalah. Tak ada masalah. Marah, tuduh, apa yang fakta *you* cakap. Nanti kita akan balas. Ini cara demokrasi. Tapi lepas cakap dia cabut. Cabut! Lepas pukul orang dia cabut. Lepas curi dia cabut. *Wong jowo iki maling melayu* maksudnya pencuri lari. Inilah cara dia. Tengok saya nak tegaskan di sini kita cakap dengan fakta seperti apa yang terkandung dalam Peraturan Tetap 71 di mana jawatankuasa akan dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mesti melalui Speaker. Jadi maknanya dalam Peraturan Tetap dia menuduh, Sungai Panjang menuduh Speaker duduk dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Memang Peraturan Tetap sudah termaktub 71. Kalau dia tak faham, balik sekolah lagi ataupun balik cabut gigi. Cabut gigi tak apa. Suruh dia cabut gigi. Dalam masa dia cabut gigi mungkin dia akan insaf. Dalam Peraturan Tetap dah sudah termaktub dan dalam membuat keputusan Puan Speaker semasa membuat keputusan pun Tuan Speaker tidak terlibat. Dan apa yang Pakatan Rakyat buat ini bukan tuduh sewenang-wenang. Kita punya fakta. Tengok saya nak bagi tahu Jawatankuasa SELCAT ini ditubuhkan oleh dewan yang mulia ini. Semua ahli-ahli jawatankuasa, YB Tuan Speaker, YB Bukit Antarabangsa, YB Bukit Gasing, YB Hulu Kelang dan termasuk dua daripada Dusun Tua, daripada Permatang, daripada pembangkang. Semua sekali tujuh orang. Maknanya Jawatankuasa SELCAT ini adalah jawatankuasa yang dilantik oleh dewan. Dan apa keputusan yang dibuat oleh SELCAT ini mewakili dewan yang mulia ini. Ini pun pembangkang tak faham. Ini pun Sungai Panjang tak faham. Dan saya sini keluar surat perintah daripada SELCAT kepada YB Sungai Panjang. YB Sungai Panjang mengata, mendakwa bahawa dia tiada kaitan dengan BALKIS. Dia tidak ada kaitan dengan BALKIS. Saya baca 'ada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh jadual perkara 77 (Kuasa dan Keistimewaan Dewan Negeri), (Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri). Jadi, Jawatankuasa SELCAT memerintah YB Sungai Panjang datang untuk pendengaran awam. Bukan tuduh dia salah. Suruh dia datang mengikut perintah. Dan kalau ikut Perkara 77 (Undang-undang Tubuh Negeri) tidak perlu dinyatakan apa-apa alasan atau apa-apa kandungan yang patut kita panggil. Kita panggil *you* kena datang. Itu saja. Tidak perlu nyata pun apa sebab kita panggil. Tetapi SELCAT ini oleh kerana dia profesional dan adil dinyatakan 'penglibatan kamu dalam aktiviti BALKIS'. Penglibatan kamu. Maknanya ada sesuatu yang dia terlibat. Kita nak tahu nak dengar dia cakap. Kalau tak terlibat, cakap tak terlibat. Dan saya dinyatakan semalam seperti saya nyatakan dalam dewan, pejabat pendaftaran BALKIS di mana? Tingkat 21, Pejabat Menteri Besar. Tingkat 21, Pejabat Menteri Besar. Adakah ini tidak kaitan dengan Menteri Besar? Bolehkah Pejabat Menteri Besar digunakan untuk BALKIS? Boleh ke? Ahli-ahli Yang Berhormat? Tak boleh. Jadi maknanya Menteri Besar ada kaitan dengan BALKIS dan Menteri Besar juga merupakan pengerusi badan berkanun Kerajaan (PKNS, PKPS, PNSB) dan isteri beliau pengerusi BALKIS. Jadi ini tidak ada berkaitan ke? *Commonsense!* Bangang betul la saya tak faham ni!

PUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Maaf Speaker. Bukan saya nak marah. Minta maaf lah. Saya bukan nak marah.

PUAN SPEAKER: Bahasa yang dibenarkan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya tarik balik lah perkara yang bangang tu. Saya tarik balik. Sebab tadi dia berani lawan tapi dia keluar. Itu yang naik marah ni. Kalaulah kau curi pun dia lari, cabut jadi *maling*. Oh, itu tak boleh. Perkataan itu tak boleh. Jadi terbukti dalam kalau

siapa-siapa nak surat perintah saman ni saya boleh bagi. Maknanya kita kata penglibatan ada kaitan. Jadi datanglah. Kita bagi sepenuh-penuhnya untuk buat pembelaan tapi tak datang. Hari ni tuduh di sini kata kita tidak adil menggunakan dewan dan sebagainya. Semua tuduhan yang merapu. Puan Speaker, pada masa yang sama saya juga ingin membicarakan mengupas sedikit tentang kes yang dikatakan kes yang berkaitan dengan potongan ataupun elaun yang kita potong satu tahun YB Sungai Panjang. Di mana kes seperti ini adalah amalan praktis di parlimen dan juga Negara-negara Komanwel. Di United Kingdom sendiri, di Estimate sendiri semua ada. Berat ada saya tak nak lanjut. Berat. Banyak ada. Sudah terkandung dan di dalam kes YB Gobind Singh seperti apa yang dinyatakan oleh YB Sungai Panjang tadi, YB Gobind Singh digantung satu hari selepas satu usul di bawa oleh Menteri. Betul tak? Tidak ada langsung melalui Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Tak ada melalui saluran tersebut. Ini zalimnya Barisan Nasional terus pancung melalui satu usul apatah lagi melalui Speaker Dewan Rakyat seperti yang dinyatakan oleh Sungai Panjang. Ini putar belit yang nyata di dewan tadi. Terus *second day* bawa satu usul terus gantung YB Gobind Singh satu tahun tanpa elaun. Tak ada pembicaraan, pendengaran, pembelaan daripada Gobind Singh di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan. Tak ada! Langsung! *lek!* Ini dia cara Barisan Nasional terhadap Pakatan Rakyat. Itu cara dan seterusnya dalam kes YB Batu Gajah Fong Koh Kuan, beliau juga digantung dan dipotong elaun. Semua orang tahu satu dunia dan sekarang kena pula kepada YB Sungai Panjang yang secara terang-terang telah menghina dewan tidak mahu hadir, kononnya kebal. Sekarang pula dia nak beri alasan kata kita tidak adil dan sebagainya. Ini tuduhan yang tidak boleh diterima sama sekali Puan Speaker. Puan Speaker, dan saya ingin nyatakanlah. Oleh kerana dia pun tak ada, saya pun tak nak cakap panjang. Kalau tidak saya dah ada 4-5 muka surat. Sebenarnya ada banyak. Oleh kerana dia tak ada dah jadi bacul, jadi teruskanlah jadi bacul. Dan seterusnya saya nak bagi tahu dalam seminggu ini saya, kita *dok* sidang di sini ahli-ahli yang berhormat, Puan Speaker dalam seminggu kita bersidang di sini saya nampak pengamatan saya sudah berapa kali banyak kali daripada kronologi YB Sungai Panjang berbohong. Banyak dia bohong. Peraturan Tetap pun dia bohong. Peraturan Tetap 71 pun dia tak tahu mengatakan perkarangan dewan pun dia tak tahu tafsiran pun salah.

PUAN SPEAKER: Bukan bohong, tu andaian dia.

YB TUAN NG SUEE LIM: Andaian dan bohong bagi saya bohong, dan semalam saya nyatakan bagi surat saman kononnya di tempat *parking* di perkarangan Dewan dia kata di tempat *parking* semua dia bohong. Jadi dari pembohongan semua ini saya nampak hari itu saya bagi nama dulu Ketua Pemikir UMNO saya bagi Ketua Pembohong UMNO Negeri Selangor saya tukar lagi dalam Dewan Yang Mulia ini. Dia sebagai Bapa Pembohong Negeri Selangor patutlah 8 tahun jadi Menteri Besar semua peraturan dia langgar baru dia kata Pakatan Rakyat lebih teruk daripada dia. Ini semua tuduhan dari dia tidak berasas. Jadi saya menyokong penuh laporan penyata dari Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sekian terima kasih itu sahaja Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Terima kasih.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Ya, Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih, Puan Speaker, Teratai ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul supaya menanggungkan kelima-lima ADUN yang tidak menghadiri sesi yang dianjurkan oleh SELCAT. Puan Speaker, saya merasa YB Sg. Panjang memang tidak

bertanggungjawab kerana beliau diberi peluang untuk berucap di dalam Jawatankuasa tetapi mereka enggan hadir tapi di luar *parking* atau di luar tempat lain cakap bukan-bukan. Lepas cakap bukan-bukan masuk ke Dewan lagi cakap bukan-bukan dan perbincangan dan Hak Kebebasan itu bukan satu bukan ditubuhkan oleh Puan Speaker atau sesiapa-siapa tetapi ditubuhkan di bawah Dewan Undangan Yang Mulia ini. Walau bagaimana mana pun beliau menuduhkan kita Pakatan Rakyat bohong tapi siapa bohong siapa benar saya rasa tuan ada mata tetapi yang keluar itu memang Ketua Pembohong. Puan Speaker, Teratai memang nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Kebebasan Hak Dewan kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Jawatankuasa pun termasuk Ahli Pembangkang telah mencipta satu sejarah di Dewan Undangan Negeri berbanding dengan zaman Barisan Nasional jajahan Barisan Nasional Kerajaan Pakatan sekarang lebih memahami proses Demokrasi. Dewan Yang Mulia ini telah memberi banyak peluang yang saksama dan sebenarnya tadi saya menyokong saya adalah bagi peluang ucap dulu tetapi Puan Speaker sudah bagi peluang itu kepada Sg. Panjang, ini menunjukkan kita tidak berpilih kasih, memilih kasih kita bagi peluang dia dulu. Dalam Jawatankuasa Pilihan Hak dan Kebebasan semua Ahli Jawatankuasa mempunyai hak yang sama tak ada bezanya tetapi salah seorang dari Barisan Nasional iaitu Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu dia sudah buat pilihan untuk dikecualikan dia tidak menahankan bos dia sendiri di dalam Jawatankuasa. Jadi itu lah tidak kalau Yang Berhormat Sg. Panjang menuduh Pakatan Rakyat tidak adil dan itu Jawatankuasa yang tak sah jadi mengapa Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu duduk di dalam dan membuat pengundian undi dikecualikan. Jadi sepatutnya seorang lagi di pilih sebagai Ahli Jawatankuasa dia itu Yang Berhormat Sabak tetapi kerana beliau merupakan salah seorang yang dituduh jadi itu tidak adil kalau beliau hadir dalam Jawatankuasa tersebut. Tetapi ini menunjukkan kita mengelakkan segala *conflict of interest* dengan izin kalau kita mengibaskan balik kes-kes yang baru-baru berlaku di Parlimen saya memang setuju dengan rakan-rakan saya. YB Gobind Singh tidak diberi peluang dalam Jawatankuasa atau pun diberi peluang untuk menahankan diri dalam Dewan atau mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan di Parlimen dan sebaliknya di Dewan Negeri Ahli Jawatankuasa memberi peluang yang sama untuk kelima-lima ADUN termasuk Ketua Pembohong untuk membela diri. Apabila Jawatankuasa mengadakan satu sidang untuk menyiasat kes penghinaan Dewan pada 4hb Mei YB Sg. Panjang sudah bawa 7 orang peguam jadi kalau dikatakan ini tidak sah mengapa dia bawa 7 orang peguam tetapi walau bagaimana pun YB Sg. Panjang enggan bekerjasama menjawab sebarang soalan yang diberi atau membela diri itu dia sudah pilih tak nak cakap bisu jadi kalau dia sudah pilih bisu jangan cakap bukan-bukan di luar masuk cakap bukan-bukan lagi. Katakan jika YB Sg. Panjang ingin membela diri menunjukkan bukti-bukti yang sah saya percaya bahawa Jawatankuasa tidak akan mengambil tindakan terhadapnya. Ini disebabkan kita semua ADUN-ADUN di sini adalah ADUN yang profesional dan pelajaran tinggi. Kita bukan macam Yang Berhormat atau pun semua Ahli-ahli Pembangkang memainkan perangai sikap yang terus sekali menunjukkan kepada Dunia bahawa betapa kecewa ADUN-ADUN yang biadab di Dewan Undangan Negeri di sini. Tambahan lagi semua Ahli Jawatankuasa yang dipilih di Dewan Yang Mulia ini dia mereka semua memang boleh membuat keputusan dan keputusan itu adalah mengikut fakta-fakta dan hujah-hujah. Semua ini ada terdapat di dalam penyata yang kita semua terima. Puan Speaker, saya telah membaca penyata yang disediakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Selangor, saya boleh nampak dalam semua detail-detail yang saya baca saya boleh rasa kesombongan dan keangkuhan Yang Berhormat Sg. Panjang ini mungkin beliau masih bingung dan menggagap beliau adalah seorang yang berwibawa dan tidak perlu menghormati Jawatankuasa di Dewan Yang Mulia ini. Saya rasa kesemua ini berlaku atas sebab pada zaman dulu mungkin sampai hari ini Barisan Nasional langsung tidak menghormati sistem pemisahan kuasa dalam demokrasi. Kemungkinan saya rasa Menteri Besar hari ini boleh membahagi dia satu *lecture* dengan izin apa maksudnya demokrasi. Ketiga-tiga Jawatankuasa ini termasuk Kuasa Pemerintah, Kuasa Undang-undang dan Kuasa Kehakiman.

Mereka mempunyai kuasa yang berlainan dan boleh menjalankan tugas mereka masing-masing. Pada zaman dulu Menteri Besar sahaja yang membuat keputusan dan keputusan itu adalah mutlak dan dulunya Dewan hanya berfungsi sebagai satu *rubber stamp* dengan izin ADUN setiap kali bila ADUN dari Barisan Nasional berucap hanya dua perkataan sahaja dalam ucapan mereka iaitu ia dan sokong itu sahaja. Jadi tetapi kalau memandangkan kita Pakatan Rakyat hari ini walau pun kita kelak menyokong Kerajaan tetapi bukan semua ia dan sokong kita juga ada kritik dan bagi pandangan yang lain untuk mempertahankan maruah Dewan dan kuasa Dewan Yang Mulia Ini. Jadi saya rasa kalau YB Sg. Panjang tidak faham sistem tersebut dan beliau juga menganggap bahawa ADUN yang boleh menguasai Dewan itulah dianggap tidak menghormati Dewan. Oleh sebab Jawatankuasa Pilihan Khas ini dipilih oleh Dewan saya percaya segala Ahli-ahli Jawatankuasa munasabah dan di sini saya ingin menyokong usul ini dengan mengantungkan kelima-lima ADUN yang menghina Dewan. Sekian sahaja terima kasih.

PUAN SPEAKER: Batu Caves

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk terlibat dalam bahaskan usul untuk menerima laporan dan penyata yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor. Puan Speaker, Ahli Dewan Yang Budiman Dewan Negeri atau pun yang dipanggil sebagai satu Badan Perundangan Negeri ditubuhkan dengan hasrat untuk memastikan polisi dan dasar Kerajaan Negeri seperti keputusan-keputusan penting Kerajaan Negeri dibincangkan dan secara efektif dengan secara berhemah dengan secara bijaksana. Justeru dalam Dewan Undangan Negeri kita diberikan satu yang dipanggil sebagai Imuniti atau pun satu kekebalan untuk memberikan ruang kepada Ahli Dewan dan seluruh pembicara Dewan ini cara yang penuh hemah dan berhati-hati untuk memastikan setiap butir perkataan diberikan setiap perkataan dan cadangan yang disampaikan dan benar-benar berkualiti tidak mengelirukan orang lain. Puan Speaker atas sebab itu juga Jawatankuasa dan Hak, Jawatankuasa Hak Kebebasan ini diwujudkan untuk memastikan Ahli-ahli Dewan yang mempunyai kekebalan imuniti itu adalah satu penampung kepada sebutan kepada disebutkan dalam Dewan ini boleh dinilai, boleh dipantau dan boleh dikesan sejauh mana kebenarannya. Sejauh mana beliau berucap sejauh mana beliau mengatakan sesuatu untuk memastikan Dewan ini terjaga dan mulia. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ini saya rasa ditubuhkan atau pun saya memang ditubuhkan adalah untuk memastikan kredibiliti dan juga kekuatan Dewan Negeri sebagai satu badan yang mulia kita sebut Dewan Yang Mulia terpelihara dan terjaga. Dalam Dewan Negeri yang lalu secara konsensus kita telah menubuhkan satu badan yang dinamakan SELCAT. SELCAT bertujuan untuk memantau aktiviti-aktiviti di luar ataupun perjalanan Kerajaan menilai sejauh mana akauntabiliti atau pun ketelusan dan integriti perjalanan pengurusan Kerajaan Negeri termasuk untuk anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang boleh dijadikan sebagai satu unsur *check and balance* yang merupakan sebagai salah satu daripada kekuatan dan fungsi Dewan ini. Setelah Pakatan Rakyat menang pada 8 Mac yang lalu kita telah melakukan reformasi ini perubahan demi perubahan untuk memastikan Ahli Dewan memantau fungsi Eksekutif, Menteri Besar seluruh EXCONya dan kita dapat memastikan supaya perjalanan dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri berjalan dengan sebetulnya. Di samping kita berdepan dengan tahi-tahi lama dengan izin perkataan yang kurang elok ataupun kemungkar-memungkar lepas yang dibuat oleh Barisan Nasional termasuk isu BALKIS. Mereka telah membubarkan BALKIS ia nak bubarkan tidak apa sebab itu badan, Badan NGO tapi yang dipertikaikan di sini adalah wang sejumlah RM 9 juta yang dilaporkan di dalam Dewan yang telah disebutkan sendiri oleh YAB Dato' Menteri Besar sendiri dalam salah satu tidak silap menjawab soalan mengatakan bahawa wang RM 9 juta itu adalah disumbangkan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Justeru perkara itu

yang dilakukan oleh peringkat awal telah menjadi salah satu tugas utama oleh SELCAT yang telah dipersetujui oleh seluruh Ahli Dewan ini untuk menyasat dan untuk memastikan dengan memanggil setiap saksi-saksi yang dipercayai yang mungkin boleh memberikan bukti-bukti terhadap mengapa RM 9 juta boleh diberikan dan bagaimana RM 9 juta itu dibelanjakan dan sejauh mana wang-wang sebelum ini telah disumbangkan oleh anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Sg. Panjang bersama dengan isteri beliau sepatutnya datang ke SELCAT untuk menjelaskan hal yang sebenar kalau beliau mempunyai fakta. Namun daripada awal Sg. Panjang tidak mahu untuk bekerjasama kerana bagi saya beliau ingin menutup sesuatu yang tidak mampu untuk disembunyikannya lagi. Justeru daripada awal beliau memang berniat untuk menghina SELCAT yang telah dipersetujui oleh majoriti dewan termasuk daripada Barisan Nasional. Sebab itu semalam bila saya tanya kepada Sg. Burung penghinaan yang telah diberikan sangat menjolok dan tidak masuk akal. Antara satu tuduhnya adalah untuk menghalang dan juga sebagai satu konspirasi konon-kononnya SELCAT ini berhasrat untuk menghalang kejayaan Sg. Panjang, bertanding dalam perhimpunan Agong UMNO, apa kaitan SELCAT dengan UMNO. SELCAT adalah Ahli Dewan Undangan Negeri, kita tidak terlibat dengan organisasi yang bernama *Parti United Malay Organisation* ataupun UMNO. Satu hal pertuduhan kononnya SELCAT ini digunakan oleh pihak Kerajaan. Ia bukan digunakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, ini adalah keputusan dewan dan keputusan dewan ini adalah *separate* dengan izin ataupun terasing dan tidak ada kena mengena dengan arahan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam membuat keputusan memilih siapakah yang harus dibicarakan, kes mana yang akan dibicarakan. Sg. Panjang yang menyatakan malahan dalam tuduhan-tuduhan yang disebut oleh mereka di luar dewan termasuk kenyataan-kenyataan akhbar menyatakan bahawa kalau ia melibatkan tuduhan yang melibatkan Barisan Nasional dia cepat-cepat dia ambil tindakan. Kalau melibatkan Pakatan Rakyat ia tidak diambil tindakan. Saya nak tanya kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional yang ada di luar sana yang mungkin mendengar, sejauh mana dan sebanyak mana dokumen yang telah diberikan kepada SELCAT, seberapa sebanyak mana laporan yang telah diberikan SALCAT untuk SELCAT membuat pendengaran awam, tidak ada. Kalau tidak ada janganlah nak sebut apa-apa. Kenyataannya, ini yang disebut andaian-andaian, politik andaian Sg. Panjang. Saya nak sebut, saya tak dapat sempat ketika berdebat, andaian-andaian yang dibuat, kenyataannya, andaian-andaian yang dibuat oleh Barisan Nasional ternyata terkhilaf. Saya mengambil contoh sedikit dalam bab ekonomi apabila Sg. Panjang menyebut kita gagal untuk mencapai sasaran. Sepatutnya Sg. Panjang menegur Pengerusi Perhubungan UMNO merangkap Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Najib Tun Razak dalam hal kewangan. Sebab dalam fokus dan unjuran yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan pertumbuhan negara pada tahun 2009 adalah sekitar satu peratus hingga negatif satu peratus sedangkan wakil-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat seramai 81 orang bertegas, bertegang leher dalam dewan rakyat mengatakan bahawa unjuran ini lemah, unjuran ini tidak tepat, keputusan yang dibuat dalam *stimulus package* juga tidak tepat. Namun setelah beberapa kali dan akhirnya dikeluarkan setelah IMF *International Monitoring Fund* menyebutkan adalah kesilapan dalam unjuran-unjuran yang dibuat oleh IMF mengakibatkan Kerajaan sendiri mengumumkan bahawa unjuran itu salah kerana pertumbuhan dalam negara telah berkurangan, bukan negatif satu di antara negatif 5 hingga negatif 6. Andaian itu juga andaian yang salah kenapa Sg. Panjang tidak mahu menyebutkan dan tidak menegur dalam perhimpunan Agong UMNO.

Tuan Speaker, Puan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman dan yang prihatin, saya kira Sg. Panjang cuba memutarbelitkan kenyataan dan sepanjang sidang ini termasuk dalam satu tragedi di mana beliau dihalau keluar daripada dewan bukan disebabkan kerana beliau menghantar saman kepada Y.B. Sekinchan. Apabila beliau menghantar saman tersebut, YB Sekinchan saya ingin *flash back* balik ataupun membawa pandangan balik kepada semua khususnya kepada media bahawa dalam senyum kambing di Utusan Melayu, yang mengatakan

bahawa Khir Toyo ataupun Sg. Panjang dihalau daripada dewan kerana menghantar surat saman, tidak, kenyataannya Sg. Panjang tolong dengar Sg. Panjang yang telinganya mungkin boleh panjang. Tolong dengar kenyataannya kamu telah menghina Speaker Dewan kerana mengatakan Speaker Dewan *bias*, itu kenyataan kerana dia tidak menarik balik. Beliau hanya diberikan amaran malahan seluruh ahli dewan telah diberikan amaran oleh YB Sg. Pinang ataupun Speaker Dewan jangan hantar saman ataupun apa-apa surat mahkamah kepada ahli-ahli dewan di perkarangan dewan. Pada hari tersebut kita boleh lihat dan saya masih terngiang macam mana ketika tersebut dia mengandai-andaikan menyelak buku peraturan tak jumpa, lepas tak jumpa tak nak tarik balik juga ini tak bertanggungjawab, juga dalam hal ini, dalam hal BALKIS, ataupun dalam hal peraturan ataupun Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibuat oleh Dewan Undangan Negeri ini untuk memastikan setiap butir perkataan setiap butir hujah yang dikeluarkan oleh ahli-ahli dewan terpelihara termasuk keputusan dan ucapan-ucapan mereka di luar dewan untuk memastikan kemuliaan dewan ini terus terpelihara dalam erti kata kita menyambut 50 tahun persidangan dewan ini sebagai badan perundangan Dewan Undangan Negeri dalam Dewan Perundangan Negeri.

Tuan Speaker,

Dalam ucapan penerangan yang telah diberikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar sewaktu hari pertama dewan ini beliau telah secara hampir tiga perempat atau hampir sebahagian daripada ucapan beliau menyentuh tentang demokrasi. Demokrasi bererti adanya ruangan untuk kita bersuara adanya ruangan untuk kebebasan berpersatuan dan sebagainya yang terletak dan termaktub dalam perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang telah membenarkan ataupun memberikan hak kepada rakyat terhadap beberapa perkara, kebebasan bersuara, kebebasan berpersatuan dan sebagainya. Dan dalam dewan ini dalam keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini kita telah memberikan ruang kepada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional untuk menyatakan hujah mereka di dalam dewan. Sekali lagi mereka memilih untuk tidak meluakannya di dalam dewan kerana mereka tidak pernah percaya dan tidak percaya dengan demokrasi. Tindak tanduk dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh UMNO dan Barisan Nasional walaupun telah dipukul teluk dalam gelombang 8 Mac yang lepas sehingga kalah 8 pilihan raya kecil selepas itu masih tidak menyedarkan mereka bahawa demokrasi ini sangat penting dan suara rakyat adalah suara keramat. Dalam sidang ini sebagai contoh bila kita berikan ruang kepada Sg. Panjang untuk berhujah dia berhujah lalu keluar dewan dan tidak mahu mendengar hujah tersebut. Kerana apa, kerana beliau takut, berani kerana benar, takut kerana salah, betul Sekinchan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman,

Saya ingin mengulang balik bagaimana keputusan dalam perkara 21 yang disebut oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini. Keputusan yang telah dibuat oleh sidang dewan terhadap pertuduhan-pertuduhan yang telah diberikan. Sekali lagi dalam, dalam ini, saya ingin sebutkan, tadi dia tak nak datang tapi ketika Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Selangor memanggil beliau, beliau bukan saja hadir berseorangan bersama dengan yang lain ataupun yang dipanggil untuk memberikan keterangan. Beliau hadir bersama dengan 7 peguam, tidak pernah dalam sejarah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membenarkan peguam untuk hadir dan bersama-sama mendengar prosiding ataupun mendengar penjelasan yang telah dibuat oleh Sg. Panjang dan rakan-rakannya. Kita benarkan malahan beliau telah mengeluarkan lima bantahan awal di mana empat daripadanya kita telah tolak kerana ia tidak menepati kepada syarat dan sebenarnya tidak begitu tepat daripada sudut pandangan kita sebagai Dewan Negeri bukan berkaitan dengan perundangan ataupun *Civil Law* yang dibawakan oleh peguam-peguamnya. Namun dalam pendengaran tersebut Sg. Panjang

sepatutnya menjelaskan, Hulu Bernam sepatutnya menjelaskan, Batang kali sepatutnya menjelaskan dan yang lain-lain juga menjelaskan namun mereka memilih untuk tidak memberikan kenyataan. Kenapa tak nak berikan kenyataan mereka memilih untuk tidak memberikan apa-apa kenyataan. Kenapa mereka tidak mahu memberikan kenyataan, takut, tak jelas, sedangkan wakil mereka Hulu Bernam, ataupun Kuala Kubu ada di di dalam Jawatankuasa Hak & kebebasan dan hadir dalam pendengaran tersebut. Dia tidak mahu memberikan apa-apa kenyataan, menjelaskan, Malahan kalau ada dalam rekod saya ada dalam rekod saya ada mempertahankan beberapa perkara yang dibuat oleh salah satu daripada mereka. Kerana dianggap naif, dengan izin ataupun tidak begitu nampak kejahilannya ketika membuat kenyataan tersebut. Walaupun kenyataan itu salah tapi bagi saya ia dikeluarkan kerana ia naif dan adalah salah satu daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh salah satu daripada 5 orang yang terbabit. Tapi dalam keputusan yang dibuat bila ditanya salah atau tidak salah hanya satu pertuduhan terhadap Sg. Panjang telah ditolak ataupun tidak dianggap bersalah oleh Tn. Wong Koon Moon dengan izin ataupun daripada Kuala Kubu Bharu. Yang lain beliau mengambil sikap berkecuali, berkecuali bererti antara salah dan tak salah boleh juga dianggap kedua-duanya salah ataupun boleh dianggap dia pun tak tahu yang mana satu betul ataupun salah kerana dia tak pandai dan tak boleh nak membuat andaian sebagaimana yang dibuat oleh Sg. Panjang.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang mulia,

Sebab itu saya kira keputusan yang dibuat kita mengikut prosedur dan mengikut aturan yang telah dibuat. Kita tidak melanggar dan kita telah memberikan ruang sebanyak mungkin, daripada SELCAT kita berikan ruang beliau tidak hadir, kemudian Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kita beri ruang, dia tidak datang dia tidak mahu berikan kenyataan malahan kepercayaan dia yang salah telah menyesatkan empat Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional yang merupakan *rubber stamp* kepada Sg. Panjang dalam membuat keputusan tersebut. Nak tuduh pula kita sebagai *rubber stamp* dia ingat kita ni macam Barisan Nasional.

Tuan Speaker,

Kita mengekalkan sikap *independent* ataupun kita mengekalkan sikap kita yang berhemah dalam membuat keputusan dalam dewan. Kalau kita imbas sepanjang sidang dewan hari ini termasuk laporan-laporan negatif yang dibuat oleh beberapa media-media yang menyebutkan bahawa inilah perpecahan dan sebagainya. Inilah semangat dewan yang sebenar saya nak sebutkan. Bagaimana Ahli Dewan menegur kerajaan baik daripada kerajaan mahupun pembangkang bagaimana perjalanan dan juga bagaimana keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah dewan ini kerana Ahli Dewan Negeri ini dahulunya khususnya daripada Barisan Nasional adalah ahli dewan undangan negeri *rubber stamp* sesuai sama macam ahli dewan macam orang yang tidak boleh membuat keputusan.

YB TUAN NIK AZMI BIN NIK AHMAD: (minta laluan) Saya nak cadangkan YB Batu Caves kalau kita boleh buat satu usul penghargaan kepada YB Kuala Kubu Bharu kerana beliau berani untuk tidak menjadi *rubber stamp* kerana berani bersikap berkecuali.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Itu kita akan bincangkan selepas ini dalam BBC, Insha-Allah BBC akan membuat keputusan dengan membincangkan secara terutama yang berhemah dengan Sekinchan dan kawan-kawannya yang lain, Sekinchan juga kita sebut.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang setia,

YB TUAN ANG SUEE LIM: Tuan Speaker, disebut Sekinchan ini, saya tertarik dengan perbincangan YB Batu Caves tadi, mengatakan dana 9.9 juta telah yang disumbangkan oleh anak-anak syarikat kepada BALKIS dan telah digubal dan diraikan entah ke mana dana tersebut dan saya nak tanya minta pandangan daripada YB Batu Caves, sebagai seorang pemimpin dan bekas Menteri Besar adakah ini satu kesalahan ataupun kita rasa sebagai seorang Islam berdosa atau tidak kerana wang rakyat yang sebesar 9.9 juta ini boleh dibawa entah ke mana, ini tanggungjawab, kita minta pandangan daripada rakyat, sama ada ini berdosa atau tidak.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker, Saya tidak berhasrat untuk menjadi Mufti, saya akan rujuk kepada Mufti dan Jabatan Agama Islam dan juga mereka-mereka yang arif dalam hal ini untuk meneliti persoalan ini tetapi asasnya jelas. Ini adalah amanah wang rakyat dalam hari pertama sidang dewan saya rasa masing-masing mendapat buku dari tentang Omar b Abdul Aziz karya Abdullah bin Abdul Hakam yang saya rasa mempunyai ciri-ciri dan unsur akauntabilitinya yang jelas malahan dalam prakata yang telah dibuat oleh Dato' Dr. Sidek Fadhil mengatakan Omar b Abdul Aziz ikon pemerintahan yang baik yang disebut sebagai *good governance*. Apa yang kita bincangkan semalam dan beberapa hari yang lalu termasuk hari ini adalah persoalan tentang bagaimana sistem pengaliran wang yang sepatunya berjalan dengan betul dan syor dan cadangan yang telah dibuat oleh SELCAT adalah syor-syor yang membina bagaimana keputusan-keputusan penting yang melibatkan wang yang berkepentingan dengan Kerajaan Negeri ini sepatutnya dibuat secara lebih bersistematik dan tidak melibatkan keputusan-keputusan mandatori oleh seorang ataupun dua orang dalam keputusan SELCAT sebagai contoh terdapat beberapa surat-surat yang mempunyai *weight* dengan izin atau mempunyai bebannya yang sendiri apabila beliau atau Sg. Panjang yang ketika itu sebagai Menteri Besar mengarahkan untuk membayar dan sebagainya. Keputusan itu dianggap tidak tepat daripada sudut dan daripada sudut pandang dan struktur bagaimana pengurusan dibuat kerana ia berkepentingan apatah lagi yang berkepentingan itu adalah orang yang selalu di sisinya termasuk di bilik tidur.

Ahli Dewan yang budiman, sebab itu bila kita katakan bahawa Dewan ini membuat keputusan yang zalim. Sebenarnya keputusan yang telah dibuat oleh Sungai Panjang dan juga beberapa yang lain, terutamanya Sungai Panjang daripada awal adalah menzalimi dirinya sendiri, kerana beliau telah diberi ruang yang cukup banyak oleh Dewan. Beliau telah diberikan ruang yang cukup banyak oleh Jawatankuasa, untuk membela dirinya, untuk menjelaskan dirinya, namun beliau tak pernah percaya dengan sistem ini kerana beliau lahir daripada sistem dan parti serta sebuah pertubuhan kerajaan, pertubuhan politik yang tidak pernah percaya dengan keadilan dan sentiasa menggunakan kezaliman terhadap orang lain termasuk keputusan-keputusan yang dibuat Kerajaan Persekutuan. Kita dengar YAB Dato' Menteri Besar ketika jawab tentang sukan, nak lantik tak ada kaitan dengan wang, nak lantik jadi pengerusi Majlis Sukan Negeri pun tak berani nak buat. Ini nak beri peruntukan wang tiba-tiba dialih kepada ICU, Pejabat Pembangunan Negeri Selangor. Ini satu keputusan yang nampak cantik daripada sudut undang-undangnya tapi moralnya adalah salah tidak bertepatan dan menyalahi konsep *federalisme* yang di anut, yang diguna pakai oleh Malaysia dan juga kita sebagai negeri Selangor, ada hak dan ruangan itu untuk menggunakan wang tersebut dan sejauh mana kita menguruskannya dan akan diaudit pada setiap tahun, sejauh mana perbelanjaan itu secara berhema ataupun tidak. Puan Speaker, saya mohon menyokong.

PUAN SPEAKER: Terima kasih, saya minta pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saya akan simpulkan dulu...

YB TUAN DR ABD. RANI BIN OSMAN: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam bahagia. Terima kasih Puan Speaker telah memberi sikit laluan pada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan usul ini. Saya ingin mengambil perhatian Ahli Dewan sekalian tentang ucapan titah ucapan DYMM Sultan di majlis santapan sempena sambutan 50 tahun Dewan Negeri Selangor, yang sepatutnya dihadiri oleh semua Ahli Dewan Undangan tetapi ketua pembangkang sendiri tak hadir, dan saya ambil 'adsorb' satu dua petikan. Yang pertamanya apa yang dititahkan DYMM Sultan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah dipilih oleh rakyat, yang menaruh penuh kepercayaan kepada Ahli Yang Berhormat dengan harapan supaya dapat menjalankan tugas-tugas mewakili mereka dengan penuh jujur, tulus, telus dan amanah, agar dapat mereka menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Dan baginda menitahkan itu janganlah kesempatan itu disalahgunakan oleh wakil rakyat untuk kepentingan peribadi hingga hilang pemikiran yang waras, dan timbul pula perasaan tamak haloba yang boleh menghancurkan kesejahteraan rakyat dan negeri Selangor ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya sendiri dan juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Allah SWT kita kena sedar bahawa segala kenikmatan hidup di dunia ini dan kekuasaan serta kedudukan yang kita peroleh ini mana mungkin dapat kita tercapai melainkan dengan izin Allah. Cuma Allah anugerahkan ini semua sebagai ujian dari Allah untuk melihat dan memantau sejauh manakah kita mengolah untuk mendapatkan kekayaan dan kedudukan itu secara yang diredai Allah, dan sejauh mana pula kita menyalurkannya secara yang dituntut oleh Allah. Adalah tidak betul kita kalau mendabik dada dan mengatakan bahawa setiap kedudukan dan kekayaan yang kita perolehi adalah hasil dari titik peluh kita sendiri. Tanpa ada keizinan dari Allah, lalu kita dengan sesuka hati melakukan apa sahaja tanpa mengira hak-hak masyarakat, asnaf atau golongan miskin terhadap harta itu sendiri. Lebih parah apabila kita menggunakan kekuatan kuasa yang ada untuk selain meraih habuan duniawi yang sementara malah lebih dari itu menindas bersifat kejam terhadap golongan bawahan tidak kira sama ada mereka orang Islam ataupun tidak. Janganlah kita lupa bahawa Allah jugalah yang telah memberi timbunan harta, kuasa yang luas untuk memerintah, pengikut yang ramai, kerajaan kepada Fir'aun, Hammam, Jalut dan Namrut. Allah berfirman, dengan izin, *(bahasa arab) 'katakanlah, wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki, dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki, Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki, dan Engkau hina orang yang Engkau kehendaki, di tangan Engkau segala kebajikan, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu'*

Sebagai orang Islam kita jangan sekali-sekali mengatakan bahawa apabila Allah memberikan kita kesenangan, Allah memberikan kita nikmat maka bermakna Allah muliakan kita, juga jangan sekali-sekali kita menganggap orang yang hidupnya sempit, tidak berpengaruh dan tidak berpangkat maka mereka adalah golongan yang dihina Tuhan. Realitinya setiap kesenangan kesusahan sebagaimana kekayaan dan kemiskinan adalah ujian dari Allah untuk hamba-hambanya di dunia yang sementara ini, dan akan dibalas dengan adil di akhirat kelak. Allah menampelak tanggapan-tanggapan silap manusia ini di dalam Surah Al-Fajr, Ayat 15 – 17, *(bahasa arab) '...adapun manusia apabila Tuhannya mengujinya lalu dimuliakan dan diberi kesenangan, maka dia lantas berkata Tuhanku telah memuliakanku, apabila Tuhannya mengujinya lalu membatasi rezekinya, lalu dia berkata Tuhanku telah menghinakan aku..'* Ini tidak betul, sebab itu saya menyeru kepada Sungai Panjang sebab di dalam bila kita menyebut mahligai itu, dia sebut, di hujung disebut, saya sebagai Menteri Besar, saya mesti punya rumah yang besar, takkan saya nak duduk di pondok. Dalam *hansard* ada tu, takkan saya nak duduk di pondok. Hina sangat ke pondok ini. Hina sangat ke pondok ini. Pondok-pondok inilah dalam tanah air kita yang mengeluarkan ulama-ulama, yang mengeluarkan ramai pencipta-pencipta, pejuang-pejuang yang telah mengorbankan jiwa mereka untuk tanah air mereka. Kita bila orang

mati kita sebut ‘ *Innalillahi wainna illahirojiun* ‘ ... daripada Allah kita datang, daripada Allah kita balik, kita datang asal dari tanah, tuan-tuan, sebab itu komposisi tanah sama ada magnesiumnya, kalsiumnya dari segi perubatan memang itu yang kita perlukan, memang komposisi kita daripada tanah. Jangan sampai kita lupa, kita nak menyalahkan orang lain sahaja. Sungai Panjang selalu menyebut, bahawa Pakatan Rakyat ini telah membohongi rakyat telah menipu rakyat dengan andaian-andaian. Saya nak tanya la, tapi tak sedap la, dia tak duduk dalam ni. Nak tanya, takkan semua, dia ingatkan, adakah Sungai Panjang ingat bahawa rakyat ini masih rakyat yang lama yang tidak mengikuti ICT dan sebagainya. Rakyat telah berubah. Saya nak bagi tau Sungai Panjang, UMNO dan Barisan Nasional sebenarnya bukan sahaja telah ditolak oleh rakyat dalam 8 pilihan raya kecil yang telah berlangsung. Tetapi baru-baru ni kita telah dikejutkan oleh satu *blogspot*, yang di olah oleh Presiden MCA sendiri, Datuk Seri Ong Kee Teat, di mana beliau tanya orang-orang MCA dalam *blog* dia tu, adakah patut mereka, MCA ini keluar daripada Barisan Nasional. Kita dapati daripada 3,084 orang yang beri *respons*, 2,409 atau 78.1% mahukan MCA sendiri keluar, tinggalkan Barisan Nasional. Mereka tak sedar ke ini.

Dan baru-baru ini, saya bagi, saya akhirilah, saya baru-baru ini pergi ke Brunei, mewakili PEMADAM. Satu *world congress*, konvensyen tentang antidadah, dihadiri oleh 20 negara, termasuk Amerika dan sebagainya. Apa yang nak saya bagi tau, ialah selama empat hari tiga malam kami di sana, setiap kertas kerja di bentang oleh pemikir-pemikir tentang macam mana nak mengatasi dadah ini, dan memang, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini dadah ini satu-satunya benda yang mereka ada anjakan paradigma. Dulu dadah ini di tanam di tanah-tanah, sekarang tidak dia orang pakai ICT. *Dan the latest information* yang kita dapat, kita telah berjaya mendapatkan keuntungan lebih daripada 100 bilion, dengan izin, 100 lebih bilion *dollar*. Maknanya gagal, dan nak cerita bahawa konon nak bebas dadah 2015 untuk asian, kita belum nampak lagi satu cahaya di hujung *..tanoos..* sana. Tapi apa yang saya nak bagi tau ialah resolusi, antara resolusi yang dikeluarkan, dua resolusi yang besar dikeluarkan ialah yang pertamanya ‘ **(bahasa arab)** *prevention is better than cure*. Tak boleh, lepas tu nak lawan tak boleh, sebab semua penguasaan, tak boleh. Yang kedua, saya nak bagi tau ialah walaupun resolusi dikeluarkan oleh orang yang bukan Islam, Filipina dan sebagainya tapi mereka mengatakan bahawa hendak tak hendak kena balik pada agama, hendak tak hendak kena balik pada agama. Ini yang Tok Guru Nik Aziz sebut lama dah, kalau orang Islam berpegang pada agama dia, orang India berpegang pada agama dia, orang Kristian berpegang pada agama dia, orang Cina pegang agama, Insya-Allah kita tidak akan punya masalah yang banyak, Orang-orang India yang banyak mabuk merompak bukan orang India yang pegang pada agamanya, orang Cina yang *gangster* dan sebagainya tidak berpegang pada agamanya dan orang Melayu yang membohong dalam Dewan, yang banyak ambil rasuah tidak berpegang pada agamanya. Sama ada kita sedar atau tidak sekarang ni, kalau kita pergi mana-mana *book fair* atau kedai-kedai buku yang besar, di California dan sebagainya antara *best seller* yang kita difahamkan, banyak orang beli buku ialah antaranya orang yang, buku-buku yang ditulis orang bukan Islam. David Baron contohnya, menulis buku ‘*Mostses On Management*’, nak cari apa yang Nabi Musa sebut dalam kitab-kitab Nabi Musa. Juga ada buku yang ditulis ‘ *Front Mecca* ‘, ‘*What would Budha do at work*’, Charles Simmon menyebut ‘*The wisted Of Salamon At Work*’ dan Larry Jullian yang menyebut ‘*God is my CEO*’. Makna kita kena balik-balik, semua benda kita kena balik ke ugama , ugama kita Insya-Allah kita akan membuahkan melahirkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih berwibawa. Saya tak terkejut bila dia orang semua keluar, tuan-tuan. Sebab dalam Quran Allah ada sebut dah, **(bahasa Arab)** ... apabila hak datang, batil pasti akan lari , sebab memang sifat batil itu dia akan lari. Sekian, saya menyokong usul ini.

PUAN SPEAKER: Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Puan Speaker, terima kasih puan Speaker, Sungai Panjang telah diberi peluang untuk menjawab mengenai ketidakhadiran beliau ke pendengaran awam SELCAT tetapi beliau telah memilih untuk berdiam diri. Syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam penyata laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bukannya datang daripada langit, tetapi telah diteliti selepas mengambil kira '*eskime parliamentary pratise*'. Ramai rakyat telah mengikuti pendengaran awam mengenai sumbangan kerajaan-kerajaan negeri kepada BALKIS. Pendengaran awam ini telah mendapat perhatian yang ramai, lebih satu juta telah mengikutinya, kenapa. Kerana rakyat tahu MACC tidak akan mengambil tindakan dan MACC tidak akan memberitahu kisah benar kepada mereka jadi mereka tahu SELCAT lah satu-satunya pihak yang boleh dipercayai untuk membuat pendengaran awam yang boleh membongkar kisah benar pada rakyat. Itu sebab tindakan keras tidak diambil terhadap ketidakhadiran. Ini akan menjejaskan pendengaran awam yang akan datang, yang akan dikendalikan oleh SELCAT. Sebenarnya jika kita hanya menggantungkan mereka daripada sidang Dewan ini memang tidak ada kesan ke atas mereka. Tengoklah kehadiran mereka selalu semasa sidang dewan memang tidak baik.

Tadi Sungai Panjang asyik *natural justice*, kita tak payah pergi jauh untuk mencari definisi *natural justice*, kita bincang perkataan *justice*. *Justice* bermaksud keadilan, keadilan yang rakyat nak lihat dalam kes ini ialah melihat orang yang memboroskan wang rakyat untuk kegunaan diri dan keluarga dibawa ke muka pengadilan. Itulah *justice*. Orang yang bersalah diberi peluang membela diri tetapi berdiam diri haruslah diambil tindakan keras. Oleh itu saya cadangkan dewan menyokong usul menerima penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri. Terima kasih Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Puan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan apa yang kita saksikan pada pagi ini dengan keluarnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang membuktikan kegagalan sistem Barisan Nasional. Ini membuktikan bahawa bukan hanya mereka tidak bersedia mempertahankan hak rakyat tapi telah curang dan cuai pada pengharapan rakyat. 18 orang daripada mereka adalah wakil-wakil rakyat yang mewakili 80% pengundi daripada masyarakat Islam di kawasan masing-masing. Bukan hanya mereka gagal untuk mempertahankan hak manusia, hak rakyat tetapi mereka gagal memenuhi aspirasi masyarakat Islam yang berharap bahawa mereka mengambil kira kedudukan Islam, pandangan Islam, hukum Islam dalam isu ini.

Inilah kesan daripada kegagalan yang telah mereka paksakan kepada rakyat dengan menghalang kuliah-kuliah agama, masjid-masjid daripada mengajar kuliah-kuliah yang lebih luas hanya mengajar taharah dan kesucian. Mereka tidak pernah memberi ruang untuk membincangkan tentang '*fiqudaullah*', tentang hukum-hukum ketatanegaraan, mereka tidak pernah membenarkan membincangkan tentang siasah, syariah, tentang politik Islam hingga mereka sendiri terperangkap seolah-olah mereka apabila berada di dalam dewan, mereka gagal mengaitkan di antara agama mereka antara Islam dan hukum-hukum Islam dengan apa yang sepatutnya apa yang mereka wakili rakyat. Dalam Islam jelas, menjadi saksi, dalam pembelaan terhadap hak rakyat adalah fardu kifayah. Fardhu kifayah, satu hak yang ditentukan oleh Islam dengan ayat yang berbunyi, '(bahasa arab).. janganlah para saksi enggan memberi keterangan apabila dipanggil.

Perkataan '*izamaaduu*' dengan izin, membawa pengertian yang umum. Apabila dipanggil yang berkaitan ' (**bahasa arab**) orang Islam itu terutamanya wakil rakyat adalah *shuhada a'lannas* menjadi saksi-saksi, wakil-wakil kepada seluruh manusia. Kerana Islam ini adalah agama yang

mengajak keadilan. Semua orang sama ada dipanggil untuk BALKIS ke, dipanggil untuk PNSB ke, dipanggil untuk apa, asalkan dia bersyaratkan untuk menjadi saksi, menyampaikan keadilan mempertahankan hak rakyat, mempertahankan kebenaran maka (**bahasa arab**) menjadi kefardhuan kepadanya. Tidak perlu alasan. Jadi ini antara sebab yang paling utama kerana pemisahan, tidak ada kerangka pemikiran agama, hukum agama di kalangan wakil rakyat UMNO, Barisan Nasional yang menjadikan gejala pada hari ini.

PUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan 1.01 minit, saya minta Yang Berhormat sambung selepas ini.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1.01 minit tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan. Tepuk.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN SPEAKER: Kita teruskan waktu perbahasan. Silakan Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Puan Speaker, tadi saya ada menyentuh bahawa Pihak Pembangkang yang diketuai oleh Sungai Panjang gagal tanggungjawab sebagai wakil rakyat dalam mempertahankan hak rakyat. Tanggungjawab dan pengharapan rakyat mengundi di kawasan masing-masing yang majoritinya umat Islam terhadap tanggungjawab mereka yang sepatutnya mendukung prinsip Islam. Persoalannya dipanggil sebagai saksi dalam SELCAT dan bela diri dalam jawatankuasa khas hak dan kebebasan dewan adalah sebagai saksi dalam konteks SELCAT tidak seorang pun dipanggil sebagai tertuduh atau pendakwa semua dipanggil sebagai saksi. Jadi dalam konteks itu, Islam menegaskan bahawa menjadi saksi adalah dianggap sebagai satu fardu kifayah menurut ayat yang telah saya bacakan tadi (**bahasa Arab**) dan lafaz “*iza maa du’uu*” itu sesuatu lafaz yang umum yang menyeru bahawa jika kamu di panggil sebagai saksi, terutama melibatkan berkepentingan awam” sebagai Wakil Rakyat sudah pastinya di dewan yang mulia ini peranan kita adalah sebagai orang yang mempertahankan kepentingan awam. Apatah lagi orang yang telah menerajui Kerajaan Negeri selama lapan tahun maka tanggungjawab pembelaan hak rakyat dan kepentingan awam itu adalah lebih penting. Lebih khusus lagi, dalam konteks ayat ini sebagaimana yang dinyatakan apabila seseorang itu dipanggil untuk menjadi saksi dia tidak boleh menolak, terutamanya dia merupakan sebagai saksi utama. Fatwa ini telah dikeluarkan dalam konteks Mahathir Mohamad yang enggan menghadiri apabila di sepina dalam kes Anwar Ibrahim. Tokoh ulama besar Yusof Al-Qardhawi telah menegaskan, ayat ini menegaskan bahawa keengganan seseorang itu menjadi saksi boleh membawa dia melakukan dosa besar. Dosa besar, *kaba’ir* dengan izin. Dalam konteks lebih umum lagi, sekiranya menjadi saksi dalam pembelaan terhadap hak rakyat adalah fardu kifayah dan menjadi saksi utama merupakan fardu ain ini berdasarkan dalam ayat Al-Quran (**bahasa Arab**) *dan jangan kamu saksi menyembunyikan kesaksian. Dan barang siapa yang menyembunyikan kesaksian maka sesungguhnya dia seorang yang dosa hatinya’* jadi ini satu amaran besar daripada Allah SWT kepada semua wakil rakyat khususnya yang beragama Islam. Bahawa menjadi saksi adalah satu perkara yang sangat dituntut oleh agama dan apa yang saya tegaskan tadi kegagalan pentadbiran Barisan Nasional untuk mendidik rakyat, mendidik wakil-wakilnya untuk mendukung prinsip-prinsip Islam telah terdedah pada hari ini apabila paradigma kerangka fikir dan rangka kerja berdasarkan agama hukum-hukum Islam tidak menjadi perkiraan. Perkiraan hanya di atas dasar politik, sedangkan dalam Islam kita sebagai umat Islam perlu melihat dengan syumul yang telah lengkap yang melibatkan apa yang telah kita lakukan akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT. Maka itulah sebabnya apabila keengganan seseorang itu apabila menjadi saksi dan melanggar tuntutan fardu ain maka sudah pasti dia bercanggah di antara satu sama lain. Itulah sebabnya dalam Al- Quran menegaskan dalam Surah An Nisa ayat 135 (**bahasa Arab**) maknanya: “ *sekiranya kamu memutar belitkan ungkapkan kata-kata dan kamu enggan menjadi saksi*” maka satu penyakit akan hinggap pada dirinya iaitu dia akan cuba membela diri, memutar belitkan, berbohong dan membawa keterangan-keterangan yang tidak sewajarnya berlaku di dalam dewan ini. Dan kita telah menyaksikan Sungai Panjang memutar belitkan fakta walaupun ia telah diberi peluang seluas-luasnya oleh SELCAT dengan surat notis dengan pemberitahuan kepada peguam dengan media sekalipun dan ia ingkar dan enggan datang dalam pendengaran di dalam dewan terbuka ini pun beliau Sungai Panjang enggan melaksanakan tugas tersebut dan kesannya, dia melakukan satu dosa lagi iaitu memutar belitkan dan berbohong dalam dewan yang mulia ini.

Puan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa walaupun usul ini usul dewan tapi dia mempunyai ciri penting dalam konteks kita yang beragama Islam dalam hukum hakam Islam. Jadi saya menyeru Sungai Panjang hendaklah sedar bahawa dia bukan sahaja hanya melakukan penghinaan kepada Dewan dan jawatankuasa dewan malah bukan satu dosa terhadap Allah SWT dengan enggan menjadi saksi yang merupakan bukan fardu ain di atas dirinya dan sesudah itu melakukan dosa besar, satu dosa lagi di sisi Allah dalam hukum Islam iaitu memutar belitkan fakta dan berbohong. Dengan itu saya menyeru agar beliau bertaubat kepada Allah SWT dan memperbaiki dirinya. Dengan ini saya menyokong agar usul ini diluluskan. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Ya Kajang, silakan.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Puan Speaker. Kajang rasa amat kecewa dan kesal terhadap tindak tanduk Sungai Panjang di dalam dewan yang mulia ini. Dan juga bersama dengan Ahli-ahli Pembangkang yang telah keluar daripada dewan ini yang menafikan hak-hak sendiri. Untuk membela dan berbahas demi menjaga dan memperkasakan keutuhan dewan yang mulia ini. Kita nampak tuduhan Sungai Panjang sebentar tadi telah menuduh Tuan Speaker dengan cara yang tidak adil beliau telah menghina dewan yang mulia ini dengan memutar belit dan juga membuat tuduhan yang tidak berasas dengan menyatakan Tuan Speaker berniat membalas dendam. Ini adalah tuduhan yang tidak berasas dan berniat jahat. Kita nampak dari alasan-alasan yang diberikan itu memang mereka takut akan pergantungan yang dikenakan. Cadangan yang di bawa dalam Jawatankuasa iaitu alasan-alasan yang diberi itu memang tidak berasas dan juga sebenarnya dia harus hadir dalam pendengaran SELCAT, di mana dia sendiri telah melepaskan hak beliau untuk membela diri.

Puan Speaker kita telah berusaha dalam setahun ini, kita telah berusaha sama-sama untuk memperkasakan dewan kita dan memartabatkan dewan mulia ini melalui beberapa tindakan yang telah dibuat misalnya siaran langsung dan juga pengurusan melalui sistem digital dan sistem demonstrasi dalam proses dalam dewan. Kita nampak juga ada penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan seperti yang termaktub dalam peraturan tetap iaitu bilangan 68, 69, 70, 71 itu Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap, Jawatankuasa Hak Kebebasan dan Jawatankuasa Pilihan Khas, SELCAT, JPK Padat, JPK PBT, JPK ABAS yang seterusnya akan ditubuhkan dalam sesi ini kemudian nanti. Usaha ini untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa satu proses di mana kita dapat memperkasa dewan dalam proses pemantauan khasnya eksekutif-eksekutif. Selain kita juga memperkasakan dan ahli-ahlinya dewan dan ahli-ahlinya yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka untuk berdebat dan membahaskan dalam dewan ini. Di negara-negara Komanwel telah kita nampak banyak kemajuan dalam penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk memantau pihak eksekutif dan amat berjaya di negara Komanwel dalam proses pemantauan dan memperkasakan dewan. Dalam proses ini walaupun kita baru sahaja memulakan dalam setahun ini. Kita nampak pada masa yang lampau sudah berpuluh tahun bawah pentadbiran yang lama pihak Dewan memang jarang-jarang menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa khas, pilihan khas ini dan walaupun ada tapi tidak begitu bekerja. Hanya dalam setahun lebih ini kita nampak jawatankuasa-jawatankuasa ditubuhkan dan diperkasakan dan dalam proses ini kita nampak, kita telah pun dapat diperkenankan oleh Tuanku Sultan Selangor dalam memperkasakan Dewan kita ini dan Tuanku telah mengucapkan tahniah dan memperkenankan usaha-usaha dan Dewan ini khasnya di bawah pimpinan Tuan Speaker kita. Dan kita nampak dalam proses ini Tuanku juga bertitah sempena Majlis Santapan lepas untuk mengurangkan isu-isu politik atau pun kurangkan berpolitik dalam Dewan ini supaya Dewan ini mewakili rakyat seluruh Selangor untuk menyatakan hasratnya. Tetapi kita nampak gerak-geri apa yang dilakukan termasuk ucapan-ucapan yang dibuatkan sebentar

pagi tadi oleh Sungai Panjang isinya berunsur politik dan gerak-geri juga berunsur politik. Dan ini satu tindakan yang mencemarkan Dewan ini dan selaku seorang Ahli Dewan saya memang rasa agak kecewa dan malu dengan apa yang dia lakukan. Sebenarnya kita sayang kepada Sungai Panjang, kita sayangkan beliau kerana dalam Barisan Pembangkang ini beliau yang banyak bersuara dan bagai kadang-kadang bagi teguran memang ada memang dapat menegur kerajaan kita dan kita dapat manfaatnya. Kita sayang dan kita tidak mahu beliau digantung begitu lama seperti yang dicadangkan, walaupun kita nampak apa yang dia lakukan memutar belit di luar Dewan membuat siaran akhbar dan menuduh terhadap Tuan Speaker dan Dewan. Dan tindakan tanduknya sebenarnya kita harus kenakan hukuman yang lebih berat terhadap beliau tetapi kita pertimbangkan. Sebenarnya kalau kita hukumkan katakan dua puluh bulan atau lapan belas bulan saya agak itu pun agak wajar. Tapi kekurangan Sungai Panjang di dalam Dewan ini seperti sekarang ini memang agak sunyi sedikit, oleh itu kita sayangkan beliau dan kita berharap hukuman seperti satu tahun ini memang agak mencukupi dan saya rasa itu merupakan satu hukuman peringatan terhadap beliau dan mereka yang terlibat kerana ini hanya satu permulaan dalam proses memperkasakan Dewan kita. Dan permulaan ini kadang-kadang ada yang masih jahil, kejahilan mereka menyebabkan mereka cuba nak mencabar Dewan dan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan ini. Mereka sengaja mencabar kerana kejahilan mereka maka untuk memelihara keutuhan jawatankuasa khas dan juga Dewan kita, kita pertimbangkan sama ada hukuman yang akan dicadangkan ini dikurangkan ataupun ditambahkan supaya kehadiran Sungai Panjang dan juga rakan-rakannya dapat memeriahkan lagi Dewan ini dengan adanya perbincangan-perbincangan memang kita rindu kadang-kadang suaranya kadang-kadang tidak merdu sangat tapi isinya kadang-kadang kerana dia mencabar kita ada peluang berbahas dan melalui perbincangan ini, inilah proses pendemokrasian yang kita nak lihat di dalam Dewan ini. Dengan ini Kajang menyokong usul yang dibawa ini dan memang berharap Ahli-ahli Dewan mempertimbangkan hukuman yang dicadangkan ini demi kemeriahan Dewan dan juga untuk menunjukkan Dewan ini memang kita berdasarkan prinsip demokrasi, Sekian terima kasih.

PUAN SPEAKER: Terima kasih. Kita, saya menganggap tiada lagi untuk bangun untuk membahar ya. Baik Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, kerana memberikan sedikit ruang ini walaupun tadi saya ingat macam dah nak tutup. Sedikit tambahan kepada cadangan yang telah dikemukakan ataupun usul yang dikemukakan sejak semalam. Memang sejak hari pertama lagi kita lihat Sungai Panjang telah menunjukkan aksi-aksi yang memang di peringkat awal itu nampak saya cukup yakin ramai juga nampak seperti satu contoh pembangkang yang baik walaupun penuh dengan andaian-andaian yang dikemukakan tetapi saya nampak itu tidak lebih hanyalah sekadar untuk menarik simpati-simpati dan mengembalikan semula rasa hormat orang kepada dia. Tetapi apabila beliau mula memutar belitkan kenyataan-kenyataan dan fakta-fakta dengan memberikan terutama sekali dengan memberikan peraturan merujuk kepada peraturan-peraturan tetap dan undang-undang tubuh yang salah. Saya berasakan ini tidak lebih hanya sekadar untuk menegakkan benang yang basah. Pertama sekali saya juga ingin menyatakan bahawa sememangnya perangai orang-orang yang boleh dikategorikan sebagai sombong, bongkak, angkuh dan ego saling tidak tumpah seperti perangai Sungai Panjang ini. Bila diberikan peluang untuk bercakap beliau menyalahgunakan peluang tersebut, bila diberikan ruang untuk membela diri beliau memilih tidak mahu hadir dalam sesi pendengaran yang dilakukan dan bila diberikan sedikit ruang untuk bercakap beliau bercakap seolah-olah sama orang memukul curi, lepas pukul cabut, tinggal. Ini contoh seorang pemimpin pembangkang atau pun seorang Ahli Dewan yang sepatutnya kita sama-sama mengutarakan sebarang permasalahan, perbincangan dan kalau kita tidak setuju dengan sesuatu, kita mestilah memberikan fakta-fakta supaya kita semua dapat

mempertimbangkan secara terperinci. Apa yang disebutkan oleh Sungai Panjang bagaimana Yang Berhormat Tuan Speaker sebutkan dulu telah membuang Buku Undang-undang ataupun Peraturan Tetap ini dalam bakul sampah sebenarnya isu itu langsung tiada kaitan, apa yang cuba dilakukan oleh Yang Berhormat Speaker dahulu ialah beliau telah cuba untuk membawakan satu usul mengikut peraturan 26 iaitu notis empat belas hari awal tetapi apa yang dilakukan oleh Tuan Speaker zaman kerajaan lama perkara ini telah ditolak semasa di dalam kamar lagi maknanya tidak diberikan ruang untuk dibahaskan di dalam Sidang Dewan. Keputusan Tuan Speaker yang lama ini sebenarnya tidak mematuhi peraturan tetap itu sendiri dan ini secara tidak langsung telah mendorong perkara-perkara yang sepatutnya diikuti oleh semua Ahli Dewan telah tidak diikuti. Saya ingin memetik kata-kata seorang Tokoh UMNO juga ini Tengku Razali Hamzah beliau ada menyatakan bahawa Perlembagaan itu hanya dihormati apabila ianya dihormati oleh semua orang tetapi ia akan menjadi kertas kosong kalau semua orang tidak mahu menghormati Perlembagaan itu. Jadi dalam erti kata lain memang wajar sekalilah kita semua kalau diberikan ruang untuk bercakap kita tidak mahu bercakap, diberikan ruang untuk membela diri tetapi kita memilih untuk cabut lari, saya rasa orang ini memang tidak menghormati langsung fungsi Dewan dan juga menghormati langsung mandat yang telah diberikan oleh rakyat di kawasannya sendiri. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin menambah sedikit lagi tentang perilaku Ahli Sungai Panjang ini, beliau bukan sahaja bertindak untuk keluar daripada Dewan tetapi menghasut Ahli-ahli Dewan daripada Pembangkang yang lain untuk turut serta keluar. Saya tidak nampak ini satu kewajaran kerana Ahli-ahli Pembangkang ini nampaknya seperti telah diperbodohkan kalau tidak diperbodohkan, telah dicucuk hidungnya untuk mengikut tingkah laku seperti Sungai Panjang ini. Saya rasa saya mohon diberikan pertimbangan untuk kita melakukan, meletakkan ataupun memberikan satu hukuman yang keras supaya ia menjadi satu pengajaran kepada semua pihak agar menghormati fungsi dan juga tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan. Saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Baik saya menjemput pihak kerajaan untuk menggulung. Silakan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker, Saya sebenarnya tidak perlu lagi bercakap kerana memandangkan keadaan yang berlaku yang menunjukkan begitu kecilnya seorang yang dianggap selaku Menteri Besar Negeri Selangor yang membuat kelakuan yang tidak setaraf dengan pangkat yang diberikan. Saya takut ini merupakan satu petunjuk yang baik tentang idealisme yang kita telah agungkan bahawa demokrasi dan perundangan Negeri ini merupakan satu asas yang paling penting dalam kemajuan dan kehidupan Negara kita dan generasi kita akan datang. Walau bagaimanapun sebagai orang yang ingin mengkaji tentang kewajaran pemikiran seseorang itu saya dapati cara berbahas dan cara untuk menunjukkan satu fakta antara satu fakta itu mesti dibuat kalau minda itu bersih dan betul. Dia akan mengakui yang mana betul yang mana tidak betul. Sebagai contoh saya sangat hairan kalau orang yang menyatakan perkara tentang karangan Dewan kita boleh pakai Set artikel 57, lepas itu artikel 57 itu tidak ada kena mengena dengan perkara Dewan. Masuk pula artikel 77, dan tidak juga kena mengena dengan karangan Dewan, ini satu kelemahan minda bukan kelemahan dan sebagai seorang pelajar dia punya *high positive testing* itu dia tidak boleh sampai lulus tiada. Jadi kalau dia nak buat berangan untuk buat PHD saya ingat dia tidak akan sampai ke peringkat tersebut kerana kita dapati cara menghujah dan mengubah fakta. Saya tidak tahu nak mengambil seorang saintis boleh menjalankan tugas ini. Kedua saya dapati juga oleh kerana keadaan ini berlaku barulah saya tahu kita terpaksa mengurangkan kekeliruan dan saya berharap saya akan berbincang dengan Speaker dan rakan-rakan yang lain supaya kita adakan peta yang akan dipanggil perkarangan supaya tidak lagi membohongi fakta 57 dan 77 yang sebenarnya banyak tempat di dunia ini umpamanya masa saya buat kajian di Oxford Universiti. Oxford Universiti juga tiap-tiap dalam Universiti itu terdiri daripada school dipanggil

kolej, kolej itulah dicampurkan semua menjadi Universiti dan ini ditiru daripada konsep madrasah yang sebelumnya dibuat dan oleh kerana terdapat perbezaan pandangan dan pendapat kolej itu mempunyai tembok-tembok dan tembok-tembok itu apabila seseorang itu atau pun paderi pada masa tersebut terdapat paderi yang mempunyai haluan yang Protestan ke paderi yang mempunyai haluan yang katolik terdapat perbalahan dan ada kalanya dia nak ditangkap kerana pemikiran. Dia terus lari ke tembok tersebut dan masuk dalam maktab tersebut apabila dia masuk dalam maktab tersebut dan dia diberikan kebebasan daripada penggunaan tangkap. Jadi itu pun konsepnya bukan konsep *chamber*, *chamber* itu lain itu sebabnya. Jadi oleh sebab itu saya berharap kita dapat gunakan kesempatan ini boleh jadi dalam perjumpaan Dewan kita yang hadapan untuk mendefinisikan di manakah perkarangan Dewan supaya tidak lagi membuat interfitikasi yang agak lucu tentang menggunakan 57 dan 77. Jadi saya harap kita dapat selesaikan masalah yang kecil ini tetapi dapat dilihat satu pembetulan supaya generasi kita yang akan datang apabila nak membaca *handsard* agak tidak lagi menyatakan begitu lemah pemikiran kita, jadi itu dan saya setuju memula ada kalanya saya berpendapat bahawa untuk supaya menyokong demokrasi ini supaya kita janganlah kita tidak memberi peluang semua ahli dewan dapat mengemukakan pandangan dan pendapatnya tapi saya setuju sekarang apabila saya melihat kelakuan sebegini maknanya tak payah lah berada di dalam dewan ini kalau dalam keadaan tersebut jadi dewan tidak rugi dengan orang yang membuat kelakuan yang tidak menghormati hak dan kebebasan dewan jadi saya ada kalanya terfikir bahawa cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ini agak berat kerana dia menghalang seseorang dapat menjalankan tugas tapi saya rasa daripada kelakuan yang dibuat ini tidak, tidak menghalang, kedua saya ingin nyatakan masih lagi masalah BALKIS ini tidak selesai, Kerajaan Negeri telah dan telah menyokong BALKIS sebelum dan telah membenarkan penggunaan dan pemberian dana daripada Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan itu sebab kita mengetahui semuanya, semuanya dah diketahui tetapi kita dapati BALKIS telah dibubarkan dengan alasan bukan tujuan apa-apa untuk membawa dana itu untuk digunakan oleh kumpulan yang lain, jadi oleh sebab itu Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Selangor berhak untuk mencuba dan mencari jalan untuk duit itu dikembalikan di bawah jagaan Kerajaan Negeri Selangor ataupun Kerajaan Negeri Selangor ataupun dia dapat diagihkan mengikut tatatertib yang telah kita lakukan. Ini penting jadi saya rasa ini perkara-perkara walaupun tidak ada kena mengena dengan Jawatankuasa Hak Kebebasan Dewan ini tapi dia ada ahli lain sehinggakan menjadi Menteri Besar menjadi Pengerusi PNSB yang membagi duit kepada BALKIS tidak ada kena mengena dengan BALKIS itu satu logik yang tidak boleh dipakai sehinggakan logik itu juga menguatkan pendapat saya, kalau itu yang berlaku dan dibincangkan di dewan ini tak perlu orang yang ada di situ kerana dia membuang masa kita. Jadi itu sebabnya tapi saya juga nak membuat satu kenyataan persendirian. Ada tohmahan daripada Sungai Panjang yang mengatakan ada kes *bankruptcy* ini satu tohmahan dan ini saya nak buat rekod supaya Sungai Panjang akan membuat kenyataan di luar dewan, luar perkarangan dewan supaya dia buat tersebut kerana untuk tujuan antara Sungai Panjang dengan saya, jadi saya minta kalau Sungai Panjang seorang apa tu apa yang dikatakan dia Belia Pemuda yang berani sungguh berjuang saya ingat malulah Sungai Panjang kalau tidak dilakukan jadi daripada Kampung Jeram ke Kampung Sungai Panjang, orang Jeram mengikut sejarah Melayu baik-baik belaka. Jadi oleh sebab itu, kita nak minta Sungai Panjang membuat kenyataan itu supaya kita dapat selesaikan sebab perkara sangat penting bagi saya dan keluarga saya dan sangat penting juga bagi Sungai Panjang walaupun dari segi minda saya agak kluatir tapi lebih baik kita saya gunakan kesempatan ini saya juga berharap kita akan teruskan usaha-usaha untuk mengembalikan kehormatan yang tinggi pada dewan dan kita membuat perbincangan-perbincangan yang bermakna supaya kita sentiasa akan mencari jalan dan membuat semua pertemuan-pertemuan yang akan menolong kita membuat kerja-kerja yang kita berjanji untuk bekerja untuk rakyat jadi Tuan Speaker, akhir sekali saya

tiada keberatan untuk menyokong, menyokong dewan cadangan dewan ini yang seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat dari Kampung Tunku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah yang dihadapi di hadapan dewan ini suatu usul yang berbunyi:

Bahawasanya mengikut perenggan lima dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil.19/2009 diterima pakai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui “

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul No.7 Tahun 2009 perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JPK-PADAT.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya mohon membawa usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan -peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini dan keanggotaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) adalah seperti berikut:-

Pengerusi

YB. Tuan Ng Suee Lim – Adun Kawasan Sekinchan

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:-

YB Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman – Adun Kawasan Meru

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie – Adun Kawasan Sri Muda

YB Puan Gan Pei Nei – Adun Kawasan Rawang

YB Tuan Dr. Nasir bin Hashim – Adun Kawasan Kota Damansara

YB Tuan Yap Ee Wah – Adun Kawasan Sungai Pelek

YB Dato' Subahan bin Kamal – Adun Kawasan Taman Templer

Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah dalam Negeri Selangor.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, saya sokong

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah singkatan (JPK-PADAT) yang telah

ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada dewan ini. Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah singkatan (JPK-PADAT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah dalam Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul No.8 Tahun 2009 Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT).

YB PUAN ELIZABETH WONG KIAT PING: Tuan Speaker saya mohon untuk membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 74(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini dan keanggotaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PBT) adalah seperti berikut:-

Pengerusi

YB Puan Haniza binti Mohamed Talha – Adun Kawasan Taman Medan

Ahli Jawatankuasa:

1. YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar - Adun Kawasan Bangi
2. YB Puan Lee Ying Ha - Adun Kawasan Teratai
3. YB Tuan Amirudin bin Shari – Adun Kawasan Batu Caves
4. YB Tuan Tan Choon Swee – Adun Kawasan Teluk Datuk
5. YB Dato' Dr Karim bin Mansor – Adun Kawasan Tanjung Sepat
6. YB Tuan Haji Hasiman bin Sidom – Adun Kawasan Morib

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya menyokong

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul No.9 Tahun 2009 Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS).

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, saya mohon untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat ringkasnya (JPK-ABAS) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan – Peraturan Tetap Dewan Negeri pada 8 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini dan keanggotaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat ringkasnya (JPK-ABAS) adalah seperti berikut:

Pengerusi

YB Tuan Haji Saari bin Sungib – Adun Kawasan Hulu Kelang

Ahli Jawatankuasa:

1. YB Tuan Lau Weng San – Adun Kawasan Kampung Tunku
2. YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay – Adun Kawasan Bukit Melawati
3. YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz – Adun Lembah Jaya
4. YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan – Adun Subang Jaya
5. YB Dato' Mohamad Satim bin Diman – Adun Kawasan Sri Serdang
6. YB Dato' Haji Amiruddin bin Setro – Adun Kawasan Jeram

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran agensi, badan berkanun dan anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

PUAN SPEAKER: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini.

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran agensi, badan berkanun dan anak syarikat di bawah kerajaan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. Usul no. 10 tahun 2009. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) Oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Kampung Tunku di sini di bawah Peraturan Tetap 26(1) ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat secara menyeluruh skandal RM12.5 bilion Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang bermula dengan penjualan tanah yang diberi Kerajaan Selangor kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad pada tahun 1990-an.

Puan Speaker, pertama sekali saya berasa kesal kerana isu yang begitu besar yang melibatkan salah seorang ADUN di dalam Dewan yang mulia ini tidak hadir pada sesi ini untuk menjelaskan perkara ini. Saya sebenarnya berhasrat dan berharap sangat ADUN dari Sementa bolehlah beri sedikit sebanyak penjelasan terhadap kes ini. Walau bagaimanapun beliau tidak berada di sini dan sebab beliau diperlukan saya rasa ialah kerana kedudukan beliau Pengerusi kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad dari tahun 1997 hingga 2003. Dan tanah yang terlibat ini adalah sekeping tanah diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Koperasi ini dan Yang Berhormat ADUN Sementa pada masa itu merupakan salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya rasa memandangkan skandal ini telah berlarutan sehingga sekarang dan adalah menjadi pendirian Kampung Tunku bahawa tugas yang paling mustahak pada masa sekarang adalah untuk menubuhkan satu jawatankuasa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat keseluruhan skandal ini. Dan beberapa hari, malahan beberapa minggu yang lepas saya difahamkan *walaupun Price Water House Cooper* (PWC) telah mengeluarkan satu laporan berkenaan dengan siasatan audit syarikat ini terhadap projek PKFZ ini nampaknya terdapat beberapa pihak yang berasa puas hati di mana mereka telah mencabar akan menyaman pihak-pihak yang terlibat di Mahkamah. Pihak yang telah di saman setahu saya termasuklah beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri termasuk juga syarikat-syarikat yang terlibat di dalam skandal ini khususnya Lembaga Pelabuhan Klang. Saya amat khuatir Puan Speaker kalau isu tentang PKFZ ini di bawa ke mahkamah ia akan dilupakan dan seterusnya akan dihilangkan dalam kamar mahkamah. Justeru itu saya berasa penubuhan satu siasatan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat perkara ini perlulah disegerakan. Apa yang penting ialah apabila satu Suruhanjaya Diraja itu di bentuk maka Suruhanjaya Diraja ini dengan mandat yang diberi oleh Tuanku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih bebas tanpa gangguan dan mereka tidak boleh di dakwa di mana-mana mahkamah. Ini adalah sebab mengapa laporan yang dikeluarkan oleh *Price Water House Cooper* itu bukanlah kata tidak lengkap ataupun tidak baik tapi ia akan dapat dicabar di mahkamah. Tapi kalau kita ada satu Suruhanjaya Diraja maka kita akan tahu lebih banyak maklumat tentang isu ini dan hasil-hasil kajian itu tidak dapat dipertikaikan di mahkamah nanti.

Puan Speaker apa yang pasti ialah pada masa sekarang dakwaan dan fitnah, saman menyaman ini adalah tidak diperlukan sama sekali dan ini tidak akan dapat membantu rakyat memahami isu atau masalah yang berlaku di dalam skandal ini. Puan Speaker, PKFZ terletak atas sebidang tanah seluas 1000 ekar di Pulau Lumut. Sekarang ini nama Pulau Lumut telah ditukar menjadi Pulau Indah tapi tempatnya masih sama. Tuan punya asal tempat ini ialah Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad (KPPLB) dan KPPLB telah menjual tanah ini kalau ikut laporan secara beransur-ansur kepada Kolar Dimensi Sdn Bhd (KDSB) harganya ialah RM1.39 sekaki persegi, RM1.37 sekaki persegi dan RM2.98 sekaki persegi. Jumlah harga jualan keseluruhannya ialah RM94juta. Lembaga Pelabuhan Kelang (PKA) telah membeli tanah ini dari Kolar Dimensi Sdn Bhd dengan harga RM25 sekaki persegi termasuk kos infrastruktur. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah juga membuat

penilaiannya terhadap harga tanah ini iaitu harganya RM10.16 sekaki persegi tanpa mengambil kira kos infrastruktur. Di sini kita nampak perbezaan harga yang begitu besar daripada RM1.00, RM2.00 ke RM25.00 dan apa yang kita katakan sekarang ini ialah kerugian yang begitu banyak kepada kerajaan negeri Selangor kerana tanah ini asalnya kepunyaan kerajaan negeri Selangor dan jikalau andainya Kolar Dimensi Sdn Bhd ini nak membangunkan PKFZ nak membeli tanah daripada kerajaan Negeri maka kita akan mendapat untung yang sebegitu banyak iaitu sekitar RM8.79 sekaki persegi hingga RM23.63 sekaki persegi. Saya lihat dari sudut ini jikalau tanah ini masih kepunyaan kerajaan dan tidak diberikan kepada KPPLB dan apabila Lembaga Pelabuhan Kelang melalui Kolar Dimensi ingin membangunkan tempat ini menjadi PKFZ maka ini adalah apa yang kita dapat untung daripada tanah ini. Dan masalahnya sekarang ini ialah skandal ini telah mencecah RM12.5 bilion. Adakah kita nampak mana-mana individu yang diheret ke mahkamah? Saya ingin bertanya. Adakah kita nampak sesiapa yang di dakwa di mahkamah dan dihukum seberat-beratnya. Sampai sekarang kita masih belum dengar ataupun dapat tahu sesiapa individu yang telah didakwa di mahkamah. Malahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih belum dapat berbuat apa-apa lagi. Saya difahamkan sekarang ini mereka menjalankan siasatan terhadap ADUN-ADUN di daerah Petaling tentang bagaimana kita membelanjakan peruntukan kita pada tahun yang lalu. Sedangkan di hadapan mata kita ialah terdapat skandal yang begitu besar RM12.5 bilion yang SPRM masih belum dapat lagi berbuat apa-apa pun.

Puan Speaker, ADUN Sementa telah memberitahu media beliau akan mendakwa *Price Water Cooper House*. Malahan beliau telah menghantar notis tuntutan kepada *Price Water Cooper House* dan beliau juga menghantar notis tuntutan yang sama kepada individu-individu termasuk media dan antara mereka ini termasuklah ADUN Kinrara Yang Berhormat dari Kawasan Kinrara. Lembaga Pelabuhan Kelang juga didakwa dan dihantar notis tuntutan ini, media juga terlibat termasuklah Sun Media Corporation, Suara Keadilan, New Straits Times Press dan Pelita Corridor Sdn Bhd. Puan Speaker, saya ingin menyatakan daripada kita menghantar notis tuntutan ini kepada pihak-pihak yang tersebut di atas ADUN Sementa sewajarnya datang ke sini memberi satu penerangan terbuka mengapa KPPLB menjual tanah yang begitu berharga yang diberi kepada kerajaan negeri kepada pemaju swasta. Kita tidak harus lupa bahawa lokasi kalau kita teliti lokasi PKFZ ini ia terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Barat (West Port) dan pada masa tanah ini diberi kepada Kolar Dimensi Sdn Bhd oleh KPPLB, West Port pada masa itu baru saja bermula iaitu sekitar tahun 1993 ke tahun 1994. Jadi kita nampak potensi tanah itu memang ada. Kerana ia dekat dengan Pelabuhan Barat dan jika dibangunkan ia akan menjadi satu pusat perdagangan yang sangat maju. Jadi inilah yang kita rasakan satu kerugian kepada kerajaan Negeri Selangor.

Puan Speaker, skandal PKFZ ini bukan sahaja serius dari segi nilai wang ringgit yang terlibat, ia juga berkenaan dengan perkara yang lebih besar. Iaitu bagaimana saya ingin menyatakan syarikat-syarikat koperasi-koperasi, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan yang dahulu kalanya mempunyai hubungan yang rapat dengan UMNO dan diberi tanah oleh kerajaan Negeri mereka begitu tergamak nak jual dana ini kepada pemaju asing, pemaju swasta semata-mata untuk mengaut keuntungan yang cepat. Jadi inilah mengapa saya membawa usul ini ke Dewan yang mulia ini supaya diputuskan. Saya nak kerajaan Persekutuan menubuhkan seberapa segera yang mungkin untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja Siasatan dan menyiasat skandal ini secara keseluruhan sehingga kita tahu kebenaran yang sebenarnya. Kerana ini melibatkan wang ringgit dan tanah kerajaan negeri Selangor. Dan kita tahu tanah merupakan sumber yang paling bernilai dan berharga bagi Kerajaan Negeri Selangor. Jadi Puan Speaker itulah ucapan saya dan saya mohon untuk disokong. Terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, saya menyokong. Puan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang Berhormat sekalian, skandal PKFZ ini didedahkan oleh Ketua Umum Keadilan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Ogos tahun 2007. Setelah skandal ini didedahkan pada tahun itu walaupun ramai daripada ahli parti pembangkang yang telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah dan juga polis untuk menyiasat tetapi tiada tindakan lanjut diambil. Untuk makluman dewan yang mulia ini, projek PKFZ ini telah diluluskan oleh kabinet Malaysia pada waktu itu dengan dua syarat yang utama. Pertama jaminan khusus Menteri Pengangkutan bahawa PKFZ adalah satu projek yang menguntungkan dan Lembaga Pelabuhan Klang berupaya untuk menjana sumber kewangan sendiri. Dan syarat yang kedua adalah projek ini tidak akan menggunakan wang kerajaan dan setiap 100 juta variasi kos yang bertambah dalam kos pembangunan projek ini PKFZ perlu atau Lembaga Pelabuhan Klang perlu mendapatkan kelulusan kabinet terlebih dahulu. Namun kita nampak syarat pertama jelasnya telah dicabuli apabila kos projek PKFZ telah melonjak daripada RM 1.1 bilion kepada RM 4.6 bilion dan memerlukan campur tangan kerajaan untuk menyelamatkan projek ini. Manakala syarat kedua juga dilanggar apabila Menteri Pengangkutan pada waktu itu iaitu Datuk Seri Chan Kong Choi sendiri telah memberi surat sokongan kepada pemaju untuk mendapatkan bon tambahan yang bernilai RM 4 bilion tanpa melalui kelulusan kabinet. Jadi kita nampak dengan jelas kedua-dua syarat yang ditentukan sebelum ini tidak dipatuhi dalam keseluruhan kelulusan ataupun pembangunan projek PKFZ ini. Laporan Audit *Prize Waterhouse Coopers* mengenai Zon Bebas Pelabuhan Klang telah menguatkan lagi dakwaan selama ini yang telah diketepikan oleh kerajaan persekutuan bahawa projek yang dibiayai dengan wang rakyat ini telah dilanda dengan kelemahan dan kecacatan sejak dari mula ia dilaksanakan lagi. Antara fakta yang telah disahkan oleh PWC ialah PKFZ berdepan dengan peningkatan kos, kelemahan dalam urus tadbir dan pengurusan projek serta berlaku konflik kepentingan mereka-mereka yang terlibat dalam projek ini. Antara dua unsur penting yang ingin saya tegaskan dalam dewan ini ialah pertama iaitu wujudnya konflik kepentingan yang mana penjual tanah ialah Kuala Dimensi Sdn Bhd. yang telah membeli tanah tersebut daripada Koperasi Kemajuan Pulau Lumut pada harga RM 95 juta, pada tahun 1993 dan kemudiannya menjualnya kepada Lembaga Pelabuhan Klang pada harga RM 1.1 bilion pada tahun 2007. Meskipun wujudnya tentangan di dalam kerajaan terhadap pembelian pada harga tersebut, kerajaan pada waktu itu telah memberi cadangan bahawa ini, tanah ini boleh diambil alih di bawah Kanun Tanah Negara pada harga RM10.00 sekaki persegi tetapi pada waktu itu Lembaga Pelabuhan Klang telah memilih untuk membelinya pada harga RM 20.00 sekaki persegi. Dan Kuala Dimensi ini kemudiannya telah dilantik sebagai kontraktor untuk projek tersebut dan telah melaporkan kemudiannya dalam pertambahan kos hingga RM 3.3 bilion. Yang kedua eh satu, satu lagi unsur penting yang kita perlu tegaskan iaitu kelulusan tambahan kos yang tidak mengikut tatacara Kementerian Kewangan dan juga kabinet. Lembaga Pelabuhan Klang telah dengan sendirinya menandatangani satu perjanjian tambahan yang nilainya melebihi seribu juta dengan Kuala Dimensi Sendirian Berhad tanpa melalui Kementerian Kewangan dan juga kabinet. Menteri Pengangkutan pada waktu itu iaitu Datuk Seri Chang Kong Choi juga telah mengeluarkan surat sokongan kepada Kuala Dimensi Sdn, Bhd., Kontraktor *Turn Key* PKFZ untuk mengeluarkan bon bernilai 4 bilion yang diterima oleh pasaran sebagai satu jaminan oleh kerajaan. Pada hal Menteri Pengangkutan sememangnya tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengeluarkan jaminan kewangan bagi pihak kerajaan kerana ianya hanya boleh dikeluarkan oleh menteri dan juga dengan kelulusan kabinet. Projek ini yang kononnya hendak meniru kejayaan Jabel Ali Prison Authority di Dubai telah mendedahkan kisah sebenarnya di belakang konsep perkongsian kuasa Barisan Nasional, memandangkan pimpinan pusat dan juga tempatan Parti UMNO pimpinan tinggi MCA yang juga bekas Presiden Parti MCA yang terlibat dalam salah satu peringkat projek ini. Maka kerajaan tidak sepatutnya terkejut dengan keputusan JABSA yang kemudiannya yang pada waktu itu menguruskan PKFZ untuk menarik diri pada Julai 2007 di atas sebab campur tangan

politik dan birokrasi yang terlalu banyak dan kini kita nampak bahawa banyak lagi kawasan di PKFZ ini hanya ditumbuhi olehalang. Adakah insiden ini akan memberi keyakinan kepada pelabur asing yang mana kerajaan mahu tarik ke koridor-koridor pertumbuhan yang akan dilancarkan. Lebih dahsyat lagi Kuala Dimensi telah mengaut keuntungan berlipat ganda daripada penjualan tanah. Tetapi pihak-pihak yang berkenaan ini sudah tentu telah mendapat untung, tetapi nelayan-nelayan Melayu yang menganggotai koperasi tersebut terus dipinggirkan. Ingin saya menarik perhatian dewan yang mulia ini terhadap betapa signifikannya jumlah wang rakyat yang telah digunakan untuk menyelamatkan projek ini. Kalau daripada jumlah RM 7.5 bilion yang sudah dibelanjakan projek ini juga dijangkakan bakal rugi sebanyak RM 8.6 bilion lagi yang membawa maksud jumlah kerugian PKFZ akan dijangka mencecah RM 12.5 bilion. Kalau kita bandingkan dengan Pakej Perangsang Ekonomi yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita yang mana dalam pakej rangsangan pertama 7 bilion, 7 bilion telah diperuntukkan untuk pakej rangsangan, dan dalam peringkat yang kedua pakej rangsangan kedua sebanyak RM 60 bilion telah diperuntukkan yang mana peringkat pertama adalah melibatkan tunai sebanyak RM 15 bilion yang akan dibahagikan kepada dua tahun untuk dilepaskan wang tunai itu ke dalam pasaran dan tahun pertama adalah melibatkan RM 5 bilion dan tahun kedua adalah RM 10 bilion. Jadi kita nampak bahawa jumlah kerugian yang terlibat dalam PKFZ ini sebanyak RM 12.5 bilion ini adalah memadai dengan pakej rangsangan yang diumumkan oleh Perdana Menteri kita. Jadi kita nampak betapa besarnya wang yang telah dibazirkan. Wang ini bukan wang milik Barisan Nasional, tetapi wang yang dibayar oleh rakyat Malaysia ini yang saya nampak untuk *bil out* dengan izin projek yang merugikan ini. Kenyataan daripada bekas Menteri Pengangkutan iaitu Tun Dr. Lim Liong Sik bahawa projek ini merupakan satu idea yang baik tidak sekali-kali boleh digunakan untuk menutup korupsi, kronisme dan rompakkan wang rakyat yang telah ditimbulkan dalam projek ini. Daripada membuang masanya cuba mempertahankan projek ini saya menasihatkan Tun Dr. Lim Liong Sik supaya dia menjawab apakah peranan asal dan juga kelemahan pengurusan yang telah mencetuskan peristiwa yang mengaibkan ini. Dan kita juga dimaklumkan bahawa Jawatankuasa PSC Parlimen bermula pada hari ini juga akan memanggil mereka-mereka yang terlibat untuk ditanya dan disoal tetapi saya rasa ini tidak cukup sebab selama ini kita nampak dalam kes MR tu bila MPSC menyiasat tetapi di akhir siasatan itu tiada sesiapaupun yang di bawa ke muka pengadilan. Jadi dalam dewan yang mulia ini saya ingin menyokong usul supaya menggesa kerajaan persekutuan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat skandal PKFZ ini. Pendirian sambil lewa Barisan Nasional dalam menangani skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang jelas memperlihatkan sikap sebenar mereka yang sanggup menggadaikan kepentingan Negara terutamanya apabila kecurangan ini berlaku melibatkan ahli-ahli parti politik Barisan Nasional. Skandal ini merupakan satu masalah besar yang melanda Negara kita dan melibatkan wang bukan dengan wang yang kecil. Selagi tidak ditubuhkan Suruhanjaya ini kita tidak akan dapat mengetahui siapa sebenarnya yang terlibat dalam skandal ini. Jadi sekali lagi saya ingin menyokong usul untuk menggesa kerajaan persekutuan menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat dengan menyeluruh skandal ini. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ah Yang Berhormat. Bahas.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ya

TUAN SPEAKER: Tak ini untuk Ahli Dewan sahaja. Ya Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, saya bangun di sini untuk mengambil bahagian menyokong usul agar Dewan mendesak kerajaan persekutuan

mengujudkan Suruhanjaya Di Raja menyiasat isu yang berkenaan dengan PKFZ. Saya akan menangani isu ini dalam satu perspektif yang lain di mana saya ingin menegaskan bahawa dalam amalan kebanyakan Negara yang mengamalkan demokrasi khususnya Negara-negara Komanwel Suruhanjaya Di Raja adalah satu kaedah pendengaran awam yang terpenting. Di segi amalannya kelebihan diwujudkan Suruhanjaya Di Raja adalah apabila Suruhanjaya ini ditubuhkan dan dengan izin kita membuat *referencenya* ditetapkan bidang-bidang tugasnya telah ditetapkan dan sebaik sahaja Suruhanjaya Di Raja ini menjalankan tugasnya maka dia tidak boleh dihentikan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan. Ini kelebihannya berbanding dengan melantik satu konsultan untuk membuat kajian bila-bila masa sahaja itu boleh ditamatkan. Tetapi apabila Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan maka selepas kerajaan bersetuju dengan bidang-bidang tugasnya maka sebaik sahaja penyiasatan bermula maka penyiasatan tidak dapat ditamatkan sehingga selesai seluruh penyiasatan dan laporan dikemukakan. Dengan itu bidang kuasa Suruhanjaya kelebihannya agak luas dan khusus serta boleh mengatasi sistem-sistem yang *korup* yang selama ini mungkin memberi perlindungan dan saya akan buktikan nanti yang beberapa kes yang sedang berlaku di Negara kita. Jadi dengan cara ini kita boleh mengelakkan penyiasat yang konvensional, yang biasa, yang sering kali didakwa dituduh dan terbukti memihak dan melindungi pihak-pihak yang melaksanakan penyelewengan. Suruhanjaya Di Raja biasanya terlibat dalam menyelidik isu-isu secara mendalam, mendapatkan pandangan pakar dalam atau di luar kerajaan. Ya bukan satu pakar tetapi lebih banyak pakar yang boleh dirujuk menurut bidang-bidang tugas yang ditetapkan dan boleh mengadakan pendengaran, *public enquiry* dengan izin, pendengaran awam, dialog terbuka dan dialog umum. Jadi dengan itu penyiasatan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Di Raja mempunyai kuasa penyiasatan yang luas, saksi bersumpah, diberi perlindungan, dan Suruhanjaya boleh merampas dokumen dan bukti-bukti yang perlu termasuk bahan-bahan yang sentiasa dinyatakan dilindungi di bawah Akta Rasmi, Akta Rahsia Rasmi ataupun OSA. Jadi di samping itu Suruhanjaya boleh menjalankan pendengaran secara *in camera*, dalam kamar *in chamber* dengan izin sekiranya perlu dan dalam beberapa kes boleh memaksa, mendesak dan dengan kekuatan undang-undang penjawat-penjawat awam untuk membantu Suruhanjaya Di Raja. Jadi ini dalam sejarah Negara kita dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kita mengalami isu ini. Kes pertama pada tahun 1998, dalam kes mata lebam Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa berada di bawah penjagaan polis. Pihak polis menegaskan bahawa mereka akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat siapakah yang bertanggungjawab melakukan penyeksaan tersebut. Tetapi selepas beberapa bulan tidak ada hasil hinggalah apabila desakan yang kuat kepada kerajaan, daripada pihak luar dan parti pembangkang maka satu Suruhanjaya Khas telah ditubuhkan dan kita tahu hasilnya akan bermanfaat walaupun kerajaan Barisan Nasional menyembunyikan dan tidak menerbitkan, tidak menyebarkan hasil laporan yang meluas tetapi ada pihak-pihak ketiga, penerbit-penerbit swasta, berjaya mendapatkan laporan ini dan menyebarkan laporan ini untuk pengetahuan umum. Jadi itu satu kelebihan yang telah kita saksikan dalam tempoh 10 tahun, 11 tahun yang kebelakangan ini. Demikian juga beberapa bulan selepas itu kes keracunan *arsenic* yang menjadikan satu kes yang bukan hanya isu nasional, tetapi isu antarabangsa yang menjejaskan kredibiliti kerajaan negara kita pada masa itu. Maka kerajaan Barisan Nasional menangguk-nangguhkan berdolak dalih untuk menubuhkan satu Jawatankuasa dan Suruhanjaya sehinggalah akhirnya apabila satu Suruhanjaya yang terbatas, terhad bidang kuasanya ditubuhkan, itu pun sudah memberi manfaat yang begitu banyak dalam kes apabila laporan itu menegaskan kedudukan keracunan *arsenic* yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dan satu perkara juga yang sebenarnya membawa kebaikan bukan hanya kepada rakyat secara umum tetapi memberi kelebihan politik kepada Barisan Nasional adalah apabila berlaku peralihan kuasa daripada Datuk Seri, Datuk Seri Mahathir, Tun Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri, pengumuman telah dibuat untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi Penambahbaikan Pengurusan Polis Diraja

Malaysia dan dia mendapat sambutan yang cukup baik. Walaupun kita baca pada masa itu sebagai langkah politik tetapi dia mendapat sokongan yang cukup padu daripada rakyat sehinggalah apabila berlaku pilihan raya pada tahun 2004 Barisan Nasional di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi mendapat kemenangan yang cukup luar biasa hingga menguasai lebih sembilan puluh peratus kerusi di Parlimen. Jadi ini menunjukkan bahawa reaksi rakyat kepada penubuhan suruhanjaya walaupun kemudiannya laporan itu ditangguhkan dan kemudiannya tidak diambil tindakan oleh pentadbiran yang sama di bawah kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi tetapi hasilnya berguna dari segi penerbitan bahan-bahan yang boleh dijadikan kayu ukur kepada prestasi kerajaan, janji kerajaan dan apa yang berlaku pada pilihan raya 2008 juga boleh diukur bahawa rakyat sudah bosan kepada janji-janji yang telah diberikan oleh Barisan Nasional hingga menyebabkan lima buah kerajaan negeri jatuh kepada Pakatan Rakyat. Jadi apa yang ingin saya jelas di sini adalah penubuhan suruhanjaya diraja ini merupakan satu isu pendekatan yang sangat penting untuk meningkatkan amalan demokrasi, mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan dan ketelusan rakyat dan antara perkara-perkara yang boleh menimbulkan keraguan rakyat adalah seperti kegagalan pihak kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Ketua Pengarah BRP pada masa itu Dato' Seri Zulkifli bin Mohd. Noor dan juga dalam kes Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada masa itu, Dato' Mohamad Johari Baharum. Apabila kedua-duanya didakwa mempunyai tuduhan berdepan dengan dakwaan melakukan rasuah. Jadi tidak ada pendekatan lain, tidak ada cara lain selain menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk *clear* dengan izin untuk membersihkan pentadbiran negeri, demikian juga Kerajaan Persekutuan, demikian lah juga dengan apa yang sedang berlaku tuntutan rakyat tentang kes A. Kugan yang mati meninggal dunia semasa dalam penjagaan polis. Apabila berlaku percanggahan di antara Peguam Negara yang mengatakan beliau diklasifikasikan sebagai kes bunuh sedangkan Ketua Polis Negara mengatakan tidak dia meninggal kerana paru-paru berair. Jadi tidak ada penyelesaian, dua pihak tertinggi dalam pentadbiran kerajaan pusat, Ketua Polis Negara membuat kenyataan yang lain sedangkan Peguam Negara membuat kenyataan yang lain, yang membawa implikasi melakukan pembunuhan terhadap A. Kugan dan penyelesaian tidak dapat dibuat kecuali penubuhan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat perkara ini dengan teliti dan adil dan dalam konteks inilah saya ingin menyeru dan menyokong usul agar satu Suruhanjaya Diraja menyiasat secara menyeluruh skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang PKFZ disokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, pihak kerajaan. Nak jawab

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ya, Tuan Speaker, terima kasih. Saya terpanggil untuk menyertai perbincangan ini kerana..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat nak menggulung atau nak..

YB TUAN LIU TIAN KHIE : Gulung, gulung, saya dapat...

TUAN SPEAKER: Nak menggulung ya, menggulung tu tak terpanggil, menggulung tu memang tugas.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Oh, saya rasa terpanggil, *sorry*. Ok.

TUAN SPEAKER: Sebab Yang Berhormat bercakap bagi pihak kerajaan bukan pihak Yang Berhormat sendiri.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ok, Tuan Speaker, saya merupakan orang yang pertama membuat laporan Polis mengenai kes ataupun skandal *Port Klang Free Zone*, pada 2004. Pada masa itu saya membuat laporan Polis kerana saya difahamkan bahawa seribu ekar itu dibeli oleh kerajaan di bawah *Ministry Of Transport* dengan izin dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Saya difahamkan pada masa itu harga pasaran itu hanya lebih kurang sepuluh ringgit ataupun sebelas ringgit sekaki, sekaki persegi tetapi saya di dapati, saya difahamkan harga yang *Transport Ministry* dengan izin yang membelikannya adalah dengan harga dua puluh lima ringgit sekaki persegi. Sebab itu saya buat laporan Polis tetapi malangnya Polis dan juga ACA pada masa itu tidak mengambil tindakan nampaknya. Dan kali kedua pada tahun 2007 apabila saya difahamkan kos pembangunan *Port Klang Free Zone* itu melambung tinggi, jauh lebih tinggi daripada kos yang ditetapkan pada asalnya. Oleh sebab itu dengan dokumen yang saya ada saya membuat laporan Polis, tetapi malangnya juga MACC pada masa itu ACA dan juga polis tidak ambil tindakan dan lepas itu saya buat kali ketiga kerana saya difahamkan kos pembangunan melambung lagi sampai tahap lebih daripada tiga bilion ringgit Malaysia. Ada lepas tu keempat kali saya pergi ke MACC untuk membuat laporan terhadap MACC sendiri. Saya buat demikian kerana saya rasa MACC ni tidak melaksanakan tugasnya dengan baik. Kalau MACC melaksanakan tugasnya dengan baik mungkin saya kata besar kemungkinan kita dapat mengelakkan satu skandal yang begitu besar, tetapi malangnya mereka tidak melaksanakan tugas dengan baik, kita merugikan sangat-sangat besar tetapi hari ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini rakan-rakan saya dalam EXCO, saudara Ean Yong dan juga saudara Elizabeth terpaksa keluar dari Dewan ini kerana *harassment* dengan izin daripada MACC baru sahaja bermula. Oleh kerana tanpa apa-apa *police report* dan sebagainya MACC telah mengambil tindakan untuk pergi ke Pejabat Tanah Petaling itu untuk mengambil semua dokumen mengenai peruntukan ADUN-ADUN yang di kawasan Petaling itu tanpa apa-apa laporan polis. Sebab itu *harassment* dengan izin baru sahaja dimulakan dan kita juga nampak..

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, minta penjelasan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Boleh.

YB TUAN LAU WENG SAN: Sedarkah Yang Berhormat Pandamaran bahawa sekarang ini nampaknya bukan sahaja daerah Petaling malahan daerah Gombak pun terlibat juga dan saya difahamkan siasatan akan dilanjutkan ke Pejabat-pejabat Tanah yang lain. Sedarkah Yang Berhormat tentang informasi yang terbaru ini?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Tuan Speaker, saya pun baru sahaja menerima laporan mengenai Gombak juga, nampaknya kawasan Klang, kawasan saya sendiri pun akan terlibat lah tidak lama lagi. Jadi *harassment* dengan izin ini tidak sepatutnya diadakan sepatutnya MACC menumpukan tenaga dan masa mereka untuk membuat siasatan terhadap satu skandal yang berbilion-bilion bukan perkara seperti peruntukan ADUN. Memang hak dan kuasa ADUN untuk memberikannya kepada badan-badan yang mereka rasa ada hak menerima bantuannya. Jadi saya sangat-sangat rasa tidak puas hati dengan itu saya juga bagi pihak kerajaan pun saya rasa memang masa sudah sampai untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja ataupun *Royal Commission* dengan izin oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat secara menyeluruh skandal 12.5 bilion ringgit Zon Bebas Pelabuhan Klang PKFZ yang bermula dengan penjualan tanah yang diberi Kerajaan Selangor kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad pada tahun 1990an.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul nombor sebelas tahun 2009 usul di bawah peraturan tetap dua puluh enam kurungan satu oleh Yang Berhormat Hulu Klang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Dewan ini menetapkan untuk menegur tindakan Polis yang bertindak menyalahi Peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang hak kebebasan rakyat untuk berhimpun secara aman. Tindakan Polis menghalang dan menahan beberapa orang rakyat dan orang yang berhimpun secara aman adalah satu pencabulan hak asasi manusia. Dewan menyeru pihak Polis agar menumpukan tugas dalam menjaga keselamatan rakyat dan bersungguh-sungguh menangani jenayah dan tidak tunduk pada tekanan politik dan arahan mana-mana pemimpin Barisan Nasional dalam menjalankan tugas mereka. Tuan Speaker, pada 21 Mei yang lalu, enam belas orang termasuk ADUN Teratai telah ditahan Polis di luar pusat khidmat beliau di atas dakwaan terlibat dalam perhimpunan haram. Sebenarnya mereka berhimpun secara aman, sebagai tanda simbolik berkabung di atas terkuburnya demokrasi di Negeri Perak akibat rampasan kuasa politik yang dijalankan secara haram oleh Barisan Nasional. Sebelum itu pada 7 Mei dan 19 Mei, YB Teratai juga telah ditahan kerana terlibat dalam perhimpunan aman di Ipoh dan di Seputih kerana membantah tindakan Barisan Nasional melakukan rampasan kuasa ke atas kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Perak. *Candle Light Vigil* dengan izin adalah anjuran Pemuda DAP Pandan. Lebih 40 orang anggota dan Pegawai Polis telah membuat kepungan terhadap orang ramai yang telah berhimpun dan dengan amaran sepantas kilat tangkapan telah dimulakan. Tuan Speaker, YB Teratai telah ditahan selama 6 jam di Balai Polis Pandan Indah, Ampang, turut ditahan adalah Lim Swee Kuan bukan Ng Suee Lim iaitu Pegawai Khas Lim Kit Siang, S Supramani yang juga merupakan Ahli Majlis MPAJ dan Ooi Leng Hang, Pengarah Pendidikan Pemuda DAP. Seorang warga emas berusia 72 tahun Chong Kong Yin juga telah ditahan di atas dakwaan berhimpun secara haram. Selebihnya adalah ahli-ahli Pemuda DAP Pandan. Mereka juga telah membuat aduan bahawa Polis telah membuat kekasaran yang berlebihan ketika menyuraikan perhimpunan aman tersebut. DAP dalam kenyataannya menegaskan sejak BN merampas kuasa di Negeri Perak, bilangan yang ditahan oleh Polis kerana membantah tindakan tersebut kini mencecah 150 orang. Kesemua mereka ditahan kerana berceramah atau hadir dalam majlis ceramah dan perhimpunan aman. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, pada 21 Jun yang lalu Polis sekali lagi menghalang satu majlis makan malam dan ceramah anjuran DAP Klang daripada diadakan. Polis telah membatalkan permit pada saat-saat akhir. Ramai penceramah yang telah dijadualkan berucap pada majlis tersebut telah dihalang daripada memberi ucapan. *PA system* dengan izin alat siar dengar jua telah dirampas. Sebelum itu Polis telah memberi permit bagi majlis tersebut tetapi melarang sebarang ceramah daripada diadakan. Ketika kejadian kawasan tersebut telah dikepung oleh trak-trak FRU, *water canon*, dengan izin *chemical canon* dan anggota-anggota Polis pula dilengkapi dengan senjata M16. YB Lim Kit Siang menyatakan kawasan tersebut seolah-olah sebagai *war zone* dengan izin ataupun zon perang. Kejadian ini mempunyai persamaan dengan tindakan polis terhadap majlis makan malam DAP di Setiawan pada 16 Mei yang lalu di mana Polis melarang tayangan *DVD* mengenai kekecohan yang berlaku di Perak pada 7 Mei yang lalu. Tuan Speaker, berkenaan tindakan Polis mengenakan sekatan terhadap penceramah dalam laporan *Freedom Of Assembly* iaitu kebebasan berhimpun, yang diterbitkan oleh SUHAKAM pada tahun 2002 dinyatakan, Polis tidak boleh mengenakan sekatan untuk menghadkan bilangan orang yang berucap, dan juga tidak boleh menghadkan tajuk yang akan diucapkan oleh pengucap. Ketetapan ini telah dibuat dalam keputusan mahkamah dalam kes Chai Choon Hoon lawan Ketua Polis Daerah Kampar dan Kerajaan Malaysia pada tahun

1986 seperti yang terkandung dalam *Malaysian Law Journal* Jilid Kedua muka surat 203. Tindakan Polis mengehadikan bilangan penceramah seperti dalam senarai yang telah dijadualkan oleh penganjur majlis ucapan dan makan malam DAP Klang adalah merupakan satu penghinaan terhadap mahkamah seperti yang diputuskan pada tahun 1986 dalam kes Chai Choon Hoon lawan Ketua Polis Daerah Kampar dan Kerajaan Malaysia. Demikian juga tindakan Polis mengehadikan tajuk-tajuk seperti tidak boleh menyentuh kes Altantuya dan Mongolia, serta rampasan kuasa BN ke atas Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Perak seperti yang dikeluarkan semasa pilihan raya kecil Bukit Gantang adalah juga serta juga menghalang tayangan DVD kekecohan Sidang DUN di Perak yang hendak ditayangkan oleh Majlis Makan Malam DAP di Klang juga merupakan satu penghinaan terhadap mahkamah seperti yang telah diputuskan pada tahun 1986 dalam kes yang telah saya nyatakan tadi. Dalam laporan tersebut SUHAKAM merumuskan bahawa keadaan di mana pihak polis tidak membenarkan sebarang ucapan dalam mana-mana perhimpunan adalah satu perkara yang mustahil *not possible*. Itu kenyataan dari SUHAKAM. Tuan Speaker, sebuah badan hak asasi manusia *Amnesty International* dalam laporan dalam tahun 2007 dalam halaman 177 melaporkan bahawa polis masih menggunakan kekerasan dan kekasaran yang melampau ketika menyuraikan perhimpunan aman. Polis gemar menggunakan cota dan *chemical cannon* dengan izin pembedahan daripada perkataan *water cannon* sepatutnya digunakan *chemical cannon*, puluhan orang telah ditahan polis dan beberapa orang yang ditangkap tersebut telah mengalami kecederaan yang serius. Tindakan polis menggunakan kekerasan ini juga dirangkumkan di bawah tajuk yang sama dalam laporan *Amnesty International Report* dalam satu laporan yang sama, keganasan polis dikaitkan dengan menyatakan bahawa pada tahun 2007 sekurang-kurangnya lima orang termasuk seorang wanita mati semasa dalam tahanan polis. Tuan Speaker dan ahli-ahli Dewan yang dimuliakan. Dalam laporan SUHAKAM 2003 halaman 17 ditegaskan SUHAKAM masih bimbang tentang kesukaran yang terus dihadapi oleh masyarakat umum di dalam mempraktikkan hak mereka untuk berhimpun secara aman mengenai isu-isu penting dan berkepentingan awam. Dalam laporan yang sama iaitu dalam muka surat 196, 197 SUHAKAM membuat 13 syor antaranya lesen berceramah di tempat persendirian hendaklah diluluskan sebagai *general rule* tak payah minta permit. Satu prosedur tetap harus dikeluarkan bagi proses permohonan lesen untuk berhimpun. Syor SUHAKAM tersebut telah dijawab secara bertulis oleh pihak Kerajaan Persekutuan dengan menyatakan, iaitu dalam halaman 197, 198 Artikel 10 Perlembagaan Malaysia menjamin hak kebebasan untuk berkumpul. Tapi bukanlah hak yang mutlak. Artikel 10 (2b) membenarkan Parlimen mengenakan undang-undang yang lebih ketat bagi menyekat kebebasan berhimpun sebagai langkah untuk menjaga keamanan negara, inilah jawapan kerajaan terhadap laporan SUHAKAM dengan mentafsirkan bahawa Artikel 10 (2b) membolehkan Parlimen mengenakan undang-undang yang lebih ketat. Seterusnya daripada 13 syor SUHAKAM telah dijawab oleh Kerajaan Persekutuan dengan menggariskan 13 lagi syarat-syarat yang lebih ketat untuk mengadakan ceramah. Ahli-ahli Dewan boleh merujuk laporan tersebut pada muka surat 198 hingga 199. Antara syarat-syarat lain itu yang semakin ketat itu adalah sekiranya dikehendaki pelesen iaitu penganjur program hendaklah membuat rakaman syarahan ceramah termasuk rakaman video, gambar atau pun membuat rakaman pita *tape* dan menggunakan alat-alat yang lazimnya digunakan dan dalam hal ini pihak polis hendaklah dibenarkan meletakkan corong suara di hadapan pensyarah-pensyarah. Ah! itu dia. Itu tambahan yang luar biasa. Tuan Speaker, pada 8 Oktober 2001 Tan Sri Musa Hitam pengerusikan SUHAKAM ketika itu telah menyerahkan pada Tun Dr. Mohd. Zahir Ismail yang Dipertua Dewan Rakyat agar dibentangkan di Parlimen satu dokumen yang bertajuk *Freedom of assembly* iaitu kebebasan berhimpun. Laporan tersebut mengandungi cadangan-cadangan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan hak rakyat menganjurkan perhimpunan-perhimpunan secara aman. Dalam halaman 11 hingga 15 laporan tersebut menyatakan bahawa cadangan-cadangan tersebut dibuat berdasarkan *findings and the best practices in other countries* dengan izin. *Best* sebagai satu *benchmark*, ini di samping

perbicaraan dengan perbincangan dengan pihak polis sendiri dan juga dengan parti-parti politik dan NGOs. Dalam halaman 16 dinyatakan dengan izin *the recommendations that have been made in this report are founded that on the firm believe that it is definitely possible in present day in Malaysia to have peaceful assemblies at which participants have their views about issues that are a matter of concern for them.* Ini adalah satu penemuan berdasarkan kajian-kajian amalan demokrasi dan keadaan realiti politik di Malaysia buat masa ini, buat masa itu dan masa ini iaitu *definitely possible in present day in Malaysia to have a peaceful assemblies.* Tuan Speaker, dalam kenyataan SUHAKAM pada 11 Oktober 2007 berkenaan tindakan polis memanggil pegawai-pegawai Majlis Peguam ke balai untuk membuat keterangan satu perarakan aman yang dianjurkan oleh 2000 orang peguam SUHAKAM telah menegaskan dengan izin *the right to freedom of peaceful of assembly as enshrined in Article 10 of the Federal Constitution, is also contained in the United Nation, declaration of human rights UDHR and other International human rights to this.* Dalam laporan SUHAKAM 2004 halaman 87 dinyatakan dengan izin *SUHAKAM notes with regrets that its recommendations in his report in freedom of assembly have not been headed by the police force.* SUHAKAM seterusnya menyatakan ini terbukti dengan berulangnya penggunaan kekerasan pihak polis dalam menyuraikan perhimpunan aman dan tersangat kurangnya kerjasama pihak polis dalam mengeluarkan permit bagi penganjuran perhimpunan-perhimpunan aman dengan itu SUHAKAM mengulangi cadangan pada tahun 2004 agar pihak polis mesti mengelakkan sedaya upaya menggunakan rotan, cota, gas pemedih mata, *water cannon, chemical cannon* dan bahan-bahan kimia yang lain. Arahan bersurai hendaklah dibuat secara jelas dan terang dan diberikan sekurang-kurang tiga kali dengan setiap satu diselangi dengan jarak masa sepuluh minit. Jadi maknanya mana-mana perhimpunan sekurang-kurangnya boleh berhimpun selama dua puluh minit. Itu sepatutnya. Dan kerana syor ini memberi tiga kali amaran dengan setiap satunya diselangi dalam tempoh masa sepuluh minit. Polis tidak sepatutnya mengejar dan menangkap orang ramai yang sedang bergerak meninggalkan kawasan perhimpunan atau pun yang telah meninggalkan kawasan perhimpunan. Jadi sebaliknya yang biasa dilakukan ya, menangkap orang yang sedang bergerak walau pun amaran itu hanya diberikan dalam tempoh masa sepuluh saat. Ucapan dan laungan-laungan slogan tidak menjadikan sesuatu perhimpunan itu sebagai satu perhimpunan tidak aman. Tuan Speaker, dalam laporan SUHAKAM 2005 halaman 22 dinyatakan pada bulan Mac satu demonstrasi membantah pendudukan haram ke atas Negara Iraq telah disuraikan secara paksa oleh polis. Walau pun demonstrasi tersebut telah dibenarkan untuk berlangsung dalam masa yang ditetapkan, pihak polis telah dilaporkan sebagai bertindak terburu-buru dalam menyuraikan orang ramai. Walau pun sebelum ini SUHAKAM telah mengesyorkan prosedur untuk menyuraikan perhimpunan. Satu perhimpunan untuk tujuan demonstrasi adalah sah di sisi undang-undang setelah satu permit dikeluarkan bagi tujuan tersebut di bawah seksyen 27 Akta Polis 1997 walau bagaimana pun SUHAKAM masih berpendirian bahawa seksyen tersebut adalah bertentangan dengan hak dan kebebasan untuk berhimpun dengan aman di bawah perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dengan mensyaratkan permohonan permit untuk mengadakan perhimpunan aman. Jadi tafsiran kepada penganjur mansuhkan ISA yang akan berhimpun pada 1 Ogos di bawah anjuran Gerakan Mansuhkan ISA adalah tafsiran yang menepati tafsiran SUHAKAM dalam konteks ini. SUHAKAM menegaskan lagi halaman, dalam halaman 22 kedua-dua pihak SUHAKAM dan Suruhanjaya Di Raja untuk memperbaiki operasi dan pengurusan Polis Di Raja Malaysia telah mencadangkan supaya seksyen 27 Akta Polis dipinda selari dengan norma hak-hak asasi manusia antarabangsa yang menegakkan hak untuk berhimpun secara aman. Apa yang dimaksudkan oleh kedua-dua Suruhanjaya ini adalah sehingga kini amalan dan penguatkuasaan pihak polis terhadap halangan dan sekatan penganjuran ceramah dan perhimpunan aman adalah tidak menepati norma-norma amalan hak-hak asasi manusia di peringkat antarabangsa. Ini boleh dirujuk kepada kedua-dua laporan Suruhanjaya Di Raja, SUHAKAM dan Suruhanjaya Di Raja. Ini kerana *standard* hak-hak asasi manusia

antarabangsa sentiasa menegakkan serta mempertahankan hak untuk orang ramai berhimpun cara aman sedangkan apa yang diamalkan oleh pihak Polis Malaysia adalah cara berterusan dan konsisten, *istiqamah*, menyekat hak berhimpun secara aman daripada ditegakkan oleh orang ramai. Tuan Speaker, dalam halaman 141, 143 Laporan Suruhanjaya Di Raja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Di Raja Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2005 menyatakan kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan adalah hak asasi mengikut halaman 191 perenggan 70 Laporan Suruhanjaya Raid 1997 iaitu pada umumnya dianggap perlu bagi cara hidup demokrasi bebas. Jadi, perhimpunan aman adalah satu syarat yang boleh menyemarakkan hidup demokrasi yang bebas. Demokrasi tidak dapat bertahan mahu pun berkembang tanpa kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf hal ini dan memperuntukkan di bawah artikel 10. Bagaimana pun Parlimen diberikan kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan untuk mengawal hak tersebut atas kepentingan keselamatan Negara, menjaga hubungan baik dengan Negara lain dan ketenteraman awam atau moral. Tuan Speaker, Saya ingin menarik perhatian perbezaan tafsiran kerajaan persekutuan tentang artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dengan apa yang ditafsirkan oleh dua Suruhanjaya. Iaitu Suruhanjaya Di Raja dan Suruhanjaya SUHAKAM. Ungkapan Suruhanjaya Di Raja tentang penambahbaikan polis menegaskan bahawa Parlimen diberi kuasa dalam Perlembagaan Malaysia untuk mengawal hak tersebut atas kepentingan keselamatan Negara. Adalah amat berbeza dengan ungkapan kerajaan Persekutuan daripada jawapan bertulis kepada SUHAKAM 2003 dan menegaskan membenarkan Parlimen mengenakan undang-undang yang lebih ketat bagi kebebasan berhimpun. Ini adalah tafsiran yang sangat bertembung dan Suruhanjaya Di Raja telah membuktikan bahawa *in the spirit* dengan izin of Suruhanjaya Raid yang *review*, yang *direview* pada 1969 menyatakan bahawa ini adalah hak yang perlu dipertahankan oleh Kerajaan. Dengan itu pemimpin-pemimpin BN sentiasa mempunyai kerangka fikir bahawa kuasa majoriti yang mereka miliki di Parlimen boleh digunakan untuk menggubal undang-undang bagi menyekat kebebasan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Laporan Suruhanjaya Di Raja sekali gus merupakan teguran terhadap pemikiran *non democratic* pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, Suruhanjaya Di Raja dalam halaman 142 menegaskan:

- a) Seksyen 27 Akta Polis 1997 adalah undang-undang yang tidak sesuai.
- b) Bahawa cara PDRM menguatkuasakan seksyen ini adalah bercanggah dengan kebebasan hak asasi yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Dengan itu Suruhanjaya Di Raja dalam halaman 142 telah menegaskan bahawa Perlembagaan Persekutuan dan Akta Polis 1967 memberi kuasa kepada Polis untuk mengenakan sekatan berdasarkan alasan tertentu dalam membenarkan hak asasi untuk mengadakan perhimpunan. Bagaimana pun, syarat berlebihan dan melampau sering dikenakan oleh Polis terhadap rakyat. Ini sekali gus mencabul hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dalam halaman 143 Suruhanjaya Di Raja menyatakan Seksyen 27A, 27B dan 27C Akta Polis seterusnya menghakis kebebasan bercakap dan bersuara yang menjadi simbol utama demokrasi. Ini adalah laporan daripada Suruhanjaya yang dibentuk oleh kerajaan sendiri. Dan dalam muka surat 73, 74 laporan tersebut menarik perhatian tentang *public rating* dengan izin penggredan, penggredan awam atau pun *public rating* terhadap prestasi polis terdapat beberapa bidang kepolisan dan antaranya bidang kepolisan rompak dan kecurian daripada responden 53.4% mengatakan tidak, sangat tidak berpuas hati tentang prestasi polis. Bidang kepolisan jenayah, terancang dan perkumpulan 46.1% sangat tidak berpuas hati terhadap prestasi polis. Jenayah berkaitan dadah 45.8% sangat tidak berpuas hati. Jenayah keganasan 41.5% sangat tidak berpuas hati. Jenayah perdagangan 40.7%, pencegahan jenayah 40%

boleh dikatakan *fail* dengan izin gagal. Kalau dinilai dari segi responden yang mengatakan berpuas hati rompakan dan kecurian hanya 15.9% sahaja yang berpuas hati. Jenayah terancang dan berkumpulan 19%. Jenayah berkaitan dadah 20%. Jenayah keganasan 23%. Jenayah Perdagangan 20.3%. Pencegahan jenayah 19.4%. Tuan Speaker, hasil kajian di atas menunjukkan tahap kebimbangan yang serius di kalangan orang ramai berkaitan dengan keselamatan dan jenayah di negara ini. Tahap kebimbangan terutamanya berkaitan dengan jenayah adalah paling tinggi dan memerlukan perhatian serta-merta. Begitu juga, tahap kepuasan terhadap PDRM di kalangan rakyat adalah amat rendah sekali. Jelas, bahawa tindakan serta-merta dan berkesan perlu diambil bagi menangani kebimbangan orang awam dan mengembalikan keyakinan mereka kepada sistem kepolisan. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dimulikan, Suruhanjaya Diraja melaporkan dalam Halaman 142, maklumat dan maklum balas yang diterima menunjukkan polis tidak bersikap berkecuali. PDRM seolah-olah tidak mengiktiraf perhimpunan dan perarakan yang dianjurkan oleh pihak dan pergerakan yang mempunyai hubungan dengan parti pembangkang. Ini bukan kenyataan saya tapi Laporan Suruhanjaya dalam muka surat 142. Ditegaskan lagi, Suruhanjaya Diraja juga menerima aduan bahawa Pegawai Kanan Polis menggunakan kedudukan mereka untuk memberi kemudahan agar parti-parti pemerintah boleh mengadakan ceramah-ceramah dan sebagainya dan malah menyertai perhimpunan. Pegawai Kanan Polis sendiri menyertai perhimpunan yang berkaitan dengan parti pemerintah. Di samping itu, dalam muka surat 143, Suruhanjaya Diraja juga melaporkan malah ada dakwaan terdapat kes di mana apabila penganjur cuba memenuhi syarat, contohnya dengan menempah ruang tertutup, pemilik ruang pula diberi amaran agar tidak bekerjasama dengan penganjur.. dengan penganjur dan seterusnya menggagalkan usaha untuk mengadakan perhimpunan yang aman. Dalam laporan terhadap perhimpunan 100,000 rakyat pada 5 November 2000, di Lebuhraya KESAS, Suhakam pada *'Enquiry 2/2000 Part I'* dengan izin, yang dicetak pada tahun 2002 telah membuktikan terdapat provokasi yang dijalankan oleh pihak polis untuk mengganggu perjalanan perhimpunan aman. Dalam halaman 47/48 terdapat kes Inspektor Azmi Bin Yahya, *'Witness 44'*, W44. Iaitu seorang anggota polis Cawangan Khas, *'Special Branch'*, Suhakam melaporkan, dengan izin, *'Suhakam has received complaint that Police Personnel try to disrupt peaceful gathering by creating violent scenes so that they have an excuse to arrest members of the gathering. The Panel finds that it is more probable that the assault on Witness 44 was orchestrated to turn on otherwise peaceful gathering into violent one'*. Iaitu Inspektor Azmi mendakwa dia dipukul oleh sekumpulan orang yang tak dikenali dan kemudian diselamatkan oleh seorang daripada mereka. Jadi ini membuktikan ini satu perancangan sandiwara yang tidak kemas. Dalam laporan berkenaan perhimpunan 100,000 rakyat di Lebuhraya KESAS, iaitu di halaman 50 Suhakam menegaskan *'the agency responsible for the human rights violation is the Police'*. Saya ulang, *'the agency responsible for the human rights violation is the Police'*. Tuan Speaker, dalam laporan SUHAKAM *'Freedom of assembly'* yang dilampirkan. Kenyataan media Suhakam bertarikh 9 Ogos 2000 tentang perhimpunan pada 8 Ogos 2000 di Dataran Benteng. Tarikh ini ialah tarikh keramat pada ramai orang, 8 Ogos 2000 di Dataran Benteng, berdepan dengan Mahkamah Persekutuan Kuala Lumpur. Seperti terkandung dalam halaman 30 SUHAKAM menegaskan dengan izin, *'eventhough speeches of shouts of Reformasi continued to be made, the Police use their discretion to allow some level of freedom of assembly. The assembly while noisy was peaceful. The leaders maintain discipline over their supporters'*. Saya adalah salah seorang pemimpin yang mengatur orang ramai dan juga berucap dalam perhimpunan yang dinyatakan dalam laporan ini pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, selepas 8 bulan Suhakam mengeluarkan kenyataan media di atas yang menegaskan bahawa perhimpunan tersebut adalah perhimpunan aman pada 8 April 2001 saya ditahan di bawah ISA. Selepas hampir 60 hari saya disoal siasat, saya dikenakan perintah tahanan 2 tahun untuk merengkok di kem Kamunting Perak. Salah satu daripada 5 alasan yang sebab saya ditahan adalah berbunyi, 'bahawa kamu pada 8 Ogos 2000 di Dataran Benteng berhampiran bangunan Hong Kong dan

Shanghai Bank, Jalan Lebu Ampang Kuala Lumpur, telah menyertai satu perhimpunan haram yang dihadiri lebih kurang 350 orang, penyokong anasir reformasi dan dalam perhimpunan tersebut kamu telah berucap serta menghasut orang ramai agar meneruskan demonstrasi jalanan. Inilah dia sikap tidak hormat pihak polis terhadap laporan SUHAKAM yang telah mengeluarkan kenyataan dan pendirian bahawa perhimpunan 8 Ogos 2000 adalah perhimpunan yang aman, yang sejahtera tetapi tuduhan untuk membolehkan saya ditahan di Kem Kamunting adalah kononnya menyertai satu perhimpunan haram. Penahanan saya serta alasan-alasan saya ditahan di bawah ISA dengan jelas membuktikan bahawa polis diperalatkan demi menjaga kepentingan pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional. Sebagai penutup Tuan Speaker, di atas kegigihan mempertahankan hak kebebasan rakyat dan prinsip-prinsip demokrasi, usaha yang dilakukan oleh Ahli-ahli dan barisan pimpinan DAP seperti yang telah ditunjukkan terutamanya oleh ADUN Teratai hendaklah disanjung dan dihargai. Dan dengan ini saya mengusulkan agar Dewan meluluskan, menyokong dan meluluskan usul ini. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Ya, Tuan Speaker, saya ingin menyokong usul yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang. Saya sebagai mangsa di bawah kezaliman Barisan Nasional dan juga mangsa pihak polis pada kebelakangan ini, ingin menyertai perbahasan usul ini kerana Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkarangan 10-1B mengatakan semua warga Negara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata telah jelas menyatakan bahawa perhimpunan secara aman merupakan hak asasi rakyat Malaysia walaupun semangat Perlembagaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai satu negara demokrasi, kerajaan sentiasa mengguna..kerajaan Barisan Nasional sentiasa menyalahgunakan Akta Polis 1967, Seksyen 27 yang meminta supaya sebarang perhimpunan yang hendak dibuat, hendaklah menyertakan permit pihak polis. Kalau hari ini, pihak polis tidak memihak kepada sesiapa pun, semua permohonan akan diluluskan, ini saya tak ada masalah, tetapi sekarang apa yang kita nampak jelasnya pihak polis hanya memihak sesuatu parti sahaja atau Barisan sahaja. Yang mana jelas menunjukkan, minggu lepas Jumaat apabila Yang Amat Berhormat nak turun padang ke DUN Teratai dengan keputusan satu hari sahaja, saya hantar satu surat melalui penolong saya kepada pihak polis tetapi pihak polis enggan nak terima surat, surat saya '*chop sign*' diterima pun tak nak buat. Tak payah ucap apa..surat permohonan sebab itulah jelas menunjukkan polis sudah menerima arahan dari sebahagian ahli politik ataupun sesiapa dari mana-mana pihak supaya kita tidak boleh memohon permit polis. Saya bagi contoh-contoh mengapa saya kata polis memihak ialah, ini gambar menunjukkan 10 Februari 2009, Pemuda UMNO yang menyertai satu demonstrasi walaupun mereka mengatakan bahawa demonstrasi ini selalu katakan bukan budaya kita, bukan rakyat Malaysia tetapi mereka pun sudah bermula berdemonstrasi pada masa itu demonstrasi mengenai satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Karpal Singh mengenai isu-isu di Perak tetapi polis tidak mengambil sebarang tindakan apa-apa pun tak ada. Dan juga pada kebelakangan ini MCA merupakan satu parti selalu yang mengagung-agungkan saluran dalaman or '*internal system*' dengan izin, untuk menyelesaikan masalah..pun mula buat demonstrasi, 3 kali dalam 2 bulan di kawasan Parlimen Pandan dan dianggotai oleh Menteri Pengangkutan dan juga Ahli Parlimen di Pandan juga. Untuk apa? Untuk isu mempertahankan Dewan Orang Ramai MCA. Itu sahaja, yang merupakan satu dewan setingan di bawah kawasan MPAJ. Jadi kedua-dua perhimpunan yang dianjurkan oleh parti tersebut tidak dihalang oleh mana-mana pihak polis dan biasanya mereka bersurai dalam setengah jam atau satu jam, ini kemungkinan gaji yang dibayar oleh itu para penghimpun sudah tamat masa lah, tempoh masa tamat jadi mereka bersurai dalam setengah jam. Gaji, ada gaji RM 50 itu yang saya diberitahu lah untuk setengah jam. Tapi contoh-contoh Pakatan Rakyat apabila..bukan Pakatan Rakyat sahaja, NGO buat demonstrasi

atau perhimpunan kemungkinan menentang dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional, mereka bukan sahaja tidak dapat permit tetapi selalu, dengan ini terpaksa bersurai dengan menggunakan pancutan air atau dihujani dengan tembakan gas pemedih mata. Ini jelas tunjukkan pada masa itu mereka meminta supaya memalsukan PPSMI sahaja, itu pun diberi layanan begitu pemedih mata, berapa orang ini semua saya pun tak pasti lah. Tapi ini, saya sebagai wakil rakyat sudah 3 kali ditahan bawah pihak polis. Pertama kalinya ialah 7 Mei dalam satu restoran yang berlokasi di hadapan DUN Perak. Saya ditahan apabila saya ditemu janji oleh 2 wartawan, itu sahaja, pada masa pagi. Kali kedua, saya ditahan selama 8 jam pada 19 Jun 2009 apabila saya menyala lilin demi kematian demokrasi di negeri Perak di bawah pejabat Ahli Parlimen Seputeh. Kali ketiga, teruk sekali, berlaku pada 21 Jun apabila kita, ada 16 orang yang berbaju hitam sebenarnya ada 50 lebih tetapi ditahan 16 orang sahaja yang berbaju hitam termasuk saya dan 2 orang Ahli Majlis tengah menyambut hari jadi Setiausaha Media Yang Berhormat Lim Kiat Siang di bawah pejabat saya sendiri sahaja tanpa menggunakan..ini saya katakan bukan demonstrasi, bukan piket sebab pada masa itu tidak ada sepanduk, tidak ada pembesar suara, tidak ada slogan, cuma 1 kek dan beberapa lilin, itu sahaja..dengan baju hitam. Mungkin lilin dan kek itu ada maksud yang lain jadi mereka terlalu sensitif, polis memang takut dengan lilin ataupun kek, saya tak faham lah. Saya ditahan selama 4 hari 3 malam semua sekali. Saya hendak menegaskan, kes-kes jenayah seperti kes samun ataupun kes ragut semakin meningkat di kawasan Ampang tetapi tidak ada tindakan dari pihak polis. Baru-baru sahaja, ini masih *'fresh'*, dengan izin, semalam ada seorang lelaki yang berbadan besar datang ke pejabat saya rampas semua itu, borang warga usia emas, tiba-tiba. Dia rampas secara orang biasa, kita menghalang dia keluar dari pejabat saya apabila seorang penolong Ahli Majlis menghalang dia, itu penolong Ahli Majlis dipukul oleh orang tersebut sampai dia berdarah dan dia sudah buat laporan polis. Pelaku, suspek itu, berani sangat mencabar kita supaya pergi balai polis, itu kita pun pergi balai polis buat laporan. Suspek tersebut ditahan semalam dan dilepaskan awal pagi ini. Walaupun *'IO report'*, *Investigation Office Report'*, belum lagi dijalankan, mangsa kita pun belum pergi buat itu *'IO report'* tetapi suspek boleh dilepaskan begitu sahaja, kurang daripada 24 jam. Tetapi apabila kita nyala lilin dengan kek ditahan 4 hari..4 malam 3 hari. Dengan alasan apa? Tak cukup kakitangan. Sini saya nak buktikan apa maksud ini tak cukup kakitangan. Okey, apabila 21 Jun, kita menyambut hari jadi kawan kita, polis sudah mula meronda di kawasan pejabat saya sejak awal pagi walaupun saya tidak maklumkan apa-apa kepada polis tetapi mereka sudah tau. Kita ada, kemungkinan ada satu kes yang berlaku. Rondaan polis tidak berhenti-henti pada hari itu. Pada masa petang, lagi teruk, polis periksa semua kereta yang ingin masuk ke Taman Muda. Semua orang balik ke rumah kena diperiksa oleh polis. Jadi hari itu memang kesesakan yang memang teruk di kawasan Taman Muda. Dan tutup semua jalan masuk dan keluar pejabat saya. Semua jalan masuk termasuk saya, kereta saya sendiri tidak boleh masuk ke perkarangan pejabat saya. Pada ketika itu, mungkin saya nak bagi maklumat yang tepat sekali, kira-kira 200 pegawai polis bukan 40, 200 pegawai polis termasuk *'FRU'* dan *'Special Branch'* dengan izin, mengepung pejabat saya. Nampaknya tiba-tiba tanpa ramai orang pegawai polis, mengapa pihak polis kata tidak cukup kakitangan. Ini saya memang tak faham. Kita ditahan selama 4 hari 3 malam pada masa kita ketika di mahkamah, polis mengatakan sebab kita tidak cukup orang kena ada masa yang panjang sikit untuk buat menyiasat..kita hanya ada 16 orang sahaja yang ditahan tetapi 200 orang pegawai polis tidak boleh membuat apa-apa siasatan, *'statement'* pun tak boleh ambil. Apa maksud itu tidak mencukupi kakitangan? Saya memang tak faham. Jadi saya, itu bukan sahaja pihak polis tetapi kita nampaknya mahkamah pada masa itu juga memihak kepada polis jadi kita ditahan lah. Dan saya memang itu, menegaskan saya tak berapa faham mengapa polis sangat berminat untuk menahan wakil rakyat dan rakyat biasa. Apabila kita nampak kes berlaku macam semalam yang berlaku di pejabat saya, polis kata dia tidak boleh buat apa-apa. Dia kata ini mengikut Akta. Okey, mengikut Akta, tapi saya hanya buat satu SMS balik kepada salah seorang polis cakap saya bukan nak apa-apa tapi saya cuma nak

dapatkan keadilan sahaja saya takut nanti suspek balik ke pejabat saya nak ugut orang saya lagi. Jawapan yang saya dapat dalam sms itu, dengan izin ya dia dalam Bahasa Inggeris, 'YB, *if you want justice you need to do justice. Even a suspect has got his right under the law. If he went back to your office, lock him and call the police. Suspect action amount to trespassing*'. Dia kata kalau saya nak 'justice', saya nak jadi peguam lah mungkin. Tapi saya rasa ini amat mengecewakan saya sebab ini kes, suspek itu bukan hari itu dia kacau di pejabat saya tetapi 2 hari sebelum ini, ini saya maklumkan 2 hari sebelum ini, dia sudah pukul seorang JKP bawah seorang Ahli Majlis, juga di DUN Teratai. Ini sudah kes yang kedua. Saya tak faham adakah dia diarah oleh orang lain ataupun dia ada '*mental problem*' dengan izin, tetapi kenalah kalau ada '*mental problem*' hendak hantar mereka masuk, itu orang masuk ke '*mental hospital*' dengan izin, bukan..

TUAN SPEAKER: Ya..Yang Berhormat, boleh tunggu sebentar.

YB PUAN LEE YING HA: Ooh ya, ya maaf.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut : Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan pada hari ini sehingga semua urusan yang berkaitan dengannya selesai dijalankan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

TUAN SPEAKER: Dipersilakan. Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Speaker. Ok walaupun saya sebagai seorang ADUN Teratai dan merupakan pihak pemerintah di Negeri Selangor tetapi saya tidak dihormati oleh pihak polis. Setiap kali, saya membawa penduduk membuat laporan di balai polis Pandan Indah atau IPD. Ampang. Contohnya, kita membuat satu laporan polis mengenai *statement* hasutan daripada penyokong UMNO pegawai polis bukan sahaja menghalau penduduk yang ingin membuat laporan polis ini dan juga tutup pintu balai polis bukan pintu luar, pintu luar dan dalam dua-dua pun tutup. Perkara tersebut bukan sekali sahaja berlaku tapi tiap-tiap kali. Jadi saya, ini pasukan polis sudah lupa balai polis adalah tempat awam dan peranan polis adalah melindungi rakyat. Saya percaya tidak ada balai polis di dunia ini tutup pintu apabila kita nak buat laporan polis. (Ketawa). Kalau saya runding-runding, dia kata ok cuma dua orang sahaja boleh masuk. Saya tanya apa maksud dua orang sahaja boleh masuk buat laporan polis, kalau ada lima kes berlaku pada masa yang sama mengapa tak boleh lima-lima masuk. Dia kata tak boleh (tepek meja).

TUAN SPEAKER: Mungkin Yang Berhormat garang sangat lah. (Ketawa)

YB PUAN LEE YING HA: Oh! Saya tak garang lah.

TUAN SPEAKER: Mungkin lembut sikit, mungkin dia bagi.

YB PUAN LEE YING HA: Saya garang tapi ada lembut, lembut garang pun tak pa. Mereka tak juga kata *sorry*, tak boleh dua orang sahaja. Itu jawapan lah. Bukan satu kali, dua tiga kali, dua kali, tiga kali pun macam tersebut, jadi saya garang atau lembut macam sama sahaja. Jadi saya nak ingatkan itu pihak polis kita rakyat yang membayar cukai semua balai polis ataupun gaji-gaji polis adalah kita yang bayar. Mereka sudah lupa ini dia sebagai perlulah menjalankan tugas mereka sebagai neutral profesional dan mesra. Polis sepatutnya menjadi kawan rakyat dan bukan pembangkang rakyat. Tuan Speaker, saya sebagai wakil rakyat ingin mewakili rakyat untuk menyarankan tentang kecekapan polis dalam menangani kes-kes jenayah. Terdapat ramai penduduk mengadu kepada saya apabila rumah mereka di pecah atau di samun, polis selalu melengah-lengahkan masa untuk pergi ke tempat kejadian walaupun dalam dasar-dasar polis mereka hendak sampai ke tempat kejadian dalam 14 minit. Tapi biasanya kita terima aduan ialah 45 minit baru sampai. Walaupun balai polis memang-memang dekat tempat kejadian kurang daripada 500 meter. Saya bagi satu kes contoh berlaku di Pandan Perdana yang mana penduduk di serang dan dirompak. Keluarga telefon dan minta bantuan dari polis tetapi pihak polis sampai hanya 14, 15 minit sahaja dan pada ketika itu, ada dua balai polis yang memang dekat, satu dari Pandan Perdana tempat kejadian itu dan juga Pandan Indah. Dua-dua balai polis kurang 500 meter dari tempat kejadian. Jadi memandangkan pasukan polis hanya begitu cekap dan bijak dalam proses menangkap saya dan tutup pintu masuk ke pejabat saya dan pastikan saya boleh di tangkap pada malam itu dan dituduh perhimpunan haram. Sebaliknya melengahkan masa dalam menangani kes-kes jenayah telah merisaukan saya. Adakah saya perlu mengambil tindakan supaya menyala lilin di setiap taman setiap malam supaya polis akan pergi menjaga keselamatan taman-taman tersebut sebab nampaknya polis lebih sensitif dan tertarik dengan lilin yang kita nyalakan. (Tepuk meja). Akhirnya, akhir kata saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengadakan dialog dengan CPO Negeri Selangor untuk menyalurkan pandangan ADUN dan hasrat rakyat Selangor. Kita bersedia, selalu bersedia bekerjasama dengan polis tetapi pada masa yang sama kita perlu sama-sama mempertahankan hak asasi manusia yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Dengan ini, Teratai ingin menyokong Usul ini. Terima kasih.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker. Subang Jaya mahu turut membahaskan Usul ini. Baru-baru ini, Yang Berhormat Teratai dan Ahli Parlimen Serdang telah ditangkap kerana memakai baju hitam, memegang lilin walaupun mereka berhimpun secara aman. Dua wakil rakyat ini, orangnya kecil dan sopan. Saya langsung tidak dapat mengesan sebarang petanda bahawa mereka ancaman kepada keselamatan negeri. Kumpulan yang berkumpul kecil sahaja nak tubuh pasukan bola sepak pun tak cukup tapi berpuluh-puluh anggota polis ditempatkan untuk menjaga dan menangkap mereka. Ini satu pembaziran anggota kakitangan polis, kita bandingkan dengan satu insiden yang telah berlaku pada bulan Julai 2006, di mana lebih kurang 1,000 orang telah dipimpin dan diketuai oleh Khairy Jamaluddin dan telah membuat tunjuk perasaan beramai-ramai di Kuala Lumpur *Convention Centre* semasa *Condolirelize* sedang bermesyuarat. Golongan ini telah menolak penghalang dan Khairy Jamaluddin telah berkata (dengan izin) *came down now or I will walk true this door I have no more passion* (dengan izin). Ini yang saya petik daripada *Daily Express Independent National News Paper of East Malaysia*. Artikel ini juga telah melaporkan bahawa seorang rakyat mengalami kecederaan dalam insiden tersebut. Saya nak tanya polis, kenapa ada dua

jenis layanan diberi kepada golongan yang berhimpun? Bandingkan kes Khairy Jamaluddin dengan kes Jyenis Lee dan Tony Ching. Khairy ada lebih kurang 1,000 orang dan ada yang cedera. Jyenis dan Tony Ching pasukan bola sepak pun tak cukup, tak ada orang cedera hanya berpakaian hitam dan pegang lilin. Itu pun berpuluh-puluh polis datang dan tangkap mereka. Mana keadilan? Ke manakah hilangnya hak kebebasan rakyat untuk kehidupan, untuk berhimpun secara aman. Pakai hitam tak boleh, pegang lilin tak boleh jika begini ramai orang yang menghadiri upacara pengebumian jika pakai hitam dan pegang lilin pun boleh ditangkap. Mana logiknya, ini Orang Cina ada risiko paling besar kerana budaya pengebumian (tepek meja) memang begitu. Pakai hitam satu keluarga, pegang lilin ataupun *joystik* mereka boleh dituduh pro Pakatan Rakyat untuk krisis Perlembagaan di Perak. Satu lagi kes baru-baru ini sahaja lah, laporan akhbar 22 Jun 09, menyatakan bahawa 900 orang ya bukan 90, 900 anggota polis telah dihantar untuk menyekat penduduk Klang untuk menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh sahabat saya Charles Santiago. Permit polis telah diberi dan kemudiannya dibatalkan pada saat akhir. PA *system* diambil oleh polis dan wakil rakyat tidak diberi peluang untuk berucap. Tuan Speaker, mana ada orang menganjurkan majlis makan tanpa *sound system* dan tanpa ucapan. Majlis perkahwinan dan mesyuarat biasa di MPSJ pun biasanya ada ucapan. 900 polis dan anggota FRU dihantar untuk menghalang majlis makan malam, patutlah bila tiba masa menangkap penjenayah tak cukup kakitangan. Di Subang Jaya, setiap seksyen perumahan mahu mengadakan skim komuniti berpagar kerana polis kata tak cukup kakitangan. Polis kata tak cukup tenaga kerja untuk membuat petrol yang mencukupi tetapi untuk menghalang parti politik DAP daripada mengadakan majlis makan malam di Klang ada pula 900 polis yang diperuntukkan. Saya desak, Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein untuk menunjukkan semangat yang sama dalam menangani kes jenayah. Saya benar-benar sedih melihat agensi-agensi seperti polis, MACC, SPR yang seharusnya bebas daripada pengaruh politik kini telah menjadi satu alat politik untuk menyekat kebebasan sistem demokrasi di negara ini. Kes Kugan dan pelajar Koh Chong Weng telah berlaku di Subang Jaya sehingga hari ini kita tidak tahu hasil siasatan dan tindakan yang akan diambil. Bila Menteri Dalam Negeri akan menjawab persoalan ini? Sebagai anak muda negara ini, saya sedih melihat bagaimana kakitangan kerajaan berasa mereka berhutang kepada Barisan Nasional. Sama ada polis, guru-guru sekolah ataupun kakitangan PBT, masing-masing lupa bahawa gaji mereka datang daripada pembayar cukai dan bukan Perdana Menteri, Barisan Nasional, UMNO dan MCA. Dalam masa setahun ini, saya telah berkenalan dengan ramai polis di kawasan DUN saya. Kebanyakan mereka banyak membantu dan bagus dalam menjalankan tugas. Pendapat saya, mereka hanya menurut perintah. Pemimpin Barisan Nasional mesti berhenti menggunakan pihak polis sebagai ejen mereka. Ini satu jenis penyelewengan. Guna wang rakyat melalui agensi polis untuk menyebarkan agenda politik mereka. Dengan ini saya menyokong Usul dan menyeru pihak polis agar menumpukan tugas dalam menjaga keselamatan rakyat dan bersungguh-sungguh menangani jenayah dan tidak tunduk, tidak tunduk, maaf dan tidak tunduk kepada tekanan politik dan arahan mana-mana pemimpin Barisan Nasional dalam menjalankan tugas mereka. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Tuan Speaker, Kota Damansara ingin membahas Usul Hulu Klang yang berkaitan dengan menegur tindakan polis. Telah diperkatakan tadi ada laporan terhadap hak asasi kebebasan dari SUARAM, SUHAKAM, MST International kesemuanya menunjukkan pencabulan terhadap hak rakyat biasa juga kita dapat lihat bahawa banyak perkara yang telah disebutkan khususnya dari segi umum berkaitan dengan bersih, berkaitan dengan harga barangan, anti perang, HINDRAF, reformasi, hari pekerja, ISA, Perak dan juga secara khusus di tempat ladang peneroka bandar kilang, petani. Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyentuh isu ini dari sudut pengalaman saya dan juga

kawan-kawan seperjuangan. Pengalaman saya berdepan dengan polis tu boleh katakan lebih 30 tahun, rasa tua betul. Juga pernah ditahan di bawah ISA dan juga *lock up* dah 10, 15 kali dah tak tahu kira dah. Banyak kali tidur dalam *lock up*.

TUAN SPEAKER: Lebih daripada Teratai ya.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Ya. Lebih-lebih dari Teratai, maklumlah pasal saya lebih tua dan tak mahu kira dah tapi semuanya berkaitan dengan masalah di mana sikap pihak polis yang tidak berkecuali, rakyat dimusuhi kalau boleh rakyat tu, kalau boleh ikut hati mereka dia tidak benarkan rakyat keluar rumah supaya tidak ada berlaku apa-apa pun. Begitulah sikap mereka, walhal seperti mana yang dikatakan oleh YB. tadi. Berkenaan dengan bahawa kita yang membayar gaji mereka tetapi mereka memusuhi kita seolah-olah kita yang buat jahat, walhal kita ingin mempertahankan hak yang mendedahkan penyelewengan ini juga satu masalah pada mereka. Juga saya dapat lihat dari pengalaman saya yang lama ini mereka berpakaian uniform mengganas. Apa yang dikatakan *gangsters in uniform* dengan izin. Ini yang menyedihkan kerana kita dapat lihat bahawa ini semua berkaitan dengan kebebasan hak asasi, juga untuk berhimpun, bersuara, ber..... termaktub dalam Artikel 10....apa ni... perlembagaan persekutuan. Kami tetap bersyukur kerana kerajaan negeri Selangor berusaha menyanjungi demokrasi keadilan...keadilan..ketelusan. Bertindak demi kepentingan rakyat, demi kepentingan kemanusiaan. Pencabulan hak ini memang ada paten tertentu, yang atau kita fikirkan. Ia bukan berlaku sahaja semasa kita berhimpun, sebelum, semasa dan sesudah. Ya...telah diperkatakan bahawa polis tak beri permit, kalau diberi permit, saat-saat terakhir ditarik balik. Ia sengaja mempermain-mainkan hak kita, ia kerana bila mereka memberi permit, kita sudah mengaturkan program-program, dan sesuka hati mereka, mereka boleh tarik balik. Menyebabkan bercelaru dari segi program kita. Kerana itu yang mereka mahu melakukan. Meletakkan syarat-syarat sehinggakan tak payahlah ada ceramah, tak ada perhimpunan. Kerana syarat-syarat tu terlalu ketat, kerana telah saya katakan, bahawa ini lebih bersifat memusuhi rakyat. Ya...kerana saya percaya, tugas mereka adalah untuk melicinkan proses-proses demokrasi, tetapi mereka sebenarnya cuba menghancurkan demokrasi dengan tindak tanduk mereka, kerana mereka juga menerima arahan untuk melakukan sedemikian. Ada kalanya surat ditulis tidak menjawab...tidak terjawab. Aa....1996, semasa Eskimo belum merdeka, kita mengadakan seminar di hotel. Barisan Nasional dengan kawan-kawannya-UMNO, memecahkan pintu bilik *conference*. Dan kita sudah sebelum itu sudah panggil polis. Polis datang lambat, senyum saja dan tidak kisah dengan apa yang telah kita perikatakan. Seolah-olah, memang, pada pandangan saya, mereka sudah menunggu lama di tempat lain, suruh melakukan sesuatu, baru mereka nak mencelah. Kini kami telah su (dengan izin) mereka, berharap kami boleh jadi *millionaire* agaknya. Aaa.... yang penting itu juga, masalah ya, kalau kita pergi bertemu dengan mereka, bukan mahu berbincang secara terbuka, sudah mula cuba mengugut, ya.....menyatakan kalau melakukan sesuatu, mereka akan kerah FRU. Aaa...*fill force special branch*, ya juga kita dapat lihat, pengalaman kami di perembang juga, aaa...polis membantu merobohkan rumah, menggunakan RELA, menggunakan gangster, ya...hingga kami, masa tu saya pun ada sana, terpaksa menegur mereka kerana itu bukan tugas mereka. Tapi mereka melakukan, dan ini sungguh lumrah, ya...kerana pengalaman saya pada masa-masa yang lepas, itulah tugas mereka, membantu pemaju, membantu sesiapa yang berkuasa untuk mengasak masyarakat yang miskin. Selain pada sembur kimia, gas pemedih mata, itu juga dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ada kalanya mereka menggazetkan kawasan-kawasan tertentu supaya kami tak dapat masuk, supaya mereka senang merobohkan rumah. Ya...rakyat cuba mempertahankan tapi mereka ditahan. Kita juga dapat lihat, bahawa semen...semasa ini bermaknanya, kalau kita nak cari orang po...pada masa itu ya...nak cari orang politik, nak cari ketua-ketua polis, memang tidak ada..panggillah. Tak menjawab ataupun sibuk dalam mesyuarat. Walhal ada kalanya pihak, pihak politik, pihak -

pihak polis, berjanji sesuatu pada rakyat , penduduk supaya jangan melakukan aa....perkara ini.. Dengan ini juga kami dapat lihat bahawa pihak polis mengikut arahan, menjadi orang suruhan pada golongan yang kaya...yang kaya, orang yang berpengaruh termasuk kroni-kroni mereka. Kenapa perhimpunan ini berlaku. Kerap kali rakyat cuba melafazkan keluhan mereka, kerana segala pintu perundingan, segala pintu rundingan tertutup bagi mereka. Bukan mereka tidak pergi menemui pihak-pihak tertentu, cuba berunding tapi tidak berjaya. Maka itu juga mereka terpaksa pergi ke jalanan untuk memberitahu pada seluruh dunia bahawa mereka bermasalah tetapi tidak ada seorang yang mendengar, yang datang adalah pihak, pihak polis, keselamatan untuk mengugut dan juga menahan. Sering juga dalam keadaan begini, pihak media massa mengaibkan rakyat yang cuba melafazkan aaa..keluhan mereka. Mereka ..mereka selalunya diburuk-burukkan dalam akhbar-akhbar tempatan dan ada kerap kali juga mereka ingin menyuarakan kerana telah dijanjikan oleh pemimpin politik , bahawa ada sesuatu yang boleh dilakukan, akan dilakukan untuk membantu mereka. Itu pun tak , tak, tak jadi, pemaju juga membantukan , itu pun tak jadi, kerana ada kalanya masalahnya adalah *industrial disappear* (dengan izin), ya...di mana ada masalah dari segi gaji, masalah penindasan di tempat kerja. Kalau kita lakukan aduan polis, tidak ada tindakan. Kalau adapun tindakan, kes jenayah di tafsir kan sebagai sivil , pernah kami pergi jumpa dengan CPO Kuala Lumpur, hingga CPO sendiri terpaksa mengubahkan dari sivil menjadi jenayah. Dan kalau juga kita datang ke tempat tersebut , mereka cuba menghantar ke tempat lain, walhal kalau pemaju datang di ..di balai polis , dalam 15 minit , kes mereka dapat selesai, mereka dapat kopi 1 *round*. Walhal kita menunggulah 1 hari, begitulah perasaan rakyat, kerana mereka merasai, pihak keselamatan, pihak polis bukan kawan mereka, hanya menjadi orang suruhan pada golongan yang kaya. Apabila mereka ditahan, mereka akan dipukul, diterajang, saya pun juga menerima habuan tersebut,...aa..kerana mereka telah menghalalkan keganasan, juga kalaulah penduduk dipanggil ke balai polis dengan alasan bahawa untuk memberi *statement*, mereka datang ke balai polis, ditahan, walhal, para pemimpin ditahan di balai polis, rumah mereka dirobohkan begitu saja. Dan selepas itu mereka dibebaskan, suruh datang apa ni... buat laporan tiap-tiap bulan, pada masa tertentu, kami juga mencabar mereka membawa kami ke mahkamah . Mereka tidak melakukannya. Bermakna penahanan itu, adalah untuk membantu pemaju dan pihak-pihak tertentu untuk merobohkan rumah. Semasa ditahan pula, lain ceritanya, ada yang kena pukul, kena asak, kami sepatutnya dalam lokap tu untuk 8 orang ada masanya 20 orang. Kena tidur berdiri, ataupun tidur sekejap , ganti, ya..inilah caranya untuk cuba mengasak kami, dan juga kami , kalau mereka melambat-lambatkan mengambil *statement* bermakna kita terpaksa ada, lama di sana. Kesalahan kita mudah, mempertikaikan ketidakadilan , mendedahkan penyelewengan, maka yang kaya , golongan kapitalis bersekongkol dengan orang-orang politik , menggunakan jentera-jentera kerajaan, termasuk pejabat daerah,polis, agensi-agensi kerajaan, kehakiman untuk mengasak , menindas dan mengganas terhadap aktivis , dan golongan yang miskin. Maka itu, selagi kita tidak mempertikaikan acuan yang menindas , yang mempertuhankan kepada keuntungan dan kuasa, selagi itulah rakyat akan menderita, bermasalah, selagi itulah penindasan akan berleluasa. Maka itu, bukan saja kita pertikaikan masalah , apa yang telah berlaku pada rakyat oleh pihak keselamatan, tapi kita harus mempertikaikan sistem ini , acuan ini , yang menggalakkan penindasan , yang memberatkan pada golongan yang kaya, yang menghentak, menggasak golongan yang miskin . Tuan Speaker, Kota Damansara menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan pihak kerajaan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Tuan Speaker. Bagi pihak kerajaan, aaa.... saya ingin berterima kasih pada usul yang dibentangkan oleh Hulu Kelang dan disokong oleh Teratai, Subang Jaya dan juga Kota Damansara. Sebenarnya kelakuan dan juga kekerasan, dan juga aaa...sikap....sikap yang berpihak, bagi pihak polis terhadap anggota dan juga

pemimpin di Pakatan Rakyat, memang merupakan sesuatu perkara yang amat aaaa... diperhatikan, yang oleh kita semua. Dan kita lihat, selain daripada apa yang berlaku pada YB Teratai, beliau ditangkap kerana memakai baju hitam, nyala lilin, atas isu aaa...krisis perlembagaan di perak. Dan kita lihat juga, jam... saya difahamkan, jamuan pungut dana beliau, terpaksa sekarang, yang sepatutnya diadakan di kawasan beliau, terpaksa dialihkan di Kuala Lumpur kerana polis menafikan perमितnya walaupun beliau ingin menganjurkan jamuan itu di dalam dewan. Kita juga lihat, yang ,...aaa..YB Kg. Tunku dan juga YB PJ Utara, mereka pernah dibelasah oleh polis, kerana, hanya kerana menghadiri satu perhimpunan aman *vigil*... aa... yang membantah ISA pada...aa....a...pada tahun yang lepas, dan kita lihat, Kg. Tunku dibelasah oleh polis dan baju YB PJ Utara malah dikoyakkan oleh polis. Dan seorang wanita malah kepalanya dcederakan oleh pihak polis. Dan kita juga lihat selain daripada aaa....contoh yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang tentang jamuan DAP di Klang, yang mana diberikan permit, lepas tu dinafikan, dibatalkan permit dan malah *loud speaker* dan juga ceramah, semua tidak dibenarkan. Kita juga lihat EXCO kita, EXCO YB Pandamaran, yang mana beliau telah menghadapi 2 kes di mahkamah, didakwa oleh polis. Salah satu kes ialah yang beliau didakwa kerana melarang kakitangan kerajaan untuk menjalankan tugas, itu satu kes yang sudah 2 tahun, yang dilakukan 2 tahun sebelumnya yang mana 1 kes yang mana malah hampir dilupai oleh pegawai di MPSJ. Kita lihat cara polis menangani YB Pandamaran, di mana mereka masuk ke bangunan SUK, dan mereka mengheret beliau masuk ke balai polis begitu sahaja dan beliau malah tidak dibenarkan oleh pegawai polis yang datang membawa beliau ke balai untuk memberitahu Y.A.B. Menteri Besar dan atau, ataupun, mereka malah tidak membenarkan beliau untuk aa....aa...pergi memberi keterangan kepada polis selepas mesyuarat MMKN. Dan kita juga lihat, selepas itu kerana perhimpunan aman *vigil* ISA, aa...aa... yang dianjurkan di... di PJ, lepas tu beliau pergi menziarahi mereka, masuk ke balai polis, beliau ditangkap di balai polis Petaling Jaya begitu sahaja. Kita lihat yang kes-kes yang ditunjukkan ini, menunjukkan bahawa pihak polis memang 'bias', memang ada prejudis terhadap pemimpin di Pakatan Rakyat. Dan ini memang bukan tanggungjawab polis, kerana tanggungjawab polis adalah menjaga keselamatan kita. Dan bagi kes saya, di mana saya ditahan di bawah ISA, lepas tu yang menteri kata ini adalah cadangan daripada polis. Lepas 7 hari, yang kerana, desakan dan tekanan daripada orang ramai, aa....pihak polis berkata, saya tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan dalam negara. Itu saja saya dibebaskan. Tapi saya dinafikan kebebasan saya selama 7 hari. Kita lihat, yang kes Kugan pula, yang tadi dipanggilkan itu, Kugan lepas tu, aa..lepas beliau mati, pihak polis berkata, beliau adalah seorang penjenayah. Dan beberapa ahli ..ahli YB di Selangor termasuk saya pernah memberi hormat dan juga menyertai perarakan pengebumian beliau. Walaupun beliau seorang penjenayah, siapa yang menjadikan beliau sebagai seorang hero, yang mana majlis pengebumian dihadiri lebih daripada 3ribu orang ialah keganasan polis. Orang ramai sebenarnya amat marah terhadap keganasan yang dilakukan oleh polis dan juga sikap yang tidak natural yang ditunjukkan oleh polis yang mana mereka telah berpihak dari segi politik dan telah pun campur tangan dalam hal ehwal politik. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lihat jenayah di Selangor sebenarnya semakin meningkat. Kita juga lihat banyak pondok telah pun didirikan di tempat kediaman dalam pada jalan raya yang tidak sepatutnya adakan pondok penjaga yang banyak kawasan yang tidak sepatutnya dijadikan *garden* dan *garden* komuniti telah pun ditukar dijadikan *garden* komuniti yang mana melanggar undang-undang yang sedia ada tetapi kita tidak ada pilihan lain kerana jenayah yang semakin meningkat. Dan kita nak tahu kenapakah perhimpunan yang aman seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Teratai hanya 20 orang di tepi jalan saja, itu saja tapi kita lihat polis yang datang, FRU yang datang itu berpuluh-puluh orang datang untuk menangkap mereka. Apakah tanggungjawab polis ini menjadi anggota atau budak suruhan daripada Barisan Nasional untuk mengejar dan menangkap anggota dan juga pemimpin dan Ahli Berhormat daripada Pakatan Rakyat. Saya di sini ingin mengingatkan sekali lagi bahawa tanggungjawab polis adalah menjaga keselamatan dan kita di Selangor ini polis haruslah

mengakui yang kerajaan di Selangor ini adalah kerajaan Pakatan Rakyat dan kerajaan Pakatan Rakyat memang membela dan juga menjunjung hak asasi manusia. Dan kita juga akan dalam sidang yang akan datang akan meluluskan satu undang-undang baru *Freedom Information Act* yang mana kita akan di *classified* banyak dokumen di angkat rahsia supaya orang ramai mempunyai cara untuk memilih saluran terdapat dokumen dan mengetahui kebanyakan keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Akhir sekali saya ingin meminta sekali lagi, mengingatkan sekali lagi bahawa PDRM kita, tanggungjawab mereka adalah menjaga keselamatan, saya nak minta mereka jauhkan diri daripada bidang politik kerana ini bukan tanggungjawab mereka dan mereka haruslah menghormati pendirian baru yang menjunjung hak asasi manusia yang di bentangkan oleh Pakatan Rakyat dalam banyak manifesto dan juga kenyataan kita ini. Saya ingin menyeru pihak polis bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dan jangan lagi menjadi budak suruhan daripada Barisan Nasional untuk melarang banyak aktiviti dan juga perhimpunan yang ingin di anjurkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga kerajaan Pakatan Rakyat. Saya minta kesemua Ahli Yang Berhormat kita menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di depan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa dewan ini menetapkan untuk menegur tindakan polis yang bertindak menyalahi peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan hak rakyat untuk berhimpun secara aman. Tindakan polis menghalang dan menahan beberapa orang wakil rakyat dan orang ramai yang berhimpun secara aman adalah satu pencabulan hak asasi manusia. Dewan menyeru pihak polis agar menumpukan tugas dalam menjaga keselamatan rakyat dan bersungguh-sungguh menangani jenayah dan tidak tunduk kepada tekanan politik dan arahan mana-mana pemimpin Barisan Nasional dalam menjalankan tugas mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

AHLI - AHLI YANG BERTHORMAT: Ya.....

TUAN SPEAKER: Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No. 12 Tahun 2009, usul di bawah peraturan tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan semua Jabatan Kerajaan Pusat di Negeri Selangor yang tidak memasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim dan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap perbuatan tersebut yang bercanggah dengan keputusan rakyat dan sama sekali tidak menghormati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah dilantik oleh Tuanku. Tuan Speaker, sejak perubahan landskap politik tanah air terutama pertukaran kerajaan negeri pada kejutan tsunami 8 Mac 2008 yang lalu buat pertama kali berlaku dalam sejarah politik Negeri Selangor dan juga dewan negeri yang ditubuhkan pada 8 Julai 1959. Susulan daripada itu banyak perkara yang dahulu mungkin dianggap mustahil terjadi kini telah menjadi kenyataan, umpamanya kerajaan negeri Pakatan Rakyat adalah terdiri daripada tiga Parti utama iaitu PKR, DAP dan PAS yang dahulunya dikatakan tidak mungkin bekerjasama kerana enologi perjuangan yang berbeza dan bercanggah di antara satu sama lain. Itulah hakikat dan realiti dunia politik yang sudah menjadi kenyataan dan sudah tentu bukan dikatakan andaian. Bak kata pepatah sekali air bah sekali pantai berubah. Selepas 16 bulan mentadbir urus Negeri Selangor, kerajaan Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato'

Menteri Besar telah di uji dengan berbagai cabaran, rintangan, halangan serta cubaan daripada musuh politik iaitu Barisan Nasional Negeri dan Pusat untuk cuba sabotaj dan sekali gus hendak menggagalkan segala perancangan dan pembangunan dalam pengurusan pentadbiran Negeri Selangor agar mereka dapat kembali memerintah Negeri Selangor. Sementara itu berbagai strategi telah di rancang oleh Barisan Nasional Negeri dan disokong oleh Kerajaan Pusat melalui Agensi dan Jabatan Kerajaan Pusat yang berada di Negeri Selangor dengan kaedah perang saraf, perang psikologi dan sabotaj secara sulit serta menyekat bantuan dana yang sepatutnya dimiliki dan dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor. Segala tindak-tanduk itu tidak lain tidak bukan adalah untuk mencemarkan dan menjatuhkan imej dan kewibawaan kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Justeru itu setelah kurenung dan teliti permasalahan yang timbul di berbagai peringkat termasuk sehingga kini selepas 16 bulan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memerintah masih juga terdapat di setengah tempat khususnya di Agensi Kerajaan dan Jabatan Kerajaan Pusat di Negeri Selangor sebagai contoh di Balai Polis, Hospital, Kemas dan sebagainya masih tidak memasang gambar atau potret Yang Amat Berhormat Tan Sri, Dato' Menteri Besar sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Persoalannya kenapa perkara sedemikian masih timbul sedangkan di pejabat Menteri Besar Selangor sendiri tingkat 21 juga dipasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak atas kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia walau pun beliau bukan rakan seperjuangan dan seangkatan dengan kita. Dalam konteks ini kerajaan Pakatan Rakyat ternyata lebih matang dan menghormati prinsip amalan demokrasi. Saya juga khuatir dan sangsi terhadap motif dan agenda yang tersirat di sebalik tindakan tidak mahu memasang potret tersebut. Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin menyatakan di dalam dewan yang mulia ini bahawa segala tindakan dan perbuatan yang tidak memasang gambar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini dikutuk dengan sekeras-kerasnya kerana perbuatan ini bukan saja biadab dan tidak menghormati kerajaan Negeri Selangor yang dipilih secara sah oleh majoriti rakyat Negeri Selangor tidak kira mereka ini Melayu, Cina, India, Benggali dan sebagainya melalui proses pilihan raya secara demokrasi. Jangan kita ikut perbuatan tidak bertamadun, tidak bermaruah dan keji di mana sebuah kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Perak tanpa melakukan sebarang dosa sama ada mencuri harta rakyat, tanah dan balak ataupun bina istana ala Bali stail tiba-tiba dirampas dengan cara yang jijik dan tidak bertamadun ala lanun, lantaran itu kemelut politik yang di dalangi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib masih berlanjutan hingga hari ini. Tuan Speaker perbuatan tidak mahu segelintir orang tidak mahu memasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar oleh kerajaan pusat seperti Balai Polis, Hospital dan sebagainya sesungguhnya bukan saja bercanggah dengan kehendak dan hasrat rakyat malah tidak menghormati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah dilantik dan di perkenan oleh Tuanku. Sehubungan dengan itu saya merasa kesal dan terkilan dengan segala tindak tanduk kerajaan pusat yang terus menerus melakukan diskriminasi terhadap kerajaan Negeri Selangor dengan cara menyekat peruntukan kewangan yang wajib diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Dalam konteks perbuatan dan kelakuan Kerajaan Pusat Barisan Nasional itu yang paling berpengalaman dalam perkara ini adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan iaitu Tok Guru Nik Aziz ya dan rakyat Kelantan kerana sampai 20 tahun Kelantan pentadbiran PAS rakyat mereka ditekan, dipinggirkan, diugut, disekat tidak dibina jambatan peruntukan dan sebagainya tidak diberi dengan harapan rakyat Kelantan akan kembali menyokong mereka pada pilihan raya yang seterusnya tetapi saya nak memberi ucapan tahniah kepada rakyat Kelantan kerana terus berani memberi kemenangan kepada Pakatan Rakyat di Manik Urai dan di Kelantan. Tuan Speaker, pada masa yang sama hal rakyat Kelantan untuk menikmati dan memperoleh royalti minyak dan gas melalui pengeluaran hasil termasyhur tersebut sejak enam tahun yang lalu telah dinafikan. Lebih kurang sejumlah 1.7 bilion yang sepatutnya dibayar oleh kerajaan negeri telah disekat oleh kerajaan pusat, oleh sebab itu kita di Negeri Selangor mesti

mengambil iktibar daripada pengalaman silam di Kelantan agar perancangan Barisan Nasional dapat disekat dan dicegah. Satu lagi contoh dan bukti yang jelas mengenai sikap Barisan Nasional yang bukan saja tidak memasang ya Agensi Kerajaan yang tidak memasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tetapi melantik secara terang-terangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan iaitu JKKKP untuk melawan atau menyimpang tugas bidang kuasa kerajaan negeri yang sekian lama mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung iaitu JKKK seperti yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh kerajaan Negeri Selangor. Kerja-kerja mereka inilah bukan saja membazirkan wang rakyat tetapi adalah bertujuan untuk memecahbelahkan perpaduan dan mengelirukan orang-orang kampung demi kuasa dan kepentingan politik Barisan Nasional. Tuan Speaker, contoh seterusnya di Negeri Perak Barisan Nasional bukan saja buat kacau dan rampas kuasa malah mewujudkan 2 Menteri Besar dalam satu negeri iaitu satu Menteri Besar pilihan rakyat dari Pakatan Rakyat dan satu lagi Menteri Besar melalui rampasan kuasa ala lanun. Ekoran dari kesedaran rakyat terhadap perkembangan semasa kini rakyat semakin matang dan mudah mengakses rangkaian internet untuk memperoleh mengongkong media dan menutup kebenaran sudah tidak berkesan sama sekali. Justeru itu berhentilah dengan kerja-kerja yang mensabotaj, memburuk-burukkan kerajaan negeri. Walau pun kita sedia maklum sudah mula ada umpan, ada gula-gula biasanya akan dikaburkan oleh Barisan Nasional terutama menjelang pilihan raya umum mulai dikesan dengan menggunakan dana kerajaan pusat, awas jangan cuba memperbodohkan lagi rakyat yang merupakan tuan kepada sebuah kerajaan pilihan rakyat. Itulah mulianya semangat dan amalan demokrasi yang didukung oleh kita bersama. Oleh yang demikian saya sekali lagi menyeru semua agensi kerajaan pusat yang berada di Negeri Selangor agar segera memperbetulkan kesilapan yang lalu dari berbagai-bagai aspek terutamanya memasang semula potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan akur terhadap realiti politik semasa serta menghormati keputusan majoriti rakyat Negeri Selangor yang jelas memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk menerajui Negeri Selangor. Marilah kita bersama-sama mendukung demokrasi prinsip demokrasi dan keluhuran undang-undang dan menghulurkan tangan persahabatan serta mengeratkan hubungan silaturahim sekali gus mengetepikan perbezaan fahaman politik untuk membangunkan Negeri Selangor demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor khususnya Malaysia amnya. Dengan itu saya mohon usul ini disokong dan diluluskan di dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya melihat perlulah semua pihak tidak kira parti mana yang disokong menghormati keputusan rakyat yang memilih Pakatan Rakyat menerajui negeri Selangor. Pihak pusat yang diterajui UMNO hendaklah sedar bahawa arahan para Menteri daripada kalangan mereka ini telah melibatkan para pegawai kerajaan dan juga khususnya para pendidik telah menjadi serba salah dan keliru. Kenapakah peraturan yang melarang ataupun menggantung potret atau gambar Dato' Menteri Besar di jabatan-jabatan kerajaan dilakukan khususnya di semua sekolah-sekolah yang dalam kawalan Kementerian Pendidikan. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa UMNO tidak faham dan tidak memahami serta peka tentang penghormatan meletakkan gambar pimpinan negeri dan pusat dalam jabatan-jabatan kerajaan. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri Selangor dan lain-lain Kerajaan Negeri dalam Pakatan Rakyat sama sekali tidak pernah melarang mana-mana jabatan yang di bawah kawalan Kerajaan Negeri agar tidak menggantung gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak. Gambar Perdana Menteri ada di mana-mana sahaja dalam negeri Selangor ini tidak kira kecil

mana sekalipun jabatan-jabatan itu. Bahkan saya dimaklumkan bahawa terdapat juga gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib ini di Mongolia. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin bertanya apakah salahnya kerana kita menghormati jawatan Perdana Menteri dan kita menghormati jawatan Menteri Besar, maka kita patut bersama-sama menggantung agar kedudukan itu dihormati oleh semua pihak. Walaupun secara prinsipnya semua ADUN Pakatan Rakyat tidak menyokong Najib Tun Razak tetapi kerana kedudukan jawatan itu amat tinggi yang mana ia dipilih oleh rakyat maka kita tidak ada halangan menggantung gambar Perdana Menteri di pejabat-pejabat yang dalam kawalan Kerajaan Negeri sendiri. Jadi kita mengharapkan agar keadaan serupa berlaku di peringkat –peringkat jabatan yang di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan khususnya di peringkat sekolah, jabatan polis dan sebagainya.

Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyeru kepada semua pihak agar kita sama-samalah membawa satu budaya berpolitik yang baru di negeri ini. Kita mengharapkan agar semua pihak terutamanya para Menteri di peringkat pusat memahami kedudukan Menteri Besar ataupun Ketua Menteri adalah satu kedudukan yang tertinggi dalam mana-mana kerajaan negeri. Marilah kita bersama-sama memartabatkan kedudukan itu dan sama-samalah kita membimbing satu cara pemikiran cara berpolitik yang baru. Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyumbang kepada perbahasan tentang isu ini dengan menyatakan bahawa apa yang kita titik beratkan bukanlah isu gambar tetapi isu prinsip di sebalik gambar tersebut. Kerana jawatan Menteri Besar ini merupakan satu jawatan yang dihormati dan termaktub di dalam perlembagaan atau undang-undang tubuh negeri kita dan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian, kalau kita rujuk balik sejarah perjuangan UMNO sendiri UMNO ini lahir daripada pertentangan kepada Gerakan *Malayan Union* yang merupakan sebuah gerakan untuk melahirkan sebuah *Unitary State* dengan izin sebaliknya yang ditekankan oleh UMNO pada waktu itu ialah untuk mewujudkan sebuah persekutuan dengan konsep Federal isme yang mana kuasa Raja-raja Melayu dihormati dan dipelihara. Maka sebab itu hari ini jika kita lihat, ada di negara kita sebuah sistem kerajaan yang berbentuk federal atau persekutuan tapi malangnya walaupun UMNO merupakan mereka yang telah memperjuangkan perkara ini lebih 60 tahun yang lalu tetapi hari ini merekalah yang telah mencabuli prinsip ini sebagaimana yang telah disebut sebentar tadi oleh sahabat-sahabat saya daripada Sekinchan dan juga daripada Sri Muda. Bagaimana kita lihat pembentukan JKKP ataupun penyaluran peruntukan pembangunan melalui pejabat pembangunan negeri dan belum lagi kita sentuh tentang program *People Centric* dengan izin yang telah dilaksanakan oleh pejabat tersebut dalam usaha untuk mengganggu gugat Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat dan akhir sekali kita lihat isu terbaru ialah isu minyak di negeri Kelantan. Seri Setia kerana ada darah Kelantan jadi kita berminat dengan adanya minyak di negeri Kelantan tersebut mana tahu kalau-kalau kita dapat merasa bersama-sama. Yang Berhormat sekalian tapi pada masa yang sama saya memuji di beberapa jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga beberapa agensi GLC Kerajaan Persekutuan yang mana mereka tetap meletak gambar yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor hasil daripada inisiatif mereka sendiri saya sendiri ada mendapat panggilan daripada mereka yang mana mereka meminta untuk mendapatkan gambar tersebut dan mereka membuat secara senyap-senyap tanpa pengetahuan pegawai atasan mereka dan ini saya ingin puji pegawai-pegawai kerajaan tersebut tapi usahlah saya sebut secara spesifik supaya mereka tidak diambil tindakan, jadi Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian yang saya rasa itulah perkara yang nak kita tekankan kita bukan bicarakan isu gambar

atau isu perkara kecil tersebut tetapi prinsip yang mendasarinya, kalau kita di sini sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat tadi kita boleh terima letak gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun kita begitu banyak perbezaan pendapat dengan beliau mengapa UMNO dan Barisan Nasional tidak dapat berlapang dada menerima keluhuran Perlembagaan sebagaimana Pakatan Rakyat dan ini saya rasa amat malang sekali apatah lagi mereka juga mengambil keputusan untuk tidak menghadiri sidang pada hari ini. Tapi saya berharap kita sebagai sidang dewan dapat mengambil keputusan yang tegas dan menyatakan pendirian kita dalam hal ini. Sekian.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin mempunyai bahagian dalam perbahasan menyokong usul ya. Kajang mendapati, apa yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional adalah sesuatu yang memang mengkhianati rakyat dan juga membelakangkan hasrat rakyat untuk memelihara hak rakyat dalam negara ini. Sungai Panjang telah menyifatkan kapal terbang kapal yang dalam proses karam *sinking ship* tadi dengan izin. Sebenarnya, apa yang dikatakan itu, harus dirujuk kepada mereka sendiri kerana dalam kelakuan tidak menggantung gambar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor dan juga di negeri-negeri yang negeri-negeri Pakatan Rakyat kita nampak mereka memang takut. Dari segi psikologinya kita tahu bahawa mereka takut akan segala simbol-simbol ataupun apa yang dapat menyampaikan mesej Pakatan Rakyat. Kita nampak mereka takut pada bayang-bayang ibarat anjing menyalak pada bayang-bayang gila-gila sahaja. Mereka takut pada kebangkitan rakyat selepas 8 Mac 2008, takut pada Pakatan Rakyat yang mendukung hasrat rakyat, takut pada lambang-lambang Pakatan Rakyat, takut pada berita-berita Pakatan Rakyat oleh itu akhbar parti pun mereka tidak luluskan. Takut dengan potret-potret pemimpin Pakatan Rakyat, Ketua-ketua Menteri-menteri Besar negeri Pakatan Rakyat selain daripada itu, kita nampak juga oleh kerana ketakutan inilah mereka tidak menurunkan peruntukan yang seharusnya diturun kepada negeri Pakatan Rakyat iaitu seperti yang disebut Jabatan Perdana Menteri melalui ICU nya melalui Majlis Tindakan Negeri bawah UMNO, Barisan Nasional. Mereka tidak turunkan peruntukkan pada negeri Selangor yang seharusnya kalau setakat 10 peratus daripada cukai yang dibayar itu 8 bilion yang disebutkan ia akan memewahkan lagi negeri Selangor. Oleh itu, Kajang ingin tamatkan ucapan dengan satu sajak ringkas, Biarkan, biarkan mereka ukirkan nama-nama pada batu dengan hasrat dapat berkekalan selama-lamanya tetapi dalam hati rakyat dah lapuk dan reput mereka yang mengkhianati rakyat. Biarkan potret-potret dan muka-muka mereka terpampang di merata muka bumi rakyat tetap menolak mereka yang mengkhianati rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan semua Jabatan Kerajaan Pusat di negeri Selangor dan tidak memasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Sama ada kita suka ataupun tidak suka, kita rela ataupun kita tidak rela kita terpaksa mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia yang telah dipilih sebagai Perdana Menteri pada hari ini dan dengan konsep yang diwarwarkan Satu Malaysia pada hari ini dan juga betapa seronoknya mereka Barisan Nasional yang memerintah kerajaan Malaysia apabila Pakatan Rakyat mula mengatakan kerajaan perpaduan tetapi pada hakikatnya bagi mereka-mereka hanyalah beretorik dengan konsep Satu Malaysia ini yang mana sebenarnya mereka mengamalkan konsep *Double Standard* yang ada dalam kerajaan pada hari ini. Suka saya mengulas kepada laporan ataupun petikan di dalam akhbar Sinar Harian pada Rabu 27 Mei 2009 yang mana sebagai ulasan

daripada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Adat-adat, Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang mengatakan kerajaan Negeri Selangor tiada lagi tiada arahan menghalang wakil rakyat Barisan Nasional rasmi SRE, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Adat Istiadat, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Yang Berhormat Dato' Dr Hassan Mohamad Ali menegaskan bahawa JAIS ataupun MAIS tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan rasmi menghalang wakil rakyat Barisan Nasional hadir ke majlis SRE Sekolah Rendah Agama ketika mengulas kenyataan Ahli Parlimen Tanjung Karang, Dato' Noh Omar. Lain pula halnya dengan 23 Sekolah Menengah Agama yang diserahkan daripada kerajaan negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Tanah dan bangunan adalah hak kerajaan negeri, pelajar-pelajar anak Selangor susah untuk wakil rakyat masuk dalam program-program rasmi. Walau bagaimanapun, telah diadakan perbincangan berulang kali barulah ada sedikit kelonggaran untuk kita masuk di situ, perkara yang lebih teruk lagi di Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan keadaannya cukup berbeza, Sijangkang dimaklumkan ada tekanan dan arahan khusus untuk tidak membenarkan wakil rakyat Pakatan Rakyat untuk masuk sekolah-sekolah ini. Di Kuala Langat, saya sebagai kapasiti sebagai penjaga dan juga Pengerusi PIBG apabila ada program-program rasmi yang melibatkan sekolah ataupun program-program PIBG walaupun dihantar surat jemputan tapi di awal-awal lagi dimaklumkan untuk tidak hadir di program-program tersebut, ini cukup keterlaluan. Saya tidak menyalahkan Guru Besar, Pengetua mahupun Pengarah Pendidikan Daerah ataupun Pengarah Pendidikan Negeri tetapi yang penting sikap Menteri ataupun Barisan Nasional itu sendiri agar sedar supaya mereka tidak mengamalkan *Double Standard* seperti ini. Apakah bezanya kalau Ketua Bahagian UMNO dipanggil, di undang sebagai perasmi dalam program-program rasmi sekolah tetapi kita yang dipilih rakyat dinafikan hak kita untuk bersama-sama dalam program-program yang melibatkan rakyat ataupun anak-anak kita. Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor cukup terbuka kita benarkan UMNO, Barisan Nasional menggunakan kemudahan awam, bangunan, dewan-dewan yang mana tidak pernah berlaku sebelum ini. Tetapi janganlah buat fitnah kepada rakyat kononnya kerajaan negeri mengamalkan dasar yang berbeza dan menghalang keterlibatan mereka. Inilah tingkah laku kerajaan Barisan Nasional oleh itu saya tidak hairan kalau banyak Jabatan Kerajaan Pusat di negeri Selangor yang tidak menggantung potret Menteri Besar, kalau Perdana Menteri Malaysia pada hari ini yang belum berusia setahun pun kita sudah mula menggantung potret di kebanyakan tempat, kalau di Kuala Langat di Pejabat Daerah, di Majlis Daerah Kuala Langat gambar-gambar sudah tergantung di situ. Tetapi kita lihat potret Menteri Besar Selangor yang telah lebih daripada satu tahun ini potret ini masih lagi gagal digantung di seluruh Selangor. Terimalah kenyataan ini, wakil rakyat adalah dipilih secara demokrasi oleh rakyat. Ibarat kalau datang rumah orang beri duit kena tahulah nak berbelanja dengan duit itu jangan pula rasa macam tauke ibarat "masuk kandang lembu pandai-pandailah mengembok". Jadi itulah, kalau ini pun mereka tidak faham memang tepatlah kalau kita kutuk jabatan-jabatan kerajaan pusat yang berada di negeri Selangor ini yang ingkar menggantung potret Dato' Menteri Besar Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Gombak Setia menggulungkan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker. Ada sikit lagi.

TUAN SPEAKER: Cukuplah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih ya Tuan Speaker..dan terima kasih kepada Sekinchan yang mengusulkannya dan Sri Muda, Sri Setia, Kajang dan Sijangkang. Kita lihat walaupun usul ini nampaknya macam usul remeh, tetapi kita lihat teman-teman yang ingin membahar sudah begitu ghairah, sudah tentulah bahawa perkara yang dianggap remeh ini sebenarnya mempunyai rasional, mempunyai kepentingan tersendiri

apalagi kita orang-orang politik, ahli-ahli politik, pentadbir dan sebagainya menganggap bahawa potret itu adalah merupakan lambang-lambang bukan sahaja lambang kuasa tapi lambang ketaatan, lambang kebanggaan dan akhirnya kemungkinannya ialah lambang *rasionalisme* kita. Maka sebab itu, Sekinchan mengemukakan usul ini semata-mata untuk kita menanamkan satu penghormatan kepada pimpinan tidak kiralah siapa juga pemimpinnya, siapa yang melantiknya, siapa yang memilihnya, padahal kalau kita lihat pada pilihan raya yang lalu, majoriti rakyat Negeri Selangor ini memilih Pakatan Rakyat. Sudah tentulah yang majoriti itu ingin melihat pemimpinnya berada di dinding-dinding, berada di tempat-tempat yang biasanya tempat-tempat tontonan ramai dan mereka hendak melihat kebanggaan apa yang telah mereka pilih, kebanggaan apa yang mereka telah calonkan, kebanggaan untuk melihat *the future of the state* yang akan datang ini, yang tergambar pada wajah...wajah Menteri Besar pun saya rasa antara Menteri Besar yang *good and intelligent looking* di Malaysia ini. Jadi sebab itulah, saya ingat agak-agaknya jabatan-jabatan yang ketua-ketuanya wanita yang rasanya ghairah untuk meletakkan gambar-gambar tersebut. Tapi walau apa pun saya memikirkan ya ini.. ini sebenarnya menggambarkan titik-titik dan juga menggambarkan bayangan-bayangan timbulnya *antagonism*, timbulnya ketidak keharmonian dalam kita membangunkan negeri dan membangunkan negara. Sesungguhnya saya memikirkan kepada teman-teman yang tidak hadir ini pun merasakan, ini bukan cara yang betul, ini bukan budaya yang betul, ini bukan silibalsasi yang betul, yang betulnya ialah kita mesti menerima kenyataan. Sijangkang ada menyebutkan, Sri Setia ada menyebutkan, Sri Muda ada menyebutkan, kenyataannya ialah setahun setengah ini Pakatan Rakyat sudah memerintah Negeri Selangor. Setahun setengah ini kita ada *new leadership* di Negeri Selangor ini. Setahun setengah ini kita ada *new vision, new mission*. Setahun setengah ini kita ada pengendali utama untuk menerajui Negeri Selangor ini dan kita menerima hakikat ini. UMNO kena terima hakikat ini, MCA kena terima hakikat ini, MIC kena terima hakikat ini dan khususnya pegawai-pegawai kerajaan kena mesti menerima hakikat ini. Sama ada Federal, sama ada *state* dan saya juga seperti teman-teman yang lain tadi, ada di antara jabatan-jabatan Kerajaan *Federal* yang telah pun menggantung potret gambar Menteri Besar kita, yang ini sesungguhnya kita mengucapkan terima kasih kerana keberanian mereka dan sesungguhnya kita tak mahu benda ni sorok-sorok sebagaimana yang disebutkan tadi. Kenapa mesti sorok-sorok? Bukan kita nak meletakkan gambar...gambar lucah dekat sana tu yang kita nak sorok-sorok tapi sesungguhnya inilah budaya yang ada di Malaysia. Budaya ini tidak sihat di zaman kita dan budaya ini kita meletakkan satu asas ketidaksihatan ini kepada generasi yang akan datang. Saya lebih Tuan Speaker memandangkan ke generasi yang akan datang. Generasi yang *confused* sekarang ini akan melahirkan anak yang generasi yang *confused* pada masa akan datang dan saya orang yang terakhir nak melihat Negeri Selangor ini ditadbir secara *confused* seperti yang kita dapati seperti sekarang ini. Maka dengan itu Tuan Speaker, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan mengharapkan agar teman-teman di Federal, teman-teman di Jabatan- Jabatan Federal melalui usul daripada Sekinchan ini mula memikirkan malam ini, renung betul-betul tentang konsep, rasional, falsafah kenapa kita mesti meletakkan potret gambar Menteri Besar di tempat-tempat yang telah ditentukan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan semua Kerajaan Pusat di Negeri Selangor yang tidak memasang potret Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor iaitu Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim dan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap perbuatan tersebut yang bercanggah dengan keputusan rakyat dan sama sekali tidak menghormati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah dilantik oleh Tuanku.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (Ya).. Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul untuk menangguhkan Dewan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Tuan Speaker sebelum saya mengakhiri cadangan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker dan Pentadbiran Dewan kerana telah dapat menjalankan lagi sekali Persidangan Dewan Yang Kedua Belas dengan penuh erti dan sambutan yang terpenting iaitu Sambutan 50 Tahun wujudnya Dewan Negeri Selangor ini.

Kedua saya ingin juga mengucapkan terima kasih ke atas Dewan ini kerana telah meluluskan belanjawan tambahan sebanyak 120 juta yang mana selain daripada kelulusan tersebut dewan telah memperbahaskan tentang beberapa isu dan mengingatkan pentadbiran Exco dan Kerajaan Negeri supaya berhemah dan juga menjaga aset-aset negeri dan menentukan penggunaan wang itu dilakukan dengan sebaik-baiknya. Dan kita juga menerima beberapa cadangan dan juga pemerhatian tentang aktiviti terutama dari segi *performance* ataupun Kumpulan Semesta yang mana walaupun dari konsepnya diterima tetapi pelaksanaannya mesti di perhebatkan dan diperbetulkan supaya akhirnya mendapat dana yang banyak tetapi kurang kecurian pasir. Juga, saya juga ingin berterima kasih kepada Jawatankuasa SELCAT yang juga membuat satu sejarah lembaran baru dalam Dewan Negeri Selangor ini. Satu sejarah yang mana sekumpulan Ahli-ahli Dewan Negeri yang mengadakan satu perjumpaan yang mana dapat menjalankan usaha supaya dapat mencungkil maklumat-maklumat bukan hanya untuk nak mencari kelemahan seseorang itu tetapi untuk membangkitkan perkara-perkara yang perlu diingatkan supaya kita dapat membetulkan yang salah dan memperbaiki lagi yang baik. Jadi saya berterima kasih kerana usaha tersebut dan dibuat begitu profesional sehinggakan beberapa rakan saya dari Australia melihatnya, dia mengatakan itu satu usaha yang adil dan saya jawabnya Pakatan Rakyat *is based on* adil. Jadi .. tapi yang jelas ini akan menolong kita bukan menghalang kita, menolong kita supaya *governance*, ketelusan dan juga bertanggung jawaban akan menjadi ciri utama dalam pentadbiran negeri dan ini kita lihat dan saya juga melihat beberapa perbincangan yang kita lakukan mengenai di bawah usul untuk memberikan usul supaya kita Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri. Usul itu telah dibincangkan ,saya rasa begitu baik walaupun insiden yang berlaku nampaknya agak kurang memberikan keyakinan bahawa Dewan yang mulia ini mendapati mereka-mereka yang menduduki Dewan mulia ini terdiri daripada mereka-mereka yang sungguh-sungguh ditapis oleh rakyat tapi walau bagaimanapun kita menerima hakikat kita mesti memperjuangkan perkara ini supaya rakyat akan merasa megah kerana mereka-mereka yang mewakili mereka yang di Dewan Selangor ini adalah mereka-mereka yang benar-benar dipilih untuk menyumbangkan perkhidmatannya kepada Negeri Selangor, rakyat dan negara. Saya juga membangkitkan beberapa isu yang saya nak jelaskan sedikit supaya isu ini bukanlah satu isu yang mana kita terpaksa melakukannya tetapi satu isu yang saya ingin membangkitkan kerana konsep *federalisme* ini, persekutuan ini sangat penting kerana kejayaan negara Malaysia, kejayaan Perlembagaan Malaysia adalah hasil daripada konsep *federalisme* ini kerana hubungan antara Negeri dan antara Kerajaan *Federal*, tanggungjawab Kerajaan Negeri dan tanggungjawab Kerajaan *Federal*. Ini merupakan satu aspek yang terpenting, saya takut kalau ini berpanjangan jadi robohlah satu sistem *federalisme* bukan Negeri Selangor sahaja yang akan berubah, Sabah dan Sarawak mungkin berubah dan negeri-negeri lain juga akan berubah. Dan ini akan dipersoalkan, persoalkan sama tanggungjawab, tanggungjawab itu dilihat tentang

kuasa-kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan dan kuasa-kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri dan ada *trade off* nya, hubung antara kuasa-kuasa tersebut. Dan menghormati kuasa-kuasa tersebut adalah sangat penting, oleh itu saya telah tunjukkan Negeri Selangor ini antara negeri yang telah berjaya dibangunkan dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan Malaysia seluruhnya dan juga memberi sumbangan kepada dana persekutuan yang besar. Jadi itu tidak boleh dipersoalkan, itu adalah kenyataan, tapi kenyataan juga mesti dilihat. Pemberian kuasa dana pengutipan dana melalui cukai itu adalah satu perjanjian di antara Kerajaan *Federal* dengan juga Kerajaan Negeri, satu perjanjian yang mana Kerajaan *Federal* akan menyalurkan dana-dana tersebut dengan adil dan tertib kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dia dapat diurus dengan baik dan menjaga ke setiap kewangan yang dialirkan. Tapi di Selangor perkara yang aneh, kita bercakap pasal 50 tahun Dewan ini bersidang. Apabila Pakatan Rakyat mula memasuki dan mentadbir Negeri Selangor terdapat perubahan tentang cara pengaliran, dana pembangunan tersebut. Terdapat pertindihan dari segi pentadbiran di mana kerajaan, pejabat-pejabat negeri yang di panggil Pejabat Daerah itu digandingkan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Selangor atas nama *still* Negeri Selangor tapi ditakdirkan melalui Jabatan Perdana Menteri. Ini perkara tidak berlaku pada 2007, dia hanya berlaku pada dua kosong mula daripada 08 dan sekarang. Ini memperlihatkan satu bukan satu sistem tapi satu pemikiran yang mana apabila berlaku perubahan yang tidak sesuai dan pentadbiran itu diubah dan membelakangkan konsep persatuan *federalisme* ini, itulah sebabnya, kalau itu berlaku rakyat Selangor akan bertanya kepada saya mengapa pembangunan ini tidak disalurkan secara begitu dan mengapa keadilan aliran dana tersebut tidak dibuat. Itulah sebabnya saya mencari beberapa *option*.. ini *option* yang boleh digunakan. *Option* antara lain yang melihat bagaimana dana itu boleh disalurkan melalui satu sistem yang mana orang yang membayar cukai itu tidak rugi dari segi cukainya, dan dari segi perbelanjaannya tetapi wang tersebut wang cukai itu dapat disalurkan balik untuk kegunaan rakyat.

Itulah sebabnya saya menggunakan beberapa perkataan seperti Baitulmal, penggunaan zakat dan sebagainya. Jadi boleh jadi orang yang sekarang takut zakat itu pula digunakan untuk pembangunan. Lembaga Zakat Selangor tak payah takut tentang perkara ini tak payah. Dia tak ada kena mengena dengan perkara ini. Apa yang berlaku sekarang akan berlaku tetapi konsepnya kita akan membuat satu dana yang mana kita kalau kita dapat jadikan dan kita dapat gunakan seterusnya untuk pembangunan. Saya berterima kasih kepada Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor yang juga telah memberi beberapa pandangan bagaimana Baitulmal ini sudah dilakukan. Ini sudah lebih daripada beberapa kurun sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. Jadi, tapi melihatkan keadilan itu mesti berlaku bagaimana penyaluran itu akan berlaku. Tapi jawapannya kita hari ini seperti yang saudara saya dari Sekinchan nyatakan tentang konsep gambar. Konsep tersebut ialah satu usaha untuk mengadakan satu sistem pentadbiran kerajaan Negara yang mana semua itu merupakan perjalanan yang seharusnya dilakukan.

Saya akan sentiasa membawa *option-option* ini kerana saya rasa dia perlu dibahaskan. Perlu rakyat negeri Selangor tahu kita boleh memajukan negeri Selangor. Kita boleh menambahkan pembangunan negeri Selangor. Kita juga mesti menentukan hasil rakyat negeri Selangor dan pembayaran cukai untuk negeri Selangor ini dapat disalurkan dengan adilnya kepada rakyat negeri Selangor. Jadi perjuangan itu adalah satu perjuangan yang mesti kita lakukan dan saya akan terus membawa perkara ini dan menerangkan kepada Pakatan Rakyat dan rakan-rakan Pakatan Rakyat di seluruh Malaysia supaya kita memikirkan perkara ini. Akhirnya yang paling baik Kerajaan Persekutuan menghentikan cara-cara yang ada sekarang. Tapi ada kalanya jawapan yang selalu diberikan termasuk rakan saya dari Bukit Antarabangsa ialah kita ganti Kerajaan Persekutuan itu saja jawapannya. Jadi saya tidak nak meneruskan tentang perkara tersebut tetapi selain daripada itu saya juga berterima kasih kerana kita dapat menunjukkan

kematangan kita dari segi menganalisa tentang peranan polis yang sepatut dilakukan juga tentang cara-cara kita melihat simbol-simbol yang perlu kita jaga dan saya merasakan perbincangan kali ini untuk Dewan ini kalau kita baca keseluruhannya yang *hansard* yang akan datang kita tidak malu mewakili satu Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk). Akhir sekali saya lagi sekali berterima kasih kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker yang begitu tabah menjalankan tugas dan begitu sedia membuat kajian dan akhirnya kita jangan lupa untuk menentukan Persidangan Dewan ini ditahu benar oleh masyarakat dan juga mereka-mereka yang ingin menghormati Dewan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam tempoh 6 hari kita bermesyuarat kali ini Dewan ini telah pun meluluskan perbekalan Rang Undang-undang Tambahan 2009 mengendalikan 62 soalan mulut dan juga meluluskan 8 usul. Saya ucapkan tahniah dan syabas. Dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan yang telah pun memberikan kerjasama untuk melicinkan perjalanan Persidangan Dewan pada kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan serta seluruh kakitangan Dewan termasuk pelapor-pelapor yang telah bekerja siang dan malam untuk menyediakan penyata rasmi sepanjang mesyuarat ini. Oleh itu saya berharap semua Yang Berhormat dapat menyemak kembali semua penyata yang diedarkan berkaitan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Sekian, terima kasih. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.55 petang)